

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
*Ninth Parliament*  
**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*  
**MESYUARAT PERTAMA**  
*First Meeting*

---

**Jilid III**

**Bil. 14**

**Hari Rabu**

**4 Jun 1997**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN</b>	(Ruangan 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1997	(Ruangan 40)
Rang Undang-undang Tafsiran (Pindaan) 1997	(Ruangan 91)
Rang Undang-undang Peguambela (Sabah) (Pindaan) 1997	(Ruangan 99)
Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1997	(Ruangan 132)
Rang Undang-undang Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997	(Ruangan 139)
Rang Undang-undang Perkhidmatan Bersama (Pegawai Hal-Ehwal Islam) 1997	(Ruangan 163)
<b>USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 89)

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEMBILAN  
Mesyuarat Pertama  
Penggal Yang Ketiga  
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P.

(Dilantik)

- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sun (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)

- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)

- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Shanmugan a/l R.M.S. Mutaya, A.M.N., P.J.K. (Selangor)

## **DEWAN NEGARA**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha:	Nor Hayatee binti Abdullah

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

### ***PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN***

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

### **BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**DEWAN NEGARA**

**Rabu, 4hb. Jun, 1997**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI**  
**PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**JURUTERBANG WANITA DI MAS - BILANGAN**

1. **Tuan Tan Son Lee** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan pilot wanita yang berkhidmat di MAS serta sebab-sebab kekurangan pilot wanita untuk berkhidmat di MAS.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:**

Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang tiada juruterbang wanita yang berkhidmat dengan penerbangan Malaysia (MAS) dan pihak MAS belum lagi mengambil wanita untuk dilatih sebagai juruterbang. MAS juga belum ada dasar untuk mengurangkan atau tidak mengambil kaum wanita untuk berkhidmat sebagai juruterbang. Oleh itu tidak timbul persoalan tentang sebab-sebab kekurangan juruterbang wanita yang berkhidmat dengan MAS. Sekian.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak MAS mempunyai rancangan untuk menggalakkan wanita untuk menjadi pilot? Terima kasih.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, perkara ini adalah macam terbuka iaitu MAS tidak mempunyai cadangan untuk menggalakkan wanita menjadi juruterbang atau sebaliknya tetapi MAS sentiasa mempunyai sikap terbuka iaitu sedia menerima ataupun sedia memberi pertimbangan jika terdapat juruterbang wanita

yang telah mendapat lesen, yang mempunyai pengalaman yang mencukupi untuk memohon kepada MAS. Sekian.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa ramai juruterbang yang ada sekarang dalam MAS.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini perlu notis, saya rasa.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Baba:** Dan berapa ramai daripada warganegara Malaysia sendiri dan dari luar negeri?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini MAS mempunyai seramai 1,187 orang juruterbang di mana 124 dari angka ini adalah terdiri daripada orang-orang asing. Sekian.

#### **GOLONGAN ASNAF YANG LAPAN - PENERIMAAN ZAKAT**

2. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah yang diperuntukkan kepada golongan asnaf yang lapan yang berhak menerima zakat yang telah dikeluarkan oleh mana-mana badan yang memungut zakat di Wilayah Persekutuan dan Selangor. Minta jelaskan jumlah penerima dan peruntukannya mengikut pecahan badan-badan berkenaan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, setiap asnaf adalah berhak menerima zakat. Ini dijelaskan dalam Al-Quran, ayat 60 surah At-Taubah [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] ertinya “zakat itu untuk orang fakir, miskin, mengurus zakat, orang mualaf ertinya untuk memerdekakan hamba, orang-orang yang berhutang dan jalan Allah dan untuk orang musafir.”

Jumlah peruntukan yang diperuntukkan kepada lapan asnaf di Wilayah Persekutuan, jumlah semua sejak tahun 1992 hingga 1996 ialah RM118 juta, kemudian bagi asnaf untuk diberi zakat bagi negeri Selangor sejak tahun 1992 hingga 1996 ialah sejumlah lebih kurang RM75 juta. Urusan pengagihan kepada setiap asnaf tidaklah

semestinya sama rata iaitu satu per-lapan daripada jumlah pungutan zakat pada satu-satu tahun tertentu sebaliknya diagih mengikut keperluan dan kadar yang munasabah. Sebab itu ada asnaf yang lebih dan ada yang kurang berdasarkan kepada bilangan sesuatu asnaf. Ada juga asnaf yang tiada lagi wujud seperti hamba. Bagaimana pun asnaf ini dipindahkan kepada asnaf lain.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya amat tertarik hati dengan jawapan yang diberikan oleh pihak kerajaan tadi terutama sekali dari segi mengagihkan zakat-zakat ini kepada orang-orang miskin yang berkelayakan. Saya hendak tahu adakah pihak yang berwajib dari segi mengendalikan dana zakat ini bekerjasama dengan kerajaan dari segi mengagihkan kepada mereka yang tergolong dalam PPRT ini, jadi tidak ada pertindihan dari segi hendak mengagihkan dan saya juga tertarik hati dengan hutang ini tadi. Orang yang berhutang dapat, jadi saya hendak meminta penjelasan sedikitlah, hutang cara mana itu? Banyak sangat orang berhutang dengan bank, adakah mereka juga termasuk dalam hutang yang dapat diberi zakat ini?

**Datuk Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya jawab yang bawah dahulu - yang hutang - Kita beri bantuan zakat ini kepada orang yang berhutang yang terdesak. Bermakna dia hutang makanan - dia tidak cukup makan, tidak ada duit hendak beli makanan, jadi kita bayarkan untuk makanan dia. Begitu juga pakaian dan sebagainya. Hutang ialah kerana hendak hidup, bukan hutang kerana hendak berniaga, bukan hutang kerana hendak kaya. Kalau sekiranya orang itu berhutang dengan bank, misalannya sudah tentu orang ini hendak jadi kaya, dia makannya sudah cukup tetapi dia hendak memiliki harta yang lebih sebab itu dia berani berhutang dengan bank. Maka, akibatnya kalau dia tidak boleh bayar terimalah 'declare' bankrupsi, itu dia kalau

hutang kerana perniagaan, ini tidak termasuk apa yang hendak diberikan zakat ini siapa yang berhutang. Hutang ini terdesak kerana perbelanjaan anak dia hendak pergi sekolah tidak ada, dia terpaksa berhutang dengan orang lain dahulu, kemudian hendak membayar balik tidak ada duit, dia boleh mengisi borang tertentu kepada Baitulmal ini dan Baitulmal ini akan mengeluarkan jumlah yang dia berhutang itu. Jadi, ini keadaan hutang yang diberi.

PPRT ini kita ada ukuran, Wilayah Persekutuan ini ada ukuran. Kalau sekiranya pendapatannya lebih kurang RM350, kurang daripada itu, kalau dia memohon untuk dapatkan zakat ini kita pertimbangkan. Walaupun dia ada kerja, misalnya, kerja mencuci bangunan tetapi pendapatannya tidak mencukupi untuk menampung keluarganya, kita boleh beri lagi. Begitu juga jika sekiranya dia dapat sedikit sebanyak bantuan daripada mana sekalipun tetapi pendapatan itu masih rendah, makanya kita berhak memberi lagi bantuan di atas dasar miskin.

Miskin dengan fakir ini adalah dua keadaan yang berbeza. Tidak semestinya orang miskin itu menjadi fakir tetapi orang fakir itu mesti miskin. Orang yang fakir ini dia langsung tidak ada upaya untuk bekerja, cacat dan tidak ada harta ataupun pendapatan langsung, itu fakir. Tetapi, orang miskin, dia ada upaya kerja, mendapat pendapatan tetapi pendapatannya tidak mencukupi - 'line poverty' ataupun garis kemiskinan - jadi, apabila dia bawah daripada garis kemiskinan kita takrifkan dia miskin, maka dia berhak untuk mendapat zakat daripada Baitulmal ini dengan syarat-syarat tertentu - mengisi borang dan disahkan oleh ketua kampung dan sebagainya dia benar-benar miskin barulah kita boleh beri bantuan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah dana zakat ini diuruskan dalam usaha memantapkan tabung ekonomi Islam?

**Datuk Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, kita mesti berikan zakat kepada asnaf yang lapan. Ini memanglah, kita tidak berhak menggunakan duit zakat ini sewenang-wenangnya dengan perkara lain. Kita mesti gunakan kepada asnaf yang lapan sebagaimana kita sebutkan tadi. Kita mesti belanja. Sebab itulah banyak mana pendapatan tahunan kita akan cari orang yang patut mendapat dan kita akan beri. Jadi, kita tidak boleh hendak dilaburkan untuk berniaga dan sebagainya. Saya ingat Datuk Haji Ibrahim Ali pun ada sebut mengenai zakat masa perbincangan kita hari itu. Ada yang kita beri cara sekali setahun, ada kita beri berterusan setahun tiap-tiap bulan dan ada agensi-agensi tertentu yang hendak jalan fisabilillah, kita pun beri, jadi kita mesti belanjakan di atas kebajikan yang ditentukan oleh Islam kepada asnaf yang lapan. Jadi, kita tidak boleh menggunakan duit zakat ini untuk ketentuan bagi mengumpulkan harta untuk tabung kita dari masa ke semasa. Itu kita dengan cara yang lain.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, tadi dikatakan bahawa semua wang zakat yang diterima diperuntukkan kepada golongan asnaf yang lapan. Soalan tambahan saya ialah adakah wujud satu badan atau sistem untuk mengawalselia pengeluaran atau pembayaran zakat kepada golongan-golongan ini untuk memastikan benar-benar dianya terdiri daripada golongan tersebut? Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang ada badan yang mengelolakan ini bahkan kita ada hubungan dengan ketua-ketua kampung atau ketua masyarakat supaya memberitahu siapa yang patut hendak diberikan zakat ini, kemudian kita buat siasatan. Duit yang kita dapat ini sentiasa diaudit, apa yang kita

gunakan kepada orang tertentu, kita audit. Maknanya, kita mungkin tidak dapat membanci keseluruhan orang-orang yang miskin dan fakir, kecuali kita mendapat orang-orang daripada kebajikan masyarakat, orang yang tulis surat kepada pejabat, kita pergi berjumpa dan menyiasat, kebetulan mana-mana yang beritahu, kalau betul-betul mereka ini layak, kita beri. Jadi, maknanya kita ada khusus badan untuk mengelolakan duit ini bagi diberikan kepada asnaf yang lapan. Ini memang kita cuba dengan seadil mungkin supaya orang yang berhak mendapat habuan daripada zakat ini.

### **MEDIA CETAK DAN ELEKTRONIK - PENGARUH GEJALA SOSIAL NEGATIF DI KALANGAN REMAJA**

**3. Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sejauh manakah kajian dibuat mengenai pengaruh media membentuk masyarakat madani; dan
- (b) langkah-langkah supaya media cetak dan elektronik tidak mempengaruhi gejala sosial negatif di kalangan remaja.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji**

**Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan akan melaksanakan kajian pengaruh media, khususnya media elektronik dalam membentuk masyarakat madani. Ini sejajar dengan salah satu rumusan Seminar Nilai-nilai Moral Dalam Rancangan Televisyen yang bertujuan untuk mendapatkan pandangan ahli-ahli profesional badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan, pengusaha-pengusaha perfileman dan pemilik-pemilik stesen televisyen ke atas pengaruh siaran televisyen dalam membentuk nilai-nilai moral khususnya di kalangan generasi muda. Selain itu, seminar tersebut juga, antara lain, telah merumuskan keluarga dan masyarakat sekeliling perlu memainkan peranan utama supaya dapat meningkatkan ketahanan diri dan mengelakkan daripada terjebak dengan gejala-gejala keruntuhan moral yang lebih serius.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri bagi memastikan media cetak tidak mempengaruhi gejala sosial negatif di kalangan remaja, antara lain, ialah sentiasa mengawasi bahan-bahan yang disiarkan melalui media cetak dan penerbitan di negara ini selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Selain itu, mengadakan perbincangan, majlis dialog, khidmat nasihat, pemeriksaan dan kawalan bagi memastikan pencetakan dan penerbitan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Bagi menangani masalah penyiaran bahan-bahan negatif melalui media elektronik, Lembaga Penapisan Filem (LPF) akan terus menapis semua filem yang akan disiarkan melalui televisyen, panggung wayang gambar atau untuk dijual kepada orang ramai. Di samping itu, penguatkuasaan mengikut Akta Filem (Penapisan) 1952 bagi membendung pengedaran filem-filem yang tidak ditapis dan filem-filem yang mengandungi bahan-bahan berunsur negatif akan terus dipertingkatkan.

Dalam usaha untuk membentuk nilai-nilai murni dan positif khususnya di kalangan remaja, Kementerian Penerangan akan terus mempertingkatkan kawal selia rancangan-rancangan yang disiarkan oleh stesen-stesen penyiaran di negara ini bagi memastikan ianya mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Penyiaran. Mana-mana stesen penyiaran yang melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam garis panduan itu akan diberi teguran dan amaran keras supaya mereka tidak mengulanginya. Kesemua usaha ini bertujuan untuk memastikan supaya stesen-stesen penyiaran juga haruslah menyumbang ke arah pembentukan nilai-nilai murni kepada masyarakat Malaysia.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tahu bahawa masyarakat lebih meminati penyiaran-penyiaran dan juga

penulisan-penulisan yang tidak berbentuk ke arah membentuk masyarakat, misalnya pengajaran dan sebagainya. Mereka lebih terpengaruh dengan siaran-siaran dan juga penulisan-penulisan yang lebih berbentuk hiburan.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian bercadang untuk memberikan insentif kepada penulis-penulis dan juga kepada pihak-pihak yang mengeluarkan ataupun menerbitkan penerbitan-penerbitan ke arah membentuk masyarakat supaya masyarakat dapat manfaat daripada penulisan dan penyiaran mereka itu ke arah membentuk masyarakat madani, kerana kalau dilepaskan begitu sahaja, saya berpendapat bahawa mereka lebih gemar untuk menyiarkan dan menulis perkara-perkara yang diminati oleh masyarakat yang mana jika mereka, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, menyiarkan perkara-perkara yang baik tidak mendapat sambutan dan kemungkinan dari segi pendapatan dan imbuhan mereka akan terjejas. Adakah kementerian bercadang untuk memberi insentif ke arah itu?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang mempunyai rancangan untuk memberi insentif kepada penulis-penulis malahan pengeluar-pengeluar filem dan drama-drama, seperti dalam peringkat tahunan kita mengadakan hadiah-hadiah tertentu kepada drama-drama yang dipaparkan menerusi televisyen yang cukup baik. Di samping itu juga, di peringkat dalaman kementerian, kita memberi anugerah cemerlang kepada barisan kakitangan yang mempunyai kemahiran dan memaparkan perkhidmatan yang cukup cemerlang menjurus ke arah melahirkan seperti Yang Berhormat nyatakan tadi.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila Yang Berhormat menyebut penapisan dan kawal selia, saya teringat satu ketika dahulu

saya ke Pantai Timur, lalu saya mendengar satu petikan di mana mengatakan ‘bersahabat di dunia dan bersahabat di neraka’. Ini ialah kaset yang telah dimainkan yang saya rasa tidak ditapis langsung. Apakah kerajaan atau kementerian telah mengambil satu langkah untuk menapis kaset-kaset yang begitu banyak bertebaran terutama saya nampak di Chow Kit Road di mana bahasa yang dipergunakan ini kadang-kadang terlalu tidak begitu baik, terutama dari segi memperkukuhkan perpaduan rakyat Malaysia?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sememangnya kementerian bersama dengan kementerian yang lain, khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang mempunyai tanggungjawab terus untuk cuba mengatasi masalah ini sentiasa memberi kerjasama sepenuhnya. Ada di satu peringkat di mana agak susah sedikit bagi kita untuk menapis, contohnya macam CD-Rom. CD-Rom kita tidak mempunyai satu kaedah yang tertentu untuk cuba hendak delete dalam pasaran yang kita faham pada hari ini. Walaupun demikian, pihak kementerian telah pun mengarahkan pihak FINAS, badan agensi yang kita pertanggungjawabkan untuk sentiasa mengambil tindakan yang tegas terhadap mana-mana pihak yang didapati membuat gejala-gejala yang tidak baik, seperti Yang Berhormat nyatakan tadi.

**Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tetapi sebelum itu saya mengambil kesempatan hendak mengucapkan tahniah kepada sahabat saya Dato’ Kadir Jasin dari *The New Straits Times* yang mengambil tanggungjawab sepenuhnya di atas kartun yang dikeluarkan baru-baru ini yang menunjukkan di mana pelawat-pelawat hendak pergi ke Thailand terpaksa ambil test dari segi HIV dan sebagainya.

Soalan saya, adakah pihak kementerian mengambil berat dari segi mengorak langkah strategi memberi bukan tunjuk ajar tetapi falsafah negara kita kepada mereka yang terlibat di dalam media cetak terutamanya. Kerana saya dapati surat khabar bertarikh 31 haribulan, hari Sabtu, *Berita Harian* Singapura, daripada 39 muka surat khabar itu, separuhnya iklan, tetapi 3 muka surat daripada 16 muka surat, lebih kurang dekat 20% adalah cerita-cerita atau berita-berita berkaitan dengan pandangan penduduk Singapura terhadap Malaysia, terutama sekali dari segi imigresennya, dari segi hendak melawat atau tidak melawat ke Johor dan sebagainya. Kita dapati surat khabar di sebelah sini pula kadangkala tidak mencerminkan hasrat kerajaan dari segi nasionalismenya, cerita-cerita yang berkaitan dengan kepentingan negara. Jadi, adakah pihak kementerian bercadang ataupun telah membuat seminar, melatih ataupun memberi pandangan kepada mereka yang terlibat dari segi media cetak ini supaya pandangan mereka, cara mereka, pendekatan mereka selari dengan nasionalisme negara?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan itu, sebetulnya soalan Yang Berhormat itu agak spesifik iaitu menyentuh mengenai dengan pencetakan, walaupun ianya jatuh dalam bidang tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri. Dalam saya menjawab soalan lebih awal tadi adalah sebahagian daripada maklumat tambahan yang saya hendak juruskan ke arah memperjelaskan usaha-usaha kerajaan untuk cuba mengatasi pada keseluruhannya bagaimana menangani masalah moral dan juga mencapai ke arah masyarakat madani. Walaupun demikian, seperti yang saya nyatakan, sememangnya Kementerian Dalam Negeri senantiasa memastikan bahawa media cetak tidak akan dipengaruhi oleh gejala sosial ini. Saya yakin cadangan Yang Berhormat itu cukup baik dan saya akan ketengahkan kepada Kementerian Dalam Negeri.

**PERKHIDMATAN KERETA API KOMUTER ELEKTRIK -  
MEMPERKENALKAN KE SELURUH NEGARA**

**4. Tuan Low Kai Meng** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kementerian bercadang memperkenalkan perkhidmatan kereta api komuter secara elektrik ke seluruh negara bagi mengatasi masalah pencemaran.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan memang mempunyai hasrat untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan kereta api penumpang di seluruh rangkaian kereta api termasuklah memperkenalkan kereta api penumpang elektrik. Oleh kerana terdapat batasan-batasan kewangan, maka peningkatan mutu dan pemodenan perkhidmatan kereta api penumpang ini hanya dapat dilaksanakan secara berperingkat mengikut keutamaan.

Seperti kita semua maklum, perkhidmatan kereta api komuter telah pun dilaksanakan di Lembah Klang mulai Ogos 1995. Dalam pada itu, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan akan melaksanakan perkhidmatan kereta api berelektrik di antara Kuala Lumpur-Ipoh dengan menggunakan teknologi tren pendular (tilting train). Dalam tempoh yang sama, kerajaan juga akan melaksanakan projek pembinaan landasan berkembar elektrik antara Kulai-Johor Bahru dan diadakan sambungan ke Lapangan Terbang Senai.

#### **KILANG MEMPROSES AMANG - GANGGUAN KESIHATAN PEKERJA**

**5. Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah dan tindakan kementerian terhadap kajian yang menunjukkan pekerja di tempat memproses amang terdedah kepada paras dos radioaktif yang tinggi dan boleh menyebabkan gangguan pada kesihatan pekerja.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah dan tindakan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terhadap kajian yang menunjukkan pekerja di tempat memproses amang terdedah kepada paras dos radioaktif

yang tinggi dan boleh menyebabkan gangguan pada kesihatan pekerja adalah seperti berikut:-

- (i) menjalankan kajian semula ke atas semua kilang amang di Malaysia;  
dan
- (ii) menguatkuasakan dua buah panduan untuk kilang amang.

Bagi langkah pertama di atas, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA) sedang menjalankan kajian semula terhadap dedahan paras dos radioaktif yang diterima oleh pekerja di kilang-kilang amang mulai tahun 1995 hingga 1997. Kajian semula ini dibuat atas arahan Kabinet bagi membolehkan kilang amang dikecualikan daripada Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984. Arahan ini telah diwartakan sebagai Perintah Pelesenan Tenaga Atom (Kilang Amang Kecil) (Pengecualian) 1994. Hasil kajian untuk tahun 1995 dan 1996 menunjukkan bahawa paras dedahan yang diterima oleh pekerja adalah 10 millisievert setahun (mSv/tahun) iaitu di bawah paras yang dibenarkan iaitu 50 mSv/tahun.

Bagi langkah kedua di atas, Lembaga Pelesenan Tenaga Atom telah menguatkuasakan dua panduan kepada pengusaha kilang amang iaitu:-

- (i) “Panduan Untuk Keselamatan Pengangkutan Mineral Radioaktif Di Dalam Industri Mempertingkatkan Amang 1994”; dan
- (ii) “Panduan Perlindungan Sinaran Untuk Kilang Amang Kecil 1994”.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato’ Ting Check Sii.

**Tuan Kan Kok Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 6.

#### **ELAUN MAKAN/LOJING DI SARAWAK - KAJIAN**

**6. Tuan Kan Kok Kwan [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Kewangan menyatakan mengikut surat-surat pekeliling semasa elaun makan dan had maksimum sewa hotel bagi pegawai-pegawai kerajaan dari Semenanjung ke Sarawak adalah lebih tinggi daripada kelayakan rakan-rakan sejawat dari Sarawak ke Semenanjung. Ini

mungkin disebabkan keadaan masa dahulu di mana kos kehidupan dan kadar sewa hotel adalah lebih tinggi di Sarawak. Keadaan sekarang adalah sebaliknya. Kebanyakan pegawai kerajaan, khasnya berpangkat sederhana dan rendah, dari Sarawak yang menjalankan tugas rasmi ke Semenanjung Malaysia menghadapi masalah dalam lojing kerana kadar sewa hotel di Kuala Lumpur telah melebihi kelayakan mereka. Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula elaun perjalanan mereka. Jika ada, bilakah ia akan dilaksanakan. Jika tidak, kenapa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin**

**Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, kadar kelayakan bayaran penginapan adalah sebagaimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1992 di mana kadar-kadar berkenaan telah berkuatkuasa mulai 1 Mac 1991. Kadar-kadar penginapan yang digunakan di dalam pekeling tersebut diperolehi melalui hasil kajian kos sara hidup termasuk kadar penginapan yang telah dijalankan pada tahun 1990.

Dimaklumkan bahawa hasil daripada kajian tersebut, didapati antara lain, kadar bayaran penginapan dan juga makanan di Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi daripada Semenanjung. Dengan itu, penginapan kadar elaun makanan dan bayaran sewa hotel, elaun lojing terpaksa dibuat mengikut wilayah, iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah termasuk Labuan dan Sarawak berdasarkan kepada faktor-faktor kos sara hidup.

Sebelum ini pun, kadar-kadar bayaran penginapan yang ditetapkan di dalam pekeling perbendaharaan yang lalu bagi Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi daripada Semenanjung. Soal pegawai dari Sarawak termasuk Sabah jika bertugas rasmi di Kuala Lumpur tidak memperolehi penginapan di hotel yang sesuai mengikut kelayakan masing-masing tidaklah berbangkit, kerana pegawai dari Semenanjung yang bertugas rasmi di Kuala Lumpur juga menghadapi masalah yang sama.

Walau bagaimanapun, kerajaan khususnya Kementerian Kewangan sedang dalam tindakan untuk menyemak semula kesemua elaun, kemudahan dan bayaran di bawah peraturan Pegawai Bertugas Rasmi, iaitu Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2, Tahun 1992

dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3, Tahun 1992 bagi Perkhidmatan Polis. Cadangan bagi melaksanakan kenaikan kadar berkenaan mengambil sedikit masa kerana penentuan kadar perlu dibuat secara teliti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah yang dibangkitkan itu bukan setakat di Kuala Lumpur sahaja, malah berlaku juga di bandar-bandar besar seperti Johor Bahru, Kuantan dan Ipoh.

### **HUTAN SIMPANAN - LANGKAH MENJAGA**

7. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada kementerian beliau akan mengawasi serta menjaga hutan simpanan rimba apabila meluluskan projek perumahan dan pembangunan di kawasan yang mana terdapat hutan simpanan rimba itu. Nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menjaga hutan-hutan simpanan rimba di negara ini.

#### **Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]:**

Tuan Yang di-Pertua, kawasan berhutan di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama seperti berikut:

- (i) Hutan Simpanan Kekal (HSK);
- (ii) Hutan Tanah Kerajaan; dan
- (iii) Hutan Tanah Bermilik.

Hutan Simpanan Kekal (HSK) merupakan kawasan hutan yang diwartakan di bawah peruntukan yang ditentukan di bawah Akta Perhutanan Negara. Kesemua kawasan HSK ini diurus dan dijaga dengan sistem pengurusan hutan secara berkekalan oleh Jabatan Perhutanan. Sistem ini adalah bagi menjamin kesinambungan serta memastikan sumber-sumber hutan dapat dikekalkan secara berterusan. Sementara kawasan berhutan dalam kategori kedua ialah kawasan Hutan Tanah Kerajaan yang dimiliki oleh kerajaan negeri. Kerajaan negeri berhak menjalankan apa-apa projek yang difikirkan sesuai dan munasabah seperti pembukaan kawasan berhutan untuk sektor

perladangan, perumahan, industri dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pengeluaran kayu balak daripada kawasan tanah kerajaan itu biasanya dirujuk dan mendapat nasihat kepakaran daripada Jabatan Perhutanan di samping memudahkan pengutipan premium serta royalti kayu. Kawasan berhutan yang terdapat pada kawasan tanah bermilik pula adalah hak individu dan pemilik berhak mengeluarkan kayu balak yang terdapat dalam kawasan tanahnya dengan syarat pemilik terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Jabatan Perhutanan dan membayar royalti kayu balak.

**Tuan Rosli bin Mat Hasan:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk bertanya kepada Menteri Perusahaan Utama, dalam Dasar Perhutanan Negara, terutama sekali dalam proses pengurusan hutan secara berkekalan, the sustain yield management system, kita dapati program penebangan melebihi daripada program penanaman semula. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menjaga hutan secara berkekalan ini sudah memadai supaya keseluruhan jumlah hutan simpanan kita akan terus berkekalan?

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menetapkan di bawah Hutan Simpanan Kekal, pengusaha hasilan kawasan tersebut ialah mengikut Catuan Tebangan Tahunan (CTT). Jadi, Catuan Tebangan Tahunan bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh ialah sebanyak 46,040 hektar setahun bagi Semenanjung Malaysia, untuk Sabah 94,500 dan Sarawak 170,000 CTT bagi tiap-tiap tahun dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Oleh itu, jika mana-mana negeri yang telah melebihi CTT, maka kerajaan negeri tersebut perlulah menggantikan kawasan yang telah lebih diusahakan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sehingga ini sejauh manakah pihak Kementerian Perusahaan Utama dapat mengesan balak-balak yang telah dicuri oleh pembalak-pembalak yang tidak bertanggungjawab, dan

bolehkah kementerian namakan syarikat-syarikat yang mendapat konsesi balak di seluruh negara?

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu soalan yang kedua itu saya minta notis, saya tidak ada senarai nama. Soalan yang pertama, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah sukar untuk kementerian mengenal pasti atau menentukan kerugian yang dialami daripada pembalakan haram. Tetapi kami mengambil tindakan-tindakan tertentu untuk mengurangkan pembalakan haram yang berlaku di negara ini. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Yang Berhormat Menteri pada 20hb telah menyatakan bahawa waktu Akta Perhutanan yang telah dilaksanakan di negara ini maka bilangan kes yang melibatkan pembalakan haram dari tahun 1990 sehingga 1996 didapati berkurangan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sering mendengar tohmahan daripada setengah-setengah pihak, terutamanya NGO menyatakan bahawa peratus hutan di negara kita ini berkurangan berbanding dengan piawaian yang dipakai oleh dunia. Saya ingin mendapat pengesahan daripada pihak kementerian adakah tuduhan ini benar, dan kalau benar negeri-negeri manakah dalam negara kita ini yang telah pun mempunyai peratusan hutan yang kurang daripada piawaian yang telah ditentukan?

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut data yang dikumpul oleh kerajaan, kawasan-kawasan berhutan di Malaysia berjumlah 18.91 juta hektar, iaitu merupakan 57.5% keluasan di negara kita. Maka 57.5% ini melebihi angka bilangan keluasan yang sepatutnya yang kita jangka atau kita telah menetapkan supaya kawasan hutan ini melebihi 50% daripada keluasan hektar di negara ini.

Untuk menjawab soalan kedua, kawasan berhutan di negara kita, saya ada angka jumlah hektar untuk tiap-tiap negeri, saya rasa biar saya beri kepada Yang Berhormat secara bertulis, kalau hendak senarai untuk negeri mungkin lama sedikit.

## **SAMPAH - SYARIKAT PEMUNGUT CAJ TINGGI**

8. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan badan-badan tempatan lain prihatin terhadap syarikat-syarikat yang ditugaskan dalam pengambilan sampah mengenakan bayaran yang lebih tinggi terhadap penduduk kawasan berkenaan tetapi tahap perkhidmatannya jauh lebih rendah daripada perkhidmatan yang diberikan oleh pihak kerajaan sebelum ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan pungutan sampah bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah pun diambil alih secara interim oleh Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. pada 1 Januari 1997. Dalam pengambilalihan ini, pihak Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. tidak mengutip bayaran daripada penduduk kawasan terlibat kerana bayaran dibuat terus oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada syarikat berkenaan. Dari segi perkhidmatan yang diberikan, pada keseluruhannya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur puas hati dengan perkhidmatan oleh syarikat berkenaan, dan sentiasa mengawasinya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilalihan perkhidmatan secara interim ini akan ditamatkan sebaik sahaja pihak kerajaan menandatangani perjanjian konsesi dengan syarikat-syarikat berkenaan dalam penswastan pengurusan sisa pepejal seluruh negara. Kerajaan memang prihatin terhadap penduduk kawasan yang akan dikenakan bayaran perkhidmatan pungutan sampah apabila perkhidmatan tersebut diambilalih oleh syarikat-syarikat terlibat. Oleh itu, kerajaan akan memastikan kadar bayaran yang akan dikenakan kepada penduduk oleh syarikat-syarikat terlibat tidak akan

membebankan mereka, di samping memastikan perkhidmatan yang akan diberikan oleh syarikat-syarikat berkenaan adalah di tahap yang baik.

**Datuk Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar seperti kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi setakat ini belum sebarang bayaran dikenakan oleh pihak yang telah pun diberikan konsesi untuk mengangkut sampah di Kuala Lumpur. Pada masa sekarang rakyat membayar melalui cukai pintu ataupun melalui assessment. Jadi, apabila rakyat terpaksa pula membayar yuran kutipan sampah ini, adakah pihak kementerian akan mengurangkan cukai pintu atau assessment, kerana telah pun dibuat bayaran secara berasingan?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Langkah ini sebenarnya sudah diambil kira apabila perkara penswastaaan pengutipan sampah sarap ini dikaji oleh pihak EPU. Kita akan tunggulah apa caranya yang ditentukan oleh pihak EPU apabila syarat-syarat konsesi ini sudah ditentukan dan perjanjian itu ditandatangani oleh pihak konsesi. Adakah soal cukai pintu ini dikurangkan, ini kita akan mengambil perhatian dan saya rasa perkara ini buat masa sekarang belum dapat diselesaikan lagi. Kalau ada dikurangkan, maka kita akan memberi satu kajian yang sepenuhnya sama ada ini adakah langkah yang bijak atau tidak, saya rasa perkara ini akan diumumkan di masa masa akan datang.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengar Yang Berhormat jawab tadi bahawa Yang Berhormat mengatakan perkhidmatan pengambilan sampah ini pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur puas hati. Saya punya pandangan sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak, saya mengatakan saya tidak berapa puas hati. Sebabnya sampah-sampah ini dibuang dalam tong, dan saya tengok sendiri didapati ada tempat-tempat sampah dalam tong itu melimpah-limpah. Maknanya, tong tidak mencukupi. Apabila lambat dipungut, maka datanglah lalat-lalat berkeliaran. Jadi,

semalam juga dibahas dalam Dewan yang mulia ini, masalah kekotoran, sikaplah, pendidikanlah. Alasan saya, tong sampah tidak cukup. Kalau pun sikap itu baik, takkanlah sampai 10 kilometer hendak berjalan cari tong sampah. Orang hisap rokok ataupun budak-budak makan ice-cream, dia hendak cari tong sampah sampai kena berjalan kaki merata mencari tong sampah. Kalau dibandingkan dengan Singapura, boleh dikatakan setiap beberapa jarak ada tong sampah.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Sedepa.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Sedepa ada tong sampah. *[Ketawa]* Sedepa lebih kurang beberapa kaki?

**Seorang Ahli:** Empat kaki.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Empat kaki, tak kiralah asal pokok pangkalnya dekatlah. Jadi, apakah Yang Berhormat sedar perkara ini. Jadi, janganlah timbul apa-apa masalah kekotoran atau apa-apa masalah selalu orang bercakap pendidikan, sikap, pendidikan, sikap. Tolong tengok kerja sama ada kemudahan infrastruktur, kemudahan tong-tong sampah cukup, mudah untuk rakyat pergi buang sampah. Kalau Yang Berhormat pun saya rasa tak larat kalau tengok tong sampah tidak ada, takkanlah kulit ice-cream hendak masuk dalam poket, mustahil. Takkanlah puting rokok hendak masuk dalam poket. Yang Berhormat Dato' Ahmad Abdullah mesti bersetuju dengan saya sekarang. *[Ketawa]*

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah di atas pandangan Yang Berhormat itu dan perkara ini akan disampaikan kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, kerana buat masa sekarang, Syarikat Alam Flora ini memang menjadi kontraktor pihak Dewan Bandaraya dan kita akan sampaikan masalah ini kepada Dewan Bandaraya untuk dipanjangkan kepada syarikat berkenaan.

Tetapi pada keseluruhannya, saya sebut tadi, perkara ini memuaskan sebab ia telah mengikut satu cara yang sistematik untuk mengutip sampah khasnya di kawasan perumahan dan kita nampak hari ini, saya pun tak tahulah sama ada rumah Ahli Yang Berhormat ada tong sampah yang dibekalkan khas kepada setiap rumah itu oleh Syarikat Alam Flora ini. Ini adalah satu tong sampah standard di mana ia senang sedikit untuk dibersihkan dan sebagainya.

Kita harap juga dengan adanya sistem yang diamalkan oleh Syarikat Alam Flora itu, maka keberkesanan untuk mengutip sampah boleh dipertingkatkan lagi. Dan saya hendak sebut juga di sini, perkara ini kita memang sentiasa mengawasi dan walaupun perkara ini diswastakan, saya hendak terangkan di sini juga, pihak kementerian memang ada sebuah jawatankuasa ditubuhkan untuk mengawasi perkara-perkara ini dan kita harapkan dengan penglibatan feedback atau maklum balas dari Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan juga orang ramai, pihak NGO dan sebagainya, kita boleh mengawasi perkara ini dengan lebih ketat supaya konsesi ini boleh dijalankan dengan licin.

### **PENYAKIT LEUKEMIA LYMPATHIC - KESAN DARI PANCARAN RADIASI FREKUENSI RADIO**

9. **Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada kementerian sedar bahawa Menara Stesen Televisyen mengeluarkan (menghasilkan) Pancaran Radiasi Frekuensi Radio yang boleh menyebabkan Leukemia Lymphatic di kalangan kanak-kanak yang tinggal di kawasan berdekatan. Jika sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk mengawal dan mencegah penyakit tersebut dari menghinggapi kanak-kanak.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan dan pemasangan Menara Stesen Televisyen pada keseluruhannya di Malaysia diadakan di atas kawasan bukit atau gunung yang tinggi yang berjauhan dari rumah kediaman awam kerana ianya berkuasa tinggi iaitu sebanyak 10,000 watt ke atas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada juga stesen pemancar televisyen yang berkuasa rendah iaitu kurang daripada 100 watt yang dibina untuk menampung liputan kawasan yang tidak diliputi oleh stesyen pemancar utama tersebut yang dikenali sebagai 'blind spot' yang biasanya ditempatkan di tanah tinggi yang mungkin berhampiran dengan kawasan kediaman. Walau bagaimanapun, oleh kerana kuasanya yang rendah, ia tidak akan menjejaskan kesihatan orang ramai.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kementerian berhasrat untuk mewujudkan satu kampung, satu pondok telefon di seluruh negara?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini telah terkeluar sangat dari soalan pokok, saya juga hendak mengambil kesempatan untuk menjawab soalan ini iaitu kementerian bukan sahaja berhasrat untuk mengadakan satu pondok telefon di setiap sebuah kampung, kita memang berhasrat untuk mewujudkan lebih daripada satu pondok telefon di sebuah kampung, mungkin dua, tiga, empat dan lima. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian sedar bahawa stesen-stesen pemancar di kawasan sempadan seperti di Perlis dan juga di beberapa negeri terlalu lemah sehingga penduduk-penduduk mengalami gangguan daripada pemancar dari negara jiran dan ini sudah tentu akan mengurangkan maklumat yang didapati oleh penduduk-penduduk tempatan.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya stesen yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah stesen televisyen, bukan stesen telekomunikasi?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Kedua-duanya sekali, stesen televisyen dengan radio.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, stesen telekomunikasi memang tidak ada masalah, kalau sekiranya pengusaha berfikir bahawa ada masalah, mereka akan memohon supaya mewujudkan lebih banyak stesen telekomunikasi. Stesen televisyen ini adalah di luar daripada bidang kuasa kementerian saya, ini adalah di dalam bidang kuasa Kementerian Penerangan. Kalau sekiranya RTM hendak mewujudkan lebih banyak stesen, ia akan mengemukakan kepada pihak kementerian dan pihak kementerian akan memberikan kelulusan.

#### **PIL NALTREXONE - RAWATAN UNTUK PENAGIH DADAH**

10. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah fungsi pil Naltrexone yang boleh menjamin kesan positif kepada penagih dadah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, Naltrexone adalah sejenis ubat antagonis narkotik yang boleh menyekat kesan-kesan khayalan atau hallucination, dengan izin, yang dihasilkan oleh opiate. Ini bermakna sekiranya penagih menggunakan dadah opiate, beliau tidak akan merasai kesan khayalan.

Dengan kaunseling dan faktor-faktor sokongan yang lain, penyekatan kesan kekhayalan ini akan menghilangkan rasa ketagihan dan mendorong penagih untuk terus hidup tanpa dadah.

Adalah ditegaskan bahawa ubat Naltrexone bukan rawatan tunggal. Ia hanya bertindak sebagai rawatan sokongan atau adjunct treatment, dengan izin. Faktor-faktor sokongan seperti motivasi diri yang tinggi, sokongan keluarga yang baik, mempunyai pekerjaan dan gaya hidup yang konvensional serta kaunseling yang konsisten akan membolehkan penagih menghilangkan rasa ketagihan.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bolehkah Yang Berhormat memberi description ataupun detail pil Naltrexone ini, dibuat daripada jenis-jenis dan bahan-bahan apa yang begitu baik seperti yang dikatakan tadi.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan doktor atau pharmacist yang boleh memberi detail, saya akan menjawabnya secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa masalah pemulihan penagih-penagih dadah ini bukan masalah yang senang untuk dipulihkan, mereka yang telah ketagih menjadi pelatih di pusat serenti dan dilepaskan akhirnya kita dapati yang boleh diselamatkan cuma 30%, sementara 60% lagi kembali menagih kalau mengikut rekod yang kita dengar dari Kementerian Dalam Negeri.

Saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, berapakah kos pemulihan bagi seorang penagih dadah dengan menggunakan pil Naltrexone ini? Dan apakah menggunakan pil ini akan dapat menghilangkan rasa ketagihan, 'urge' untuk menagih semula selepas dia dipulihkan.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, satu projek perintis telah dijalankan dengan oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian Dalam Negeri yang melibatkan dengan 2,000 orang penagih dadah dari pusat-pusat serenti di seluruh negara dengan jumlah peruntukan sebanyak RM6.9 juta sehingga tahun 2000. Dan mereka yang telah keluar dari pusat serenti itu masih lagi menggunakan pil Naltrexone sampai mereka tidak ketagihan lagi.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat belum menjawab lagi soalan saya. Saya bertanya berapakah kos bagi seorang, cost per head, dengan izin?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya telah berikan - sebanyak 2,000 orang kosnya bernilai RM6.9 juta sehingga tahun 2,000. Saya telah berikan! *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 11.

## **MAKANAN DAN MINUMAN DI KANTIN SEKOLAH- KAWALAN KEBERSIHAN**

11. **Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi menentukan bekalan makanan di kantin-kantin sekolah sentiasa dijamin sempurna penyediaannya, selamat dan baik untuk kesihatan. Adakah kementerian akan mewujudkan satu pasukan pelawat bagi menentukan bahawa kantin-kantin sekolah dikendalikan oleh mereka yang sihat dan penyediaan yang sihat supaya penuntut kita dari kecil lagi didedahkan dengan pemakanan yang sihat dan sempurna.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, kebersihan makanan dan minuman yang dijual di kantin sekolah dikawal melalui langkah-langkah berikut:-

- (i) makanan dan minuman yang dijual adalah sesuai dengan peraturan yang ditetapkan dalam Garis Panduan Kantin Sekolah serta tidak bercanggah dengan Akta Makanan dan Peraturan Makanan;
- (ii) peraturan penyediaan, hidangan, pengendalian dan penyimpanan makanan dan minuman sentiasa dipatuhi oleh pengusaha kantin sekolah;
- (iii) amalan pengendali makanan yang mementingkan kebersihan dan keselamatan makanan dan minuman.

Justeru itu, memberi keprihatinan yang wajar terhadap kebajikan warga sekolah. Satu badan mengawasi pengendalian dan pengurusan kantin sekolah sememangnya sedia wujud di semua peringkat. Mekanisme di bawah Jawatankuasa Bersama Kesihatan Sekolah yang wujud di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah adalah melibatkan para pegawai kedua-dua agensi Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan. Para pegawai Jabatan Kesihatan Negeri dan daerah serta pegawai Jabatan Pendidikan Negeri dan daerah sentiasa ke sekolah-sekolah menyelia perjalanan kantin sekolah tersebut.

Di peringkat sekolah pula, satu Jawatankuasa Kantin Sekolah memastikan pengurusan harian kantin sekolah berjalan dengan lancar. Jawatankuasa ini antara lain mengusahakan langkah-langkah kependidikan makanan dan pemakanan secara bukan formal di kantin sekolah tersebut.

**Tuan Janggu Anak Banyang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari kementerian mengapakah kantin-kantin di sekolah luar bandar, kebanyakan pemeriksaan ini tidak kerap, sepatutnya selalu diperiksa, kadangkala sebulan sekali dan kadangkala tidak sampai tiga bulan. Adakah kementerian mengambil berat kerana kebanyakan pengusaha kantin apabila murid-murid sekolah membeli barang di kantin selalunya kena keracunan makanan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil kepada mereka yang menjual makanan seperti itu.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memeriksa semua kantin di sekolah sama ada di bandar atau di luar bandar. Sekiranya ada insiden yang berlaku seperti yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kementerian akan mengambil tindakan termasuklah menamatkan kontrak tersebut. Jadi, dalam konteks ini, saya haraplah jangan bimbang, kita akan terus memeriksa semua kantin di semua sekolah di seluruh negara.

**Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pernah Kementerian Kesihatan membuat spot check ke sekolah-sekolah yang mempunyai kantin?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada, bukan sahaja spot check, kita sudah mengarahkan guru-guru besar dan guru-guru itu membuat check secara continuous, dengan izin. Jadi, pada setiap saat pun kita check. *[Ketawa]* Jika sekiranya ada apa-apa masalah, kita akan mengetahuinya.

**Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, maksud saya, kita tidak berharap kepada guru besar sahaja ataupun guru-guru sekolah, tetapi daripada kementerian. Setahu saya, tidak pernah pun mereka datang.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, guru besar dan guru-guru itu adalah sebahagian daripada kementerian juga, mereka merupakan front line kementerian.

*[Ketawa]*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kementerian bercadang untuk membenarkan koperasi-koperasi sekolah menengah dengan kerjasama PIBG untuk menguruskan kantin-kantin sekolah ini? Sebab ini adalah satu langkah yang baik, di samping boleh mengawal kebersihan dan masalah pemakanan di sekolah.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, itulah satu cadangan yang amat baik dan jawatankuasa kantin di peringkat sekolah tersebut memang akan menimbang secara, dengan izin, favourably, kalau ada cadangan tersebut dikemukakan oleh koperasi sekolah.

**Tuan Yang di-Pertua** Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam.

**Puan Sri Sarasa Pasamanickam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 12, tetapi sebelum itu saya ingin menarik perhatian kepada ejaan nama saya, ada kesalahan, harap dibetulkan.

#### **ZAT MAKANAN - KEKURANGAN DI KALANGAN RAKYAT**

12. **Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh kementerian dalam memperbaiki masalah kurang zat pemakanan dan cara pemakanan sihat di kalangan rakyat yang merupakan punca utama masalah kesihatan di negara ini.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam, tadi Yang Berhormat Puan Mastika

Junaidah ada minta kos rawatan Naltrexone bagi seorang. Kos rawatan menggunakan Naltrexone bagi seorang penagih dadah adalah RM2,416 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan nombor 12, pelbagai usaha sedang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dalam menangani kedua-dua masalah pemakanan sama ada masalah kekurangan zat makanan mahupun masalah peningkatan pelbagai gejala penyakit akibat gaya hidup dan gaya makan yang tidak sihat. Ini selaras dengan objektif utama aktiviti pemakanan Kementerian Kesihatan iaitu untuk mencapai taraf pemakanan yang optimum bagi setiap individu melalui aktiviti perancangan, pemulihan dan promosi pemakanan.

Antara usaha khususnya untuk dijalankan untuk memperbaiki taraf pemakanan kanak-kanak dan ibu ialah pelaksanaan program pemulihan kanak-kanak kekurangan zat makanan dari keluarga termiskin. Program makanan tambahan susu penuh krim untuk kanak-kanak, ibu hamil dan ibu menyusukan bayi yang mengalami masalah pemakanan. Juga program pencegahan dan kawalan kekurangan zat iodin.

Satu lagi usaha penting meningkatkan taraf pemakanan bayi dan seterusnya kanak-kanak ialah melalui program promosi penyusuan susu ibu. Antara aktiviti yang dijalankan di bawah program ini ialah pelaksanaan tata etika produk susu formula bayi dan pengiktirafan hospital rakan bayi.

Sementara itu makan untuk kesihatan, *healthy eating*, dengan izin, dipilih sebagai tema kempen Cara Hidup Sihat 1997 yang mana telah dilancarkan pada 4 Januari 1997 yang lalu. Usaha ini adalah untuk menggalakkan orang ramai supaya mengamalkan pemakanan yang sihat. Antara aktiviti yang dijalankan untuk kempen ini ialah penyebaran maklumat melalui media massa, pameran, dialog, ceramah dan nasihat kaunseling secara kumpulan dan individu. Di samping itu penerbitan buku resepi, *resepi*

*sihat pilihan bijak* yang diuruskan oleh kementerian juga merupakan satu lagi usaha ke arah menjayakan kempen ‘makanan untuk kesihatan’.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan akhir. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Fasal di hujung ini mengantuk sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan makanan ini bukannya di bandar sangat yang ada masalah ini. Masalahnya di kampung-kampung termasuk anak-anak murid kita yang ada di atas ini yang di kampung-kampung, makan di kantin ini yang tidak begitu sesuai.

Soalan tambahan saya, saya ada bawa berkenaan dengan apa yang dimakan oleh orang-orang kampung kita termasuk Datuk Haji Ibrahim Ali, pada tahun 1995 semasa saya baru dilantik sebagai senator. Saya ada bawa paku, keladi, asin-asin, jering, petai.....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tongkat Ali!

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tongkat Ali bukan boleh makan cara begitu. *[Ketawa]* Itu untuk makanan lain, Tuan Yang di-Pertua. Ini, Datuk Haji Ibrahim ini selalu hendak mengacau saya. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, tolong nasihat sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini yang selalu orang-orang kampung makan, yang selalu kanak-kanak makan di kampung. Jadi, adakah makanan ini memberi zat? Yang ini masalahnya sekarang ini. Soalan ini patutnya tumpu banyak ke kampung-kampung. Saya banyak makan dodol, saya banyak makan tompoyak tetapi badan sihat juga. *[Ketawa]* Jadi, masalahnya bolehkah kerajaan membuat satu kajian makanan-makanan yang kita makan di kampung ini adakah ianya memberi zat. Petai, keladi, adakah ia memberi zat? Paku? Angin - sejuk! Pokok asin-asin ini saya sudah beritahu dahulu bahawa satu kajian

telah dibuat oleh seorang penuntut di London yang membuat doctorate di dalam nutrition mengatakan asin-asin ini kalau dimakan budak-budak, dia bantut, fikirannya pun bantut dan diuji kepada tikus, tikus itu semakin lama semakin kecil tidak boleh besar apabila makan asin-asin ini. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, kalau kita makan asin-asin ini pun kita berasa kepala hendak pening, tidak tahulah kalau Yang Berhormat tidak pernah makan asin-asin. Asin-asin ini saya ingat Tuan Yang di-Pertua tahu, saya tidak payahlah cerita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat berkenaan. Memang minat dengan perkara seperti ini. Saya boleh hantar pegawai dari kementerian saya dan kita boleh buat satu kajian mengenai perkara yang disebutkan tadi. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Ibrahim Ali.

**Datuk Haji Muhamad bin Abdullah:** Ada lagi, ingat sudah habis. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Belum, ini yang terakhir ini. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa ini pun satu soalan yang saya rasa agak penting bagi saya sebab saya hendak tahu. Kebanyakan negara - di lain-lain negaralah, kita tengok bangsa-bangsa di negara lain dia sama sahaja. Kalau lima kaki, enam kaki, saiz itu sama sahaja. Di Malaysia ini agak berbeza dengan negeri lain. Ada pendek, tinggi, gemuk, kurus, cuba kita bandingkan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dengan Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, bezanya - jauh beza. Memang berbeza dengan bangsa di negara lain. Aakah ini ada kena mengena dengan zat pemakanan ataupun tidak seimbang, ini timbul masalah life style di antara luar bandar dengan di bandar ataupun seumpamanya?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, di negara kita, kita ada orang-orang dari India, Cina dan Melayu pun ada. Memang built yang lain-lain kita tengok. Seorang kita tengok ada yang gemuk, kurus, memang ada dengan cara individu. Ini semua mengikut pemakanan juga. Kalau ambil lebih makanan yang lebih lemak, makan hari-hari dengan nasi lemak yang banyak ataupun lain-lain perkara, macam makan banyak nasi dan tidak kira dengan badan, memang jadi gemuk. Inilah jadi masalah kita, itulah sebab kita ada kempen ini, jangan makan, makan pun makan dengan healthy eating. Jangan makan apa-apa yang kita suka, tengok ada dua, tiga roti canai, you makan banyak juga. Itu pun jadi masalah. *[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang minta laluan pula ini.

**Tuan Yim Chee Chong:** Soalan tambahan terakhir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Laluankah?

**Tuan Yim Chee Chong:** Ha, minta laluan *[Ketawa]* Terima kasih ya. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju tentang pandangan itu. Kalau makanan sahaja yang menyebabkan seseorang gemuk atau kurus. Pada hemat saya kalau ayahnya gemuk anaknya gemuk. *[Ketawa]* Kalau bapanya pendek jadi anaknya pun pendek bukan sebab makanan. *[Ketawa]* Itu sahaja. *[Ketawa]*

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, memang ini pandangan daripada Yang Berhormat yang berkenaan tetapi kalau saya simpan Yang Berhormat dalam satu bilik tanpa memberi makan selama dua hari, memang dia boleh menjadi kurus. *[Ketawa]* Boleh juga beri minum air, itu sahaja cukup. Memang makan yang menjadikan ini semua. Kita tidak ikat mulut kita, sebab itulah kita mahu makan semua, we have always, habit to eat more. Inilah masalah kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Soal Jawab mulut telah pun selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.13 hingga 21 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA (PINDAAN) 1997**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini bacakan kali yang kedua sekarang.” *[3 Jun 1997]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ding Seling, sila sambung ucapan. Ringkaskan ya.

**3.40 ptg.**

**Tuan Ding Seling:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hanya sedikit sahaja lagi. Semalam saya sudah kemukakan satu soalan kepada pihak kementerian sama ada karya-karya dalam bentuk lisan ataupun oral tradition boleh dimasukkan dalam Akta Hakcipta ini ataupun tidak. Ini adalah oleh kerana dalam bahagian 2 takrif yang dikemukakan dalam akta ini termasuk juga dalam bentuk yang tampak ataupun bukan tampak.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua yang saya ingin minta penjelasan ialah dalam perkara 9 di mana kita akan meminda seksyen 36 akta itu. Soalan saya di sini

ialah sama ada ini melibatkan kes-kes di mana pelajar-pelajar di sekolah sehinggalah ke universiti memfotostatkan buku-buku ataupun artikel-artikel yang ada hakcipta dan kalau ada, adakah itu melanggar undang-undang dan mereka itu akan didenda seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 10(d)(iii).

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, minta sabar sekejap. Di bawah Peraturan 6(3) saya jemput Tuan Ding Seling untuk mengambil tempat sekejap.

**Tuan Ding Seling:** Silakan Yang Berhormat Datuk Rahim Baba.

**3.42 ptg.**

**Datuk Rahim bin Baba:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang pada saya telah begitu peka terhadap perkembangan-perkembangan terkini dan hasil daripada itu yang telah pun meminda Akta Hakcipta 1987 selaras dengan perkembangan teknologi yang ada sekarang khususnya dalam perkembangan teknologi maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) tentunya akan membawa cabaran baru, tentunya akan membawa perkara-perkara baru kepada kementerian khususnya dari segi untuk melindungi hakcipta terhadap ciptaan-ciptaan baru seperti karya-karya pendidikan, karya produk hiburan dan juga yang lain-lainnya.

Saya juga memahami betapa sukarnya tugas pihak kementerian walaupun kita ada rang undang-undang untuk memastikan rang undang-undang hakcipta ini dipatuhi ataupun dihormati oleh pihak-pihak yang terlibat. Dan adalah diharapkan melalui perlindungan yang diberikan, ianya akan memberikan galakan kepada pencipta-pencipta untuk melahirkan ciptaan-ciptaan baru khususnya ciptaan yang dibuat melalui multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan pandangan dan juga mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian mengenai beberapa perkara berikut:

Pertamanya, seperti Tuan Yang di-Pertua sendiri telah pun timbulkan tadi mengenai kegiatan memfotostat buku-buku ataupun bahan-bahan rujukan oleh pelajar, penyelidik ataupun oleh individu-individu yang tertentu. Ianya saya percaya berlaku

dengan sebegitu berleluasa sekali. Apakah ianya tidak ditakrifkan sebagai melanggar Akta Hakcipta ini kerana biasanya mereka yang melakukan kegiatan ini tidak terlebih dahulu meminta izin ataupun membayar sebarang royalti kepada pencipta sesuatu bahan cetak itu.

Saya berharap dan juga ingin mencadangkan supaya kegiatan-kegiatan seperti ini yang tidak dilakukan bukan dengan niat untuk mendapatkan keuntungan, bukannya untuk dijual tetapi untuk kegunaan peribadi, untuk kegunaan sendiri akan dikeluarkan ataupun akan dikecualikan daripada Akta Hakcipta ini supaya mereka ini tidak didenda ataupun diambil tindakan oleh pihak kementerian kerana tugas-tugas atau perkara-perkara yang dilakukan bukanlah dengan niat untuk mencari keuntungan ataupun untuk mendapatkan pulangan. Jadi, saya percaya pihak kementerian akan dapat mengecualikan mereka ini daripada dikenakan tindakan di bawah akta yang kita bincangkan ini.

Begitu juga dengan kegiatan merakam video sesuatu siaran yang dipancarkan melalui televisyen atau melalui Internet. Kadang-kadang banyak kita lihat mereka yang mengambil rakaman-rakaman, umpamanya kalau ada pertandingan bola sepak, ada orang yang membuat rakaman secara sendiri. Kadang-kadang kalau ada pertunjukan-pertunjukan yang baik di televisyen umpamanya, saya tengok di TV3 di bawah itu ada ditulis 'hakcipta terpelihara' ataupun sebagainya. Jadi, kegiatan-kegiatan merakam video ini kalau untuk kegunaan persendirian, adakah ianya menjadi satu kesalahan? Walaupun kadangkala ditayangkan balik kepada umum untuk dilihat oleh kaum keluarga ataupun oleh rakan-rakan terdekat adakah ianya menjadi satu kesalahan kalau ditayangkan semula bukannya dengan tujuan untuk mencari keuntungan ataupun untuk disiarkan, selepas itu untuk mengutip bayaran untuk mereka itu melihat. Saya berharap ianya juga akan dikecualikan daripada akta ini supaya walaupun pihak-pihak yang menayangkan perkara

ini telah pun menentukan bahawa hakcipta adalah terpelihara di bawah akta yang telah pun ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian terhadap hakcipta seperti lagu-lagu, sajak, gurindam dan sebagainya yang disiarkan melalui radio, televisyen, komputer, Internet dan juga lain-lain media. Apakah kepentingan dan juga hak seseorang pencipta itu terpelihara apabila umpamanya lagu-lagu ataupun hasil karya seseorang itu dimainkan di radio, di televisyen ataupun di khalayak ramai. Saya faham bahawa pihak RTM khasnya membuat bayaran royalti terhadap lagu-lagu yang dimainkan di radio ataupun disiarkan di televisyen. Mungkin setiap kali lagu itu dimainkan ada royalti yang dikhaskan, umpamanya kalau lagu Allahyarham P. Ramlee dikumandangkan di radio, ada royalti yang ditetapkan. Tetapi bagaimana pula dengan bayaran royalti kepada pencipta terhadap lagu-lagu yang disalurkan melalui siaran-siaran pemancar yang dimiliki oleh pihak swasta, umpamanya seperti TV3, Astro, Mega TV dan juga lain-lainnya. Adakah pihak kementerian juga memastikan supaya royalti juga dikutip apabila lagu-lagu ini disiarkan melalui siaran-siaran yang dimiliki oleh pihak swasta. Pihak kerajaan mungkin kerajaan mempunyai kontrol tetapi pihak swasta, saya khuatir. Kalau tidak, mereka yang mencipta ataupun yang berhak terhadap sesuatu hakcipta itu tidak akan mendapat haknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian dari segi hak seseorang pencipta. Umpamanya kalau lagu seseorang itu dinyanyikan oleh orang lain ataupun sajak seseorang itu dideklamasikan oleh pihak lain - orang lain yang mendeklamasikan, adakah beliau itu berhak untuk menuntut sebarang royalti atau adakah ianya tertakluk kepada hakcipta. Saya tahu pihak kementerian akan menjawab seseorang mesti register dahulu untuk mendapatkan - tidak payah, kita tidak

payah lagi kerana saya hendak tahu jawapan secara spontan, pihak kementerian kata tidak payah register. Maknanya, dengan sendirinya ia sudah ada protection, dengan izin, dengan sendirinya akan diprotect ataupun akan dipertahankan. Jadi, bagaimana hak seseorang pencipta itu?

Satu lagi perkara yang ingin saya tanyakan ialah berapa lama pula? Adakah selama-lamanya? Umpamanya, seperti lagu Allahyarham P. Ramlee yang dinyanyikan dan juga apa pula perbezaan antara mereka yang mencipta dan juga mereka yang mendendangkan? Ada setengah lagu-lagu itu dicipta oleh orang lain, tetapi didendangkan oleh orang lain. Jadi, dari segi hak siapakah yang lebih berhak dari segi hakcipta ini? Dan berapa lama pula seseorang itu berhak untuk mengutip royalti dan sebagainya? Adakah hakcipta seseorang itu berhak untuk selama-lamanya? Saya berharap ada. Pihak kementerian mesti menetapkan satu jangka masa, ianya tidak boleh selama-lamanya untuk menjadi hak kepada seseorang itu. Mungkin ada jangka masa yang ditetapkan oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hakcipta ini juga saya percaya pengetahuan masyarakat amat terhad sekali, tidak ramai yang mengetahui hak-hak mereka. Ada juga waris-waris yang tidak memahami hak-hak bahawa mereka itu boleh menuntut bayaran ataupun sebagainya. Masyarakat biasa pun tidak tahu sama ada dia telah melanggar undang-undang hakcipta ataupun sebagainya. Jadi, saya berharap supaya pihak kementerian mengadakan lebih banyak penjelasan kepada masyarakat, kepada orang ramai tentang apa yang boleh dianggap sebagai satu hakcipta. Kita selalu memikirkan soal lagu, soal sajak umpamanya. Adakah ungkapan kata boleh didaftarkan sebagai satu hakcipta kepada seseorang ataupun fesyen umpamanya. Seorang pereka fesyen buat sesuatu fesyen, adakah dia boleh register bahawa ini sebagai hak cipta dia dan

didaftarkan. Umpamanya kalau seorang arkitek satu bangunan didaftarkan sebagai satu hakcipta. Satu lagi umpamanya macam resepi masakan sekarang ini, bolehkah didaftarkan sebagai mempunyai hak ataupun didaftarkan di bawah undang-undang hakcipta ini?

Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya lebih banyak lagi sesi penerangan dibuat kepada masyarakat supaya masyarakat lebih tahu tentang hak mereka dan juga supaya masyarakat tidak membuat kesilapan-kesilapan kerana saya dapati di bawah rang undang-undang ini denda yang dikenakan adalah begitu tinggi sekali hingga ke RM250,000 ataupun penjara selama 3 tahun. Saya juga ingin bertanya sekadar ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian, sejak Akta Hakcipta 1987 ini dilaksanakan, saya tidak tahu berapa ramai yang telah pun didenda ataupun yang telah ditangkap kerana melanggar Akta Hakcipta ini. Kalau tidak ada ditangkap, kalau tidak ada mereka yang didapati bersalah, adakah kerana kita kurang mempunyai kakitangan, kita kurang mereka yang boleh membuat pengawalan ataupun pengelolaan terhadap Akta Hakcipta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya masalah hakcipta ini bukanlah satu masalah yang dihadapi oleh Malaysia sahaja, tetapi oleh seluruh pencipta di seluruh dunia pun saya percaya menghadapi masalah yang sama. Jadi, sepatutnya satu penyelarasan undang-undang baik di peringkat antarabangsa, kalaupun tidak dapat di peringkat antarabangsa, sekurang-kurangnya di peringkat serantau, di peringkat ASEAN umpamanya hendaklah dibuat supaya undang-undang kita dapat diseragamkan. Mungkin ada perkara yang dianggap sebagai satu kesalahan di sebuah negara, tetapi tidak pula dianggap sebagai satu kesalahan di negara yang lain. Jadi, perkara ini juga perlu dilihat kerana kita akan pergi ke dunia yang tanpa sempadan ataupun borderless world, dengan izin. Jadi, kemungkinan penyeragaman dari segi perundangan dapat dibuat. Kalaupun

tidak dapat di peringkat seluruh dunia, sekurang-kurangnya di peringkat serantau di kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya adakalanya kaedah-kaedah sains, matematik, idea dan sebagainya kadangkala orang itu ada sesuatu idea untuk memajukan sesuatu, adakah ini juga boleh dianggap sebagai satu hakcipta ataupun terlindung di bawah rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong rang undang-undang untuk meminda Akta Hakcipta 1987.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin.

**3.57 ptg.**

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun dan juga berterima kasih kerana diberi peluang untuk turut membahaskan satu rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Hakcipta 1987.

Saya mengucapkan tahniah di atas kepekaan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang bertindak segera mengkaji Akta Hakcipta 1987 untuk dipinda dan disesuaikan dengan perkembangan semasa. Perkembangan dunia cyber melahirkan masyarakat cyber yang memerlukan perlindungan undang-undang cyber. Kepesatan dunia teknologi maklumat tidak dapat dibendung lagi. Seluruh dunia telah merasai perubahan besar. Dengan adanya information technology (IT) kita akan dapat melakukan pelbagai perkara dan mempertingkatkan urusan niaga dan juga usaha-usaha kita dalam meningkatkan pembelajaran melalui information technology. Di negara kita, kita dapati setiap minggu ada sahaja seminar, pameran serta promosi-promosi mengenai IT diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sering mengikut suami saya ke pameran-pameran komputer dan ekspo mengenai komputer. Yang menyedihkan sekali lagi saya melihat betapa bumiputera ketinggalan dalam dunia baru ini, tidak sampai suku atau 25% daripada pengunjung-pengunjung ekspo dan pameran-pameran ini terdiri daripada

bumiputera. Ini bukan satu tahun, saya telah pergi 4-5 tahun yang lalu, hingga hari ini begitulah keadaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kementerian akan membawa perkara ini ke Kabinet sebelum terlambat supaya perkara ini diangkat (address) supaya kerajaan peka dengan fenomena ini agar nanti tidak timbul pula satu friction yang baru dan juga akan menimbulkan masalah dalam sosio-politik negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian, peningkatan dan kepesatan dunia komputer di negara kita telah meningkat dengan membanggakan. Di Jepun, kenaikan 26%, di China, Australia dan Korea 62% - ini yang saya dapat daripada akhbar, di Malaysia 27.1% - ini menunjukkan peningkatan yang amat membanggakan dan dijangkakan di Malaysia ada 328,200 unit PC (personal computer) di rumah-rumah rakyat di negara kita sedangkan buat masa sekarang ini mengikut kajiannya, di United States peningkatan penggunaan komputer pada tahun lalu cuma 15% ke 18%. Ini berkemungkinan mereka telah pun terdedah dan di negara mereka penggunaan komputer ini telah pun dilaksanakan sekian lama.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap dengan adanya Akta Hakcipta (Pindaan) 1997 akan memberi keyakinan kepada semua pihak rakyat Malaysia dan juga pihak-pihak luar yang ingin menjalankan urusanniaga di negara kita bahawa mereka dilindungi dengan perlindungan undang-undang di bawah Akta Hakcipta 1987. Kita berharap dengan adanya undang-undang ini akan membantu usaha-usaha yang sedang giat dijalankan oleh kerajaan terutama oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang telah pun mempromosikan Multimedia Super Corridor ke seluruh pelosok dunia.

Satu perkara yang ingin saya bangkitkan dalam membahaskan akta ini, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian mengenai beberapa isu. Pertamanya,

mengenai harga komputer walaupun ini di luar daripada hakcipta, tetapi saya rasa inilah kementerian yang direct mengendalikan masalah-masalah perniagaan dalam negara. Kerana dalam usaha kita untuk memajukan, usaha-usaha meningkatkan pengguna IT di negara kita, saya dapati bahawa harga penjualan komputer adalah berbeza dari masa ke semasa. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah harga-harga komputer ini dikawal oleh pihak kementerian. Sebagai contohnya, pada satu ketika dahulu mungkin pada tahun lalu kita membeli satu personal computer (PC) dengan chip pemerosesan Pentium 90MHz dalam harga lebih kurang RM5,000. Tetapi sekarang ini kita telah dapat membeli dengan tambahan-tambahan aksesori yang lain, termasuk memory, termasuk peningkatan kepada memory daripada 90 kepada 200. Maknanya kita mendapat komputer yang lebih baik lagi, mempunyai memory yang lebih besar lagi dan juga dibekalkan dengan CD-Rom, dengan pemacu CD-Rom, Modem dan juga keupayaan memory dan kelajuan yang lebih baik, dan harganya sama dengan harga yang kita dapati RM5,000 pada lima tahun yang lalu.

Walaupun sekarang ini memang kita bersyukur harga agak turun, tetapi bagi mereka yang telah membeli lebih awal merasakan bahawa mereka telah pun membeli dengan harga yang mahal. Kadang-kadang ada juga rakan-rakan saya sekarang ini mereka melihat dahulu, menunggu untuk mendapatkan komputer, dan dalam masa menunggu ini saya rasa satu kerugian bagi masyarakat kita, kerana apabila kita bimbang kepada pembangunan teknologi ini, maknanya kita tidak melangkah ke era untuk mendekatkan diri kita dengan bekalan-bekalan komputer yang boleh kita melatih diri kita sehingga bimbang kepada perubahan-perubahan harga yang tidak menentu. Saya berharap mungkin pihak kementerian dapat menjelaskan bagaimanakah kawalan

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini kepada bekalan komputer.

Perkara yang kedua yang ingin saya sebutkan di sini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah Akta Hakcipta ini juga meliputi program-program yang ada dalam negara kita kerana kita tahu program-program yang ada dalam negara kita pada masa ini adalah program-program yang diimport daripada luar negara. Satu-satu program original, dengan izin, daripada luar negara mempunyai atau harga untuk mendapatkan program-program ini agak mahal, mungkin RM400, RM600, mungkin RM1,000 atau RM2,000 lebih. Kita tahu dalam pasaran ada program-program ini yang dikopi, program-program yang telah pun dikopi oleh pihak-pihak tempatan dan dijual dengan harga yang mampu dibeli oleh masyarakat kita, terutamanya oleh masyarakat-masyarakat daripada luar bandar. Misalnya kalau Microsoft Office dalam harga RM600 dijual bagi program yang original, sedangkan jika kita mendapatkan program salinan daripada negara kita, kita mungkin perlu membelanjakan lebih kurang RM100 sahaja.

Jika Akta Hakcipta ini juga terpakai kepada program-program ini, saya nampak dengan adanya akta ini, akan sedikit-sebanyak sekali lagi membantutkan usaha-usaha kita untuk kita menggalakkan rakyat di negara kita dapat cepat mempelajari dan cepat mendekati diri dengan dunia siber hari ini. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah Akta Hakcipta ini juga meliputi program-program komputer yang dibekalkan dalam negara kita? Kerana satu ketika saya pernah melihat bahawa pegawai-pegawai daripada kementerian membuat operasi-operasi di kedai komputer sehingga penjual-penjual komputer ini tidak berani untuk menjual program-program yang telah pun disalinkan, kerana mereka bimbang mereka akan ditangkap dan akan dikenakan dakwaan

melanggar undang-undang ataupun melanggar peraturan-peraturan undang-undang hakcipta di negara kita.

Jadi, dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya walaupun undang-undang ini kita akan luluskan, tetapi ada setback kepada masyarakat kita keseluruhannya. Dalam peringkat awal tadi saya menyebut bahawa bilangan penglibatan masyarakat keseluruhannya dalam dunia komputer ini kita nampak kalau dilihat dari segi kaum, kaum bumiputera begitu kurang melibatkan diri. Kita agak bersyukur kerana mereka yang mungkin bekerja di jabatan-jabatan mendapat peluang ataupun mereka terpaksa untuk mempelajari komputer ini untuk kegunaan pejabat. Tetapi bagi pihak-pihak yang lain, terutamanya mereka yang di luar bandar jauh daripada mampu untuk memiliki set-set komputer di rumah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sebutkan di sini sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba sebentar tadi dari segi eksklusif hak penciptaan ini. Jika akta ini diluluskan, adakah akta ini juga akan merangkumi tindakan-tindakan setengah-setengah pihak sama ada pelajar, guru-guru dan sebagainya dalam menerbitkan ciptaan-ciptaan ini melalui terbitan-terbitan. Maksud saya apabila ada komputer itu, kita printkan apa yang kita lihat daripada komputer itu. Adakah itu merupakan satu kesalahan? Di dalam membaca akta ini juga saya agak tertanya-tanya kalau sesuatu pihak telah membuat sesuatu karya, ke manakah akan didaftarkan karya-karya ini? Kalau tidak ada satu badan khusus yang ditentukan untuk mendaftarkan karya-karya ini sudah tentulah pengurusan-pengurusan untuk pembayaran royalti akan menjadi masalah. Bagi pihak pengguna juga, bagi pihak klien yang ingin menggunakan ataupun ingin dapat melihat hiburan misalnya dan sebagainya, bagaimanakah mereka dapat membayar royalti ini? Tentulah bagi mereka yang ingin

menggunakan satu-satu ciptaan, susah bagi mereka untuk menghubungi pencipta-pencipta yang berkenaan. Kita berharap melalui akta ini, saya rasa negara kita akan memberi peluang kepada banyak lagi orang-orang tempatan, pencipta-pencipta tempatan, karyawan-karyawan tempatan untuk menerbitkan karya-karya mereka, termasuklah karya-karya yang saintifik.

Baru-baru ini saya melihat dalam televisyen, saya tidak pasti, saya fikir mungkin dalam Astro, ada satu terbitan yang dikeluarkan oleh Dr. Ridhuan Abdul Rahman daripada Universiti Putra, Sarawak yang mengeluarkan terbitan mengenai kehidupan dalam air. Saya kenal Dr. Ridhuan, beliau adalah seorang pakar mengenai kehidupan laut. Saya melihat bahawa ciptaan yang dikeluarkan adalah satu ciptaan yang amat bermutu, amat menarik. Tambahan pula di negara kita, kita tahu kita mempunyai alam sekitar hidupan laut yang sangat cantik. Dengan itu, kita berharap apabila ada akta ini akan memberi peluang ramai lagi saintis yang mempunyai kebolehan, yang mempunyai latar belakang yang boleh diketengahkan untuk diedarkan sama ada dalam negara ataupun untuk kegunaan-kegunaan Internet yang boleh disalurkan ke luar negara. Ia bukan sahaja dapat mendedahkan negara kita, tetapi mungkin kita akan dapat berjaya menarik pelancong melalui karya-karya ini.

Cuma yang agak saya tidak dapat melihat di dalam peraturan undang-undang ini, pihak manakah yang akan menyelenggarakan pendaftaran-pendaftaran hakcipta ini? Kepada siapakah orang-orang yang mencipta ini ingin mendaftarkan, dan bagaimanakah orang yang menggunakan ini, kepada pihak manakah mereka akan membayar royalti? Kemungkinan perkara ini ada di dalam pemikiran pihak kementerian, kita harap kementerian akan dapat menjelaskan kedudukan ini.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai penguatkuasaan. Penguatkuasaan ini ialah satu mekanisme di bawah kementerian. Kita dapati kementerian telah pun bersungguh-sungguh menjalankan usaha-usaha penguatkuasaan melalui Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini. Walau bagaimanapun, kita melihat beberapa kelemahan timbul, di mana dalam soal hakcipta ini kalau kita lihat penyanyi-penyanyi di negara kita pernah menyuarakan, malah ada yang telah pun meninggalkan bidang nyanyian, mungkin dengan alasan tersendiri, tetapi sedikit-sebanyak telah menyuarakan rasa tidak puas hati kepada undang-undang yang melindungi hakcipta mereka.

Jadi, dengan itu, saya juga sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba tadi, ingin mendapat penjelasan daripada kementerian adakah kementerian dengan pegawai-pegawai yang ada pada masa ini, mekanisme yang ada pada masa ini mampu untuk melaksanakan tugas penguatkuasaan ini. Jika tidak, adakah kementerian mempunyai apa-apa perancangan yang terperinci untuk masa depan, kerana saya berpendapat apabila negara kita telah pun masuk dalam era cyber world, kita memerlukan banyak lagi manpower dan juga banyak lagi kepakaran-kepakaran dalam kita menentukan supaya undang-undang yang kita luluskan ini dapat dilaksanakan sepenuhnya dan kewibawaannya terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya sampaikan dan saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1997. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim.

**4.12 ptg.**

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya juga untuk membahaskan rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh pihak kerajaan kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan undang-undang hakcipta ini dijadikan satu keperluan untuk menepati kehendak perkembangan teknologi semasa, terutamanya dengan pengwujudan MSC dan penambahan aplikasi teknologi yang lebih tinggi. Kita juga lihat bahawa undang-undang hakcipta ini adalah lagi satu peraturan ataupun satu lagi cara instrument yang dikenakan hukuman untuk mereka yang tidak bermoral dan beretika, yang sepatutnya menjadi landasan manusia yang perlu menghayati dan mengamalkan prinsip-prinsip moral dan etika yang seharusnya berlandaskan prinsip-prinsip agama yang murni. Kerana tanpa moral dan etika, selagi itulah kita terus menerus membuat undang-undang untuk menghukum kesalahan-kesalahan yang kadangkala kita rasakan boleh difikirkan oleh seseorang yang mempunyai fikiran yang munasabah dan waras, ia merupakan satu kesalahan. Apatah lagi dalam bidang hakcipta, di mana kita tahu ianya merupakan satu perbuatan mencuri, kerana walaupun tidak diketahui oleh orang lain, tetapi kita tahu perkara itu bukan hak kita, tetapi jikalau kita menciplaknya, maka ianya merupakan satu perkara yang salah.

Dalam perkembangan teknologi dan dalam perkembangan siber yang begitu menakjubkan, yang berubah begitu pantas sepantas cahaya, bertambahlah sukar bagi kita sebenarnya untuk menangkap, walaupun mungkin kita ubah undang-undang Akta Hakcipta dan sebagainya, tetapi saya percaya dan yakin ianya adalah merupakan satu tugas yang sukar. Tetapi walau bagaimanapun, kita perlu mengadakan undang-undang berkenaan. Jadi, tentu sekalilah tidak ada benteng yang lebih kukuh daripada benteng kekuatan seseorang itu yang berteraskan prinsip-prinsip moral dan etika.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, saya ingin mengungkap apa yang telah diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim semasa merasmikan 'The International Conference On Muhamad Iqbal And The Asian Renaissance' di Pan Pacific Glamory Shah Alam kelmarin, dengan izin, di mana beliau telah menyatakan bahawa kemakmuran Asia perlu berlandaskan prinsip-prinsip keadilan sosial yang semestinyalah dikukuhkan dengan kekuatan moral dan juga cintakan ilmu dalam diri. Dan jika kita memupuk idealisme kreatif tamadun ini maka tentulah akan menjadikan sesuatu kekuatan intelek kepada penduduk dan negara dan tentulah seperti yang saya katakan tadi, kita perlulah mengambil iktibar daripada falsafah yang telah banyak diwujudkan di zaman dahulu yang merupakan tamadun yang perlu dihidupkan kembali dalam abad ke-21 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini mungkin kita rasakan perkara yang mungkin di luar daripada pindaan Hakcipta, tetapi pada hemat saya ianya adalah merupakan salah satu daripada perkara asas yang perlu diambil kira oleh pihak kementerian bahawa dalam mewujudkan undang-undang, ia juga perlulah memberikan falsafah undang-undang yang diwujudkan iaitu falsafah yang mengatakan bahawa morality dan prinsip etika itu perlulah disatukan dengan undang-undang, bahawa asas undang-undang itu adalah morality dan etika. Kerana tanpa adanya morality dan etika itu sendiri, maka undang-undang itu mungkin tidak dapat diwujudkan dan seterusnya dilaksanakan.

Dalam konteks membicarakan dan membahaskan rang undang-undang yang telah dikemukakan beberapa perkara ingin saya nyatakan di sini, yang mungkin juga perlu dapat dikaitkan apa itu prinsip-prinsip moral dan etika. Kerana dalam kita menggubal rang undang-undang ini terutamanya dalam Fasal 2 (Pindaan) yang memberikan takrif tentang 'siaran' dan takrif tentang 'pencipta', saya berpendapat bahawa walaupun kita

telah cuba untuk mendapatkan satu pentakrifan untuk diubahsuaikan Akta Hakcipta yang lama untuk dapat disesuaikan dengan keadaan teknologi dalam komputer, saya dapati bahawa tafsiran yang telah dibuat itu memang baik tetapi mungkin tidak mencukupi kerana kita tahu bahawa perubahan dalam teknologi ini adalah sangat pantas dan ianya akan berubah dalam masa yang sekejap dan juga ianya satu-satu aspek yang sangat kompleks.

Kalau dikatakan tentang siaran itu sendiri, kalau hendak dikatakan atau hendak ditafsirkan mengikut rang undang-undang atau undang-undang itu sebagai satu yang ditafsirkan sebagai hakcipta, kita dapati bahawa kalau kita baca multimedia news, siaran itu sendiri mempunyai pelbagai bentuk yang di dalam web itu sendiri merupakan perkara yang agak sukar untuk dapat kita sebenarnya tafsirkan dan sebenarnya kita dapat mengatakan adanya sesuatu yang melanggar hakcipta.

Kalau dilihat daripada perkembangan siaran dalam teknologi ini, kita dapati memang banyak perkara yang boleh di pasang dan pelbagai style network baru yang telah dicipta dan tentu sekalilah memerlukan kepintaran peguam atau pendakwa multimedia yang amat tinggi pengetahuannya dalam hakcipta ini. Bagaimanakah ia dapat menggunakan peruntukan rang undang-undang sebenarnya, ataupun nanti dijadikan undang-undang untuk dapat menjatuhkan ataupun dapat ia mendakwa dan seterusnya mahkamah dapat menjatuhkan hukuman.

Jadi, saya berpendapat bahawa adalah baik jikalau peruntukan dalam rang undang-undang mengenai hakcipta ini dan tafsiran siaran dan seterusnya pencipta itu sendiri dapat diperluaskan dan diberikan kelonggaran agar ianya dapat diberikan tafsiran mengikut perubahan masa ke semasa kerana perubahan itu berlaku pantas, maka perubahan kepada tafsiran itu juga perlulah dapat dibuat dengan mudah agar kita tidak

sentiasa perlu mengubah rang undang-undang atau meminda undang-undang untuk menyesuaikan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya ialah mengenai hak eksklusif yang juga telah diperuntukkan di bawah perubahan di bawah Fasal 4. Jadi, di sini tentang hak eksklusif ini juga ianya merupakan salah satu daripada perkara yang perlu juga diberikan perhatian kerana dalam menentukan hakcipta ini juga, satunya apa yang telah dikatakan hakcipta ini ialah secara automatik, maka jikalau seseorang itu telah mencipta sesuatu produk, karya dan sebagainya maka secara automatik ianya menjadi hakcipta seseorang itu dan ianya juga tidak perlu didaftarkan.

Jadi, jikalau ada hakcipta itu telah tercipta, maka tentu sekalilah bagaimanakah sebenarnya dikatakan hak miliknya itu merupakan hak milik yang absolute, walaupun ada peruntukan yang menyatakan di sini bahawa ada hak untuk menyewa dan sebagainya. Kerana kalaulah produk itu dijadikan secara digital, maka agak sukar untuk kita mengesan pemidahan milik bagi pemilik dalam bentuk yang telah ditentukan atau telah difikirkan.

Jadi, ini juga adalah satu perkara yang agak sukar untuk kita kuatkuasakan. Walau bagaimanapun, mungkin pihak kementerian dapat memberi penjelasan seterusnya kerana kita baca kalau melihat kepada hak milik eksklusif ini, kita dapati bahawa kalau kita mengimbas kembali ke alam sejarah lama, kita lihat bagaimana Deimler Benz ataupun Grundig dan pereka-pereka lain telah mencipta pelbagai bentuk produk tetapi tidak timbul hakcipta. Begitu juga karya-karya seperti karya Imam Al-Ghazali ataupun Confucius sekalipun, tidak ada timbul tentang hakcipta yang mana ianya menjadi satu perkara yang boleh dibuat tuntutan, mungkin dahulu tidak ada diberi nilai wang atau nilai ekonomi kepada hakcipta.

Tetapi dalam konteks kita juga, kita dapati walaupun kita mengatakan wujudnya hakcipta itu tetapi besar kemungkinan kita tidak dapat sebenarnya melihat secara contextualnya benda perkara itu, produk itu benar-benar kita katakan hakcipta yang kita mempunyai hak eksklusif, ada juga peramal-peramal teknologi multimedia ini mengatakan bahawa mungkin sebenarnya tidak dapat kita mewujudkan hakcipta ini dengan cara zahiriahnya.

Ada buku-buku yang mengatakan bahawa itu adalah satu perkara yang sukar. Jadi, kalaulah kita mengatakan bahawa salah satu daripada matlamat rang undang-undang ini ialah untuk galakan ataupun memberi perlindungan, mungkin kita tidak dapat mencapai apa yang kita hasratkan.

Tetapi mungkin kementerian ada jawapan dan kementerian juga mungkin juga mengatakan bahawa ini adalah peringkat permulaan, mungkin kerana kita mewujudkan MSC kerana kita hendak menarik lebih ramai pelabur-pelabur, kita hendak katakan kita ada perlindungan, kita ada galakan. Tetapi kita perlu pastikanlah bahawa garis panduan yang kita letakkan itu sebenarnya garis panduan yang dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiganya, saya juga ingin menarik perhatian tentang penggunaan hakcipta. Kalau pun wujud hakcipta yang telah diwujudkan, adakah sebenarnya hakcipta ini mengikut Fasal 5 tambahan, seksyen 36(6) ini, adakah ianya sebenarnya merupakan satu hak yang eksklusif seperti yang saya sebutkan tadi.

Tetapi, dari segi etikanya, dari segi keadilannya, adakah tidak patutnya kita dapat juga mengguna hakcipta yang telah dibuat oleh seseorang itu, jika ianya merupakan satu-satu penemuan yang penting, yang berguna untuk pendidikan ataupun mungkin berguna untuk kesihatan adakah kita katakan bahawa ianya merupakan satu hakcipta yang tidak boleh digunakan oleh orang lain selagi ianya tidak mendapat kelulusan, selagi ianya tidak

dapat diiktirafkan sebagai hakcipta, kerana masalah hakcipta ini dari segi praktiknya, dari pengalaman saya sebagai peguam apabila ia dikatakan hakcipta kadangkala orang yang mengatakan hakcipta itu, dia pun tidak tahu hakcipta itu adalah hakciptanya. Dan bila ianya dapat tuntutan daripada pihak yang lain, contohnya dia membuat computer programme dan setelah computer programme itu disiapkan maka dapat tuntutan daripada programmer itu yang ianya mempunyai hakcipta.

Maka daripada peringkat itu sendiri mungkin apa yang telah dicipta itu telah pun digunakan oleh pihak yang lain. Jadi, adakah kita mengatakan bahawa penggunaan apa yang telah dicipta dalam program itu sudah melanggar Undang-undang Hakcipta.

Ini adalah satu persoalan yang mungkin dibawa ke mahkamah dan mungkin boleh diuji setakat manakah sebenarnya adanya seseorang itu boleh mendapatkan apa yang dikatakan, a fair use, dengan izin, untuk hakcipta yang dikeluarkan. Contohnya, jikalau ianya digunakan di perpustakaan ataupun contohnya dalam kita telah meluluskan Rang Undang-undang Teleperubatan untuk penggunaan teleperubatan, itu adalah untuk kepentingan awam.

Jadi, di sini juga kita dapati bahawa mungkin peruntukan undang-undang ini pihak kementerian dapat memberi jaminan ataupun dapat memberi jawapan bahawa ada peruntukannya, tetapi walau bagaimanapun, perlulah ia merupakan peruntukan yang lebih jelas dan nyata kerana ini adalah perkara yang penting dan seperti yang telah saya katakan kalau kita hendak menggalakkan lebih ramai lagi pihak pelabur ataupun lebih menggalakkan pencipta-pencipta di kalangan rakyat kita sendiri, perkara-perkara ini perlulah lebih jelas.

Dan kita juga perlu melihat kepada obligasi sosial kepada mereka yang membuat ciptaan dan tentu sekali kalaulah idealisme atau visi dan misi pemimpin-pemimpin kita

seperti Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan juga Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim mengarah kepada satu ketamadunan ataupun satu masyarakat Wawasan 2020, masyarakat penyayang tentulah sekali penciptaan-penciptaan di negara ini tidak semestinya diberikan nilai wang semata-mata atau nilai keuntungan semata-mata, tetapi juga perlu dilihat dari sudut sosialnya kerana bukan sahaja hakcipta itu perlu diberikan satu peruntukan kepada penggunaan orang lain untuk kepentingan awam, tetapi juga ianya perlu juga dilihat sebagai untuk menggalakkan pewujudan satu masyarakat yang berilmu atau knowledgable society, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, mungkin perkara ini boleh diselaraskan dalam peraturan-peraturan yang nanti akan dibuat selaras dengan maksud rang undang-undang yang telah dikemukakan.

Saya juga berpendapat kalau dikatakan hak eksklusif bagi satu-satu karya itu ada ditetapkan tahun yang tertentu, seperti dikatakan selaras dengan Artikel 7 Konvensyen Berne, jikalau tempoh masanya terlalu lama, ini juga saya merasakan adalah bertentangan dengan hasrat keilmuan, dengan hasrat penggunaan hakcipta atau rekaan yang telah dicipta kerana kita tahu apa pun yang dicipta perlulah juga dapat digunakan oleh orang ramai.

Dan kita juga perlu mengambil ingatan bahawa hakcipta teknologi ini kerana pindaan ini adalah berteraskan ciptaan teknologi, akan berubah begitu pantas, jikalau kita mempunyai begitu banyak peraturan yang menyekat kepada penggunaannya, walaupun dikatakan ianya hendak dijadikan hakcipta maka ianya mungkin sampai tiba masa untuk digunakan hakcipta itu ianya sudah menjadi obsolete, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, di manakah logiknya dan rasionalnya di situ?

Seperkara lagi mengenai hak eksklusif ini, Tuan Yang di-Pertua, mungkin Tuan Yang di-Pertua juga telah menyebutkan dalam ucapan Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai photocopy. Photocopy ini menarik kerana mungkin tadi kita dapat lihat kepada perkara-perkara yang berguna yang diphotocopy atau hakcipta yang diphotocopy. Itu tidak menjadi masalah sama sekali sekarang ini tetapi yang menjadi masalah kepada saya dan juga ramai di antara kita ialah bila photocopy yang dibuat itu ialah hakcipta-hakcipta yang pornography, maka apakah itu juga merupakan hakcipta yang perlu diberi perlindungan kerana saya diberitahu ramai budak-budak sekolah sekarang, penuntut-penuntut dalam dia mencari maklumat dalam Internet dan sebagainya, dia mengphotocopykan pornography, bagaimana dengan undang-undang hakcipta?

Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali yang keempatnya ialah tentang penguatkuasaan. Seperti juga Yang Berhormat Datuk Rahim Baba tadi menanyakan berapakah kes-kes yang telah dibawa ke mahkamah sejak Rang Undang-undang Hakcipta ini diluluskan dalam tahun 1987 kerana kita juga hendak menguji apakah undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1987 itu telah menepati kehendak-kehendak hakcipta kerana seperti yang saya sebutkan tadi ramai yang tidak tahu tentang hakcipta. Adakah Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, ignorant of the law ini kita hendak jadikan sebagai satu pegangan ataupun adakah kita lebih memilih untuk menjadikan masyarakat kita lebih literate dalam undang-undang supaya lebih banyak perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang tidak dilakukan.

Kita tidak bolehlah mengatakan kepada orang sebab kita tahu defence ataupun alasan, kita tidak tahu undang-undang itu bukan merupakan alasan yang sah disegi undang-undang tetapi tibalah masanya kita perlu seperti juga rakan-rakan saya yang lain

menyatakan tadi bahawa kita perlu memberi kesedaran kepada masyarakat awam tentang hakcipta ini. Hakcipta dalam persepsi yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir yang saya rasakan perlu juga diberikan ingatan kepada kita semua ialah apakah sebenarnya kelebihan yang kita perolehi dengan adanya hakcipta ini. Mungkin ada hakcipta itu yang mungkin boleh digunakan dengan lebih lama tetapi ini hakcipta yang bukan bawah teknologi memang kita tahu ianya akan berterusan dan kita juga tahu ada hakcipta yang boleh kita pakai. Jadi, perlulah ianya merupakan satu derivative product yang perlu diteruskan dan perlulah diambil sebagai satu advantage, dengan izin, kepada rakyat kita untuk kita terus dapat maju dalam teknologi multimedia ini dan saya juga berpendapat bahawa pihak kementerian di sini juga mungkin perlu memberi kesedaran kepada orang ramai untuk menggalakkan orang ramai melihat kepada kelebihan-kelebihan hakcipta ini yang mana boleh digunakan untuk dijadikan sesuatu yang boleh membantu kita dalam mencipta produk-produk yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhirkan perbahasan saya ini sekali lagi dengan ingatan kepada kita bahawa nilai kewangan sepatutnya tidak diberi penekanan yang begitu tinggi dengan kita mencipta hakcipta ini kerana hakcipta ini perlulah diberikan tafsiran yang lebih luas agar ianya tidak hanya memberikan kepada kita satu anggapan bahawa perlindungan yang diberi itu merupakan lebih, kalau saya tidak silap, apa yang saya tafsirkan apabila kita mengatakan tentang hakcipta ini ianya akan sentiasa dikaitkan dengan nilai kewangan kepada satu-satu hakcipta itu.

Saya ingin mengakhiri perbahasan ini dengan satu ungkapan daripada T.S. Elliot untuk sama-sama kita renungkan dalam kita melalui era maklumat. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, it is in English, ya.

**Tuan Ding Seling:** Silakan.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sukalah memberi ungkapan-ungkapan, just to give some spice di dalam perbahasan. T.S. Elliot - mungkin ini telah ramai yang mendengar tetapi saya rasa kita perlu menghayati apa yang telah diperkatakannya:

*“All our knowledge brings us nearer to our ignorance. All our ignorance bring us nearer to death, but nearness to death nor nearer to God, where is the life we have lost in living, where is the wisdom we have lost in knowledge, where is the knowledge we have lost in information”*

‘Information’ Tuan Yang di-Pertua, merupakan isu era yang kita akan hadapi. Perlulah kita melihatnya dengan satu falsafah dan pemikiran yang lebih mendalam daripada hanya kita melihatkan ianya satu perubahan zaman yang perlu kita lalui dan perlu kita ikuti tanpa kita benar-benar menghayati apakah maknanya.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Ya, Tuan Haji Sairin Karno dari Sabah.

**4.36 ptg.**

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pembentangan Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1997 bagi memenuhi perkembangan Koridor Raya Multimedia (MSC) serta penggunaan Internet yang semakin meluas di negara ini, saya juga turut membahas.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Hakcipta ini merupakan cabang daripada undang-undang harta intelek yang dilindungi oleh hak kepunyaan pencipta dalam hubungan dengan hasil ciptaan dan karya mereka. Ia menggalakkan kemajuan di dalam bidang seni dan sains bagi faedah orang ramai untuk menjamin pulangan yang adil kepada pencipta

hasil karya bagi memastikan kesinambungan kerja-kerja kreatif yang penuh bermakna di samping melindungi hak ekonomi seseorang pencipta.

Saya juga bersetuju menjadikan Malaysia sebagai pangkalan teknologi maklumat di Asia dan jika tidak mengemaskinikan akta yang ada, maka ia akan menyekat perkembangan teknologi bagi mencapai piawaian antarabangsa seperti yang dikehendaki oleh Konvensyen Hakcipta di Berne iaitu syarikat-syarikat asing yang melabur dan mengeluarkan produk multimedia merasa tidak selamat kerana tidak ada perlindungan yang mencukupi.

Sungguhpun pindaan ini positif dan baik tetapi persoalannya ialah perseimbangan antara hak tuan punya karya dan kepentingan awam. Akta Hakcipta ialah melindungi para pemegang hakcipta memandangkan tidak ada orang yang bekerja tanpa memerlukan hasil sebab mereka perlu membayar semua keperluan hidup seperti orang lain juga. Bagaimana kerajaan hendak memastikan keseimbangan ini sedangkan pemegang hakcipta memerlukan keuntungan dan faedah.

Penggunaan Internet begitu popular di kalangan rakyat Malaysia sungguhpun kini pelanggan Internet di negara ini adalah hampir 90,000 tetapi angka ini masih kecil berbanding dengan negara-negara maju. Kita perlu menambah bilangan supaya menjadi berlipat ganda kalau kita mahu menjadikan Malaysia sebuah negara atau masyarakat bermaklumat. Internet merupakan perpustakaan besar atau terbesar di dunia yang menjadi penyebar maklumat yang terpenting dan perlu untuk semua lapisan rakyat khususnya para pelajar yang sentiasa dahagakan ilmu pengetahuan bagi membentuk diri mereka menjadi cemerlang dan berdaya saing serta menjadi penyumbang kemajuan kepada negara Malaysia yang tercinta.

Fasal 2 di bawah takrifan penyampaian kepada orang awam, saya ingin menegaskan bahawa memanglah benar kebanyakan maklumat yang diperolehi daripada Internet adalah dilindungi oleh undang-undang hakcipta sama ada ia mempunyai notis hakcipta atau tidak. Walaupun demikian, memandangkan para pengguna Internet bermaksud baik dan tidak bertujuan melanggar undang-undang ketika membuat salinan selepas membuat 'down load' daripada Internet, adakah dianggap bersalah jika seseorang pelajar seperti yang dikemukakan oleh Puan Kamalia juga tadi selepas itu seseorang pelajar membuat banyak salinan untuk diedar kepada rakan-rakan sesekolah. Bermaksud penyelidikan tanpa keuntungan atau private research, dengan izin, atau kajian persendirian kerana sebagai pelajar ia merupakan satu cara untuk menambah ilmu pengetahuan tanpa membelanjakan wang yang banyak kerana yang jelas dalam akta ini bahawa pengedaran di dalam apa bentuk sekalipun dianggap sebagai illegal.

Tuan Yang di-Pertua, adakah pelajar-pelajar ini dikenakan tindakan mahkamah jika tuan punya atau pemilik membuat aduan dan laporan mengenai tindakan pelajar menyalin dan mengedarkan kepada rakan sesekolahnya sedangkan ia tidak dianggap melanggar Akta Hakcipta sekiranya dia membuat salinan bukan dengan tujuan komersial - keuntungan untuk keperluan sendiri. Pada masa ini fee bagi servis Internet serta software bukanlah murah harganya. Hanya segelintir keluarga di negara ini yang berupaya memasang komputer yang dilengkapi dengan kemudahan multimedia dan Internet. Kebiasaannya para pelajar gemar berkongsi nota dan buku. Mereka akan fotostat dan membahagi-bahagikan salinan di antara mereka. Ketika itu belum ada Internet lagi, bagaimana cara yang sama digunakan oleh mereka menerusi Internet. Bukan semua orang berkemampuan, Tuan Yang di-Pertua. Soal perseimbangan adalah benar, produk multimedia ciptaan negara maju tetapi masalah sekarang ialah bagaimana

kerajaan dapat pastikan rakyat memperoleh faedah daripada karya multimedia pada harga yang rendah, murah dan dalam lingkungan kemampuan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di Manila CD-Rom asli yang berada di dalam pasaran di sana secara purata harganya satu pertiga daripada harga yang dijual di Malaysia bagi produk dan kualiti yang sama. Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan kita untuk memastikan produk multimedia di sini dijual pada harga berpatutan dan mampu dibeli oleh rakyat jelata di negara kita. Salah satu sebab wujud produk palsu multimedia dalam pasaran kerana harganya murah beberapa kali daripada produk asli. Kita bercakap soal keseimbangan tetapi saya ingin bertanya kepada kerajaan apakah keseimbangan yang ada untuk melindungi kepentingan pengguna dari sudut lain.

Saya bersetuju supaya perlindungan patut dijamin untuk memegang hakcipta atas hasil kreativiti dan kos ubah mereka tetapi kerajaan juga mesti memastikan produk multimedia accessible pada harga yang berpatutan. Adalah tidak dinafikan bahawa banyak produk cetak rompak adalah sama baik dengan yang asli, sekadar beberapa contoh, parts kenderaan seperti Toyota, Honda, dan hari ini juga Proton sudah ada di pasaran, bahkan sebenarnya mereka yang bersalah ini patut dihukum tetapi saya ingin menegaskan di sini, kerajaan meletakkan harapan yang tinggi untuk menjadikan Malaysia masyarakat bermaklumat dan berpengetahuan tetapi matlamat ini akan gagal jika rakyat tidak mendapat akses produk multimedia jika ia dijual pada harga yang tidak berpatutan dan mahal.

Saya ingin menggesa kerajaan supaya mengambil langkah untuk memastikan syarikat multimedia tidak mengambil peluang atas permintaan yang banyak terhadap produk multimedia untuk menaikkan harga. Baru-baru ini kerajaan Amerika Syarikat telah memaksa kerajaan Republik Rakyat China melaksanakan undang-undang hakcipta

bagi membendung produk cetak rompak yang membanjiri pasaran China kerana rakyatnya tidak mampu membeli produk asli yang mahal. Apakah di negara kita syarikat multimedia asing yang terlibat dalam MSC kelak tidak akan mendesak kerajaan kita memperkuatkan Akta Hakcipta, kegiatan cetak rompak dihapuskan tetapi kerajaan perlu memastikan produk asli multimedia adalah accessible dan sesuai serta murah harganya.

Mengenai seksyen 36, penguatkuasaan. Saya ingin membangkitkan persoalan bahawa bahagian penguatkuasaan kerap mengambil tindakan ke atas kegiatan cetak rompak berikutan aduan pemegang hakcipta sungguhpun mereka boleh mengambil tindakan sivil ke atas pengusaha cetak rompak tetapi pemegang hakcipta ini nampaknya lebih gemar mencari pegawai penguatkuasa untuk bertindak. Perlukah dan kenapa? Kenapa mesti bahagian penguatkuasa membantu pemegang hakcipta sedangkan sesetengah negara yang lain di mana undang-undang hakcipta mereka tidak mempunyai peruntukan langsung untuk bahagian penguatkuasaan.

Pemegang hakcipta di sini perlu memohon perintah mahkamah untuk bertindak ke atas pengusaha cetak rompak. Apakah patut bahagian penguatkuasaan menolong pemegang hakcipta yang menyebabkan pembayar cukai terpaksa menanggung kos operasi penguatkuasaan sedangkan harga produk yang dijual oleh pemegang hakcipta sangatlah tinggi. Melalui aduan kepada kementerian, bahagian penguatkuasaan mempunyai kuasa untuk masuk ke dalam premis menyiasat, menyita dan merampas yang mana selepas itu jika mahkamah mendapati sipengusaha bersalah, dia akan dijatuhkan hukuman dan pemegang hakcipta boleh mengambil tindakan sivil menyaman dan menuntut ganti rugi dengan pengusaha.

Sebaliknya jika pemegang hakcipta tidak mengadu kepada bahagian penguatkuasa, dia boleh mengambil tindakan sivil untuk mendapatkan Anton Piller Order dengan

mengutip kesalahan terlebih dahulu dan mendakwa pengusaha di mahkamah dan terpulanglah kepada budi bicara mahkamah untuk mendenda mereka. Jika didapati bersalah, mahkamah akan membuat taksiran yang perlu dibayar oleh pesalah kepada pemegang hakcipta. Pemegang hakcipta boleh mengambil tindakan sivil tetapi mereka lebih cenderung menggunakan khidmat penguatkuasaan kerana khidmat percuma, tetapi sebenarnya ia menggunakan wang pembayar cukai.

Saya minta supaya kementerian menimbang untuk tidak memberi perkhidmatan penguatkuasaan kepada pemegang hakcipta jika ia boleh menjimatkan wang pembayar cukai kerana pemegang hakcipta boleh membuat tindakan sivil. Apa yang saya difahamkan banyak syarikat hakcipta berjumpa meminta khidmat bahagian penguatkuasaan sebab tindakan sivil perlu memakai wang. Mereka boleh berjimat wang sebab khidmat penguatkuasa percuma sedangkan pembayar cukai terpaksa menanggung kerugian sedangkan harga produk mereka juga masih mahal. Bukankah ini *addict insult to injury*, dengan izin.

Untuk menyokong pandangan ini, saya difahamkan di bahagian penguatkuasaan sendiri tidak mempunyai kakitangan yang cukup dan terlatih. Saya sendiri sangsi beberapa orang pegawai penguatkuasa yang faham dan mahir dengan komputer, Internet, produk multimedia dan sebagainya, jika kekurangan kakitangan pastilah bahagian ini tidak berkesan dalam tugasnya.....

**Tuan Ding Seling:** Panjang lagikah, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Sedikit lagi.

**Tuan Ding Seling:** Okay.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Jadi, macam mana mereka boleh membantu operasi dengan berkesan jika keadaan berterusan begini?

Tuan Yang di-Pertua, saya pendekkan. Seperkara mengenai dengan compulsory license, saya rasa ini penting kerana bagi negara-negara yang terikat dengan Universal Copyright Convention (UCC), bila satu produk dicipta di negaranya, katakanlah di negara kita dicipta satu produk dalam bahasa Jepun melalui compulsory license, kalau dalam tujuh tahun kerja-kerja itu tidak diterjemahkan dalam bahasa ibunda kita, dalam bahasa Malaysia, kerajaan boleh memaksa untuk diterjemahkan dalam bahasa Malaysia. Saya dapati bahawa perkara ini penting. Kita akan ada multinational daripada Jepun, daripada Eropah, daripada Amerika Syarikat yang akan mengeluarkan pelbagai hasil dalam bahasa Jepun, dalam bahasa Jerman dan dalam bahasa Inggeris. Bagaimanakah kita hendak melindungi budaya kita? Bagaimanakah kita melindungi bahasa kita jikalau kita tidak mempunyai perlindungan-perlindungan seperti ini?

Jadi, saya hendak bertanya kepada kementerian mengenai soal compulsory license ini, apakah yang akan dilakukan? Saya berpendapat bahawa perkara ini penting. Kita tidak mahu keluar produk-produk program komputer dan sebagainya dalam bahasa mereka, dalam keadaan budaya mereka dan kita tidak boleh menterjemahkan dalam bahasa kita iaitu bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, minta dua minit lagi. Perkara yang akhir ialah mengenai dengan soal antarabangsa bahawa hakcipta ini bukan sahaja digunakan di negara kita sepertimana ramai rakan yang memperdebatkan perkara ini, dunia tanpa sempadan. Kita akan pergi ke dunia yang luas. Kita mencipta di sini, orang di Amerika akan meniru, begitu juga ciptaan di Amerika, kita juga akan turut meniru. Masalanya sekarang, di United Kingdom mementingkan kepada ekonomi. Bila United Kingdom mengadakan Rang Undang-undang Hakcipta, tujuannya tidak lain dan tidak bukan ialah untuk memperkembangluaskan hasil tersebut bagi kepentingan ekonomi negara tersebut,

manakala negara Perancis (French) mengadakan Rang Undang-undang Hakcipta untuk mempertahankan kepentingan pencipta, bukan untuk tujuan ekonomi. Bagaimana dengan negara kita Malaysia yang tercinta?

Dengan ini saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Dijemput pihak kementerian untuk menjawab.

**4.53 ptg.**

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Rahim Baba, Yang Berhormat Tuan Ding Seling iaitu Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah dan Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim dan juga Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno kerana telah mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Ding Seling telah membangkitkan persoalan berkaitan dengan karya-karya terutamanya karya muzik rakyat di kawasan pedalaman yang tidak direkod atau dicatatkan dalam bentuk bahan dan oleh yang demikian tidak dilindungi di bawah Akta Hakcipta 1987.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman kepada Dewan yang mulia ini, perlindungan hakcipta akan diberikan setelah sesuatu karya itu direkod atau dijadikan dalam bentuk. Ini adalah satu konsep yang bukan sahaja terdapat di bawah undang-undang kita tetapi juga diamalkan di seluruh dunia. Rakyat di kawasan pedalaman boleh mendapatkan karya mereka dilindungi dengan misalnya merekodkan lagu mereka dalam bentuk pita. Teknologi yang mudah ini difikirkan boleh diperolehi oleh rakyat di kawasan pedalaman. Yang perlu ialah mereka perlu diberi kesedaran tentang hak mereka. Ini adalah salah satu daripada aktiviti-aktiviti kementerian.

Yang Berhormat Tuan Ding Seling juga membangkitkan soalan pada Fasal 9 sama ada meliputi tindakan pelajar universiti membuat salinan fotostat buku-buku dan lain-lainnya. Suka saya menyatakan di sini bahawa pada Fasal 9 tidak meliputi tindakan sedemikian, ia meliputi keadaan di mana seseorang memintasi langkah teknologi yang berkesan yang digunakan oleh pencipta untuk melindungi karyanya. Oleh itu, tindakan membuat salinan fotostat dibenarkan di bawah seksyen 13(2) Akta Hakcipta untuk pelajar belajar bersendirian dan sebagainya. Oleh itu, kalau penggunaan secara untuk persendirian adalah tidak ada masalah. Soalan ini pun telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator-senator lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Rahim Baba, beliau adalah orang lama dalam politik dan mempunyai banyak pengalaman dan juga mempunyai pengetahuan mendalam dalam perkara hakcipta. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk telah membangkitkan banyak soalan. Di sini saya cubalah menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan. Perkara mengenai merakam dari TV dan radio adalah dibenarkan atau adalah satu kesalahan. Saya ingin menyatakan bahawa jika merakam untuk kegunaan persendirian adalah dibenarkan. Jadi, rakaman ini tidak untuk mencari keuntungan dan hanya untuk kegunaan persendirian adalah dibenarkan atau dikecualikan.

Mengenai lagu-lagu dimainkan kepada awam, Tuan Yang di-Pertua, hakcipta dilindungi sepenuhnya. Jadi, pengguna perlulah membayar royalti untuk sebarang permainan kepada awam. Ini bermakna jika mereka hendak memainkan lagu-lagu kepada awam, mereka kena bayar royalti kepada dua badan, iaitu MACT dan EPM. Inilah ada satu perlindungan kepada pencipta. Mengenai pendeklamasi sajak atau mendendang lagu orang lain, ini juga perlu mendapatkan kebenaran dahulu.

Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba juga membangkitkan soalan tembok perlindungan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tembok perlindungan adalah sepanjang hayat pencipta, dan 50 tahun selepas kematiannya.

Satu soalan yang baru, iaitu mengenai sama ada idea atau kaitan saiz atau formula adalah dilindungi atau tidak. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hakcipta pada prinsipnya perlindungan hakcipta, tidak melindungi idea, prosedur atau lain-lain. Pindaan hakcipta ini pun telah menyatakan bahawa inilah satu tindakan yang selari dengan Convention Berne.

Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba juga membangkitkan perkara tentang lagu-lagu, sesiapa yang berhak kepada hakcipta dalam lagu itu. Hakcipta telah mentakrifkan istilah pencipta, iaitu berkenaan dengan karya muzik, penciptanya ialah komposer atau orang yang mencipta karya muzik itu. Kedua, berkenaan dengan rakaman bunyi, orang yang membuat perkiraan untuk membuat rakaman bunyi itu. Ini bermakna bahawa tidak semestinya seseorang penyanyi yang berhak kepada hakcipta, bukan sesuatu lagu yang dinyanyikan olehnya. Hakcipta mungkin terletak kepada sesuatu syarikat rakaman.

Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba juga membangkitkan persoalan mengenai penyeragaman undang-undang hakcipta. Terdapat beberapa konvensyen antarabangsa mengenai hakcipta. Ini termasuk Convention Berne dan Perjanjian Trade Trade Aspects of Intellectual Property Rights, iaitu TRIPS - Agreement. Konvensyen-konvensyen ini memerlukan anggota yang menjadi ahli dan memperuntukkan perlindungan yang menerima di bawah undang-undang mereka. Inilah merupakan satu cara untuk menyeragamkan perlindungan hakcipta bukan sahaja di rantau Asian, tetapi juga di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pengetahuan awam mengenai hakcipta amat kurang, pertanyaan ini telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Di sini, saya ingin menyatakan bahawa kementerian sedar akan perkara ini dan telah berusaha untuk meningkatkan pengetahuan awam bukan sahaja mengenai hakcipta, tetapi juga harta intelek yang lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak 1994 sehingga bulan April 1997, sejumlah 23 bengkel sehari telah diadakan di bandar-bandar utama di seluruh negara, ini termasuk Sabah dan Sarawak. Pada tahun ini sebanyak 14 bengkel telah dilancarkan, yang mana tiga telah diadakan, iaitu di Kota Kinabalu, Kuching dan Perlis. Selain dari bengkel-bengkel ini, kementerian telah pun menganjurkan beberapa seminar mengenai hakcipta, di samping menghantar pegawai-pegawai dari kementerian untuk menjadi penceramah jemputan di seminar-seminar yang dianjurkan oleh agensi-agensi kerajaan dan lain sektor dan sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa bersedia untuk menghantar pegawai sekiranya dijemput oleh mana-mana pihak untuk memberi ceramah bukan sahaja dalam bidang hakcipta, tetapi juga di dalam bidang-bidang lain harta intelek. Jadi, langkah-langkah ini adalah untuk mempertingkatkan kesedaran atau pengetahuan awam mengenai harta intelek.

Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba juga menyentuh tentang tindakan yang diambil di bawah Akta Hakcipta 1987 sejak ianya mula dikuatkuasakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak akta ini dikuatkuasakan hingga 24 Mei 1997, kementerian telah mengambil tindakan 4,815 kes dengan nilai rampasan sebanyak RM22,863,516. Sebilangan besar pihak-pihak berkeenaan telah didenda di mahkamah, iaitu sebanyak 1,403 kes telah didenda dengan nilai dendanya RM1,308,741. Ini

menunjukkan kementerian ambil berat terhadap peniaga-peniaga atau orang yang melanggar undang-undang hakcipta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin telah membangkitkan perkara sama ada harga komputer dikawal oleh kementerian ini. Sebenarnya harga komputer ini tidak dikawal. Oleh itu, terpulanglah kepada pengguna untuk membuat keputusan, membuat perbandingan apabila mereka hendak beli komputer. Dapatkan mana-mana komputer yang berharga murah.

Perkara yang kedua dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah perlindungan kepada program komputer. Tuan Yang di-Pertua, program komputer adalah dilindungi di negara ini jika ia memenuhi keperluan akta dan juga jika ia memenuhi keperluan Convention Berne. Program yang datang dari negara ahli Convention Berne adalah dilindungi secara automatik di negara ini.

Yang Berhormat Puan Mastika juga membangkitkan soalan mengenai sama ada karya didaftarkan dan juga pembayaran royalti. Setakat ini tidak ada sistem pendaftaran untuk hakcipta di negara ini. Ini merupakan bahawa sesuatu karya adalah dilindungi secara automatik sebaik sahaja ia memenuhi syarat-syarat yang tertentu. Misalnya usaha yang mencukupi telah dilakukan untuk menjadikan karya itu bersifat asli atau karya tersebut telah ditulis, direkod atau dijadikan dalam bentuk bahan. Mengenai pembayaran royalti yang tadi telah saya sebutkan, di negara kita ada dua badan, atau dua pertubuhan, iaitu MACT dan EPM yang berkelayakan untuk mengutip royalti.

Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah juga membangkitkan mengenai kelemahan kementerian menjalankan tindakan di bawah Akta Hakcipta 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini bahawa kementerian ini sentiasa komited dalam tindakan membanteras cetak rompak ini, walau bagaimanapun,

kementerian hanya boleh bertindak sekiranya ada aduan spesifik daripada tuan punya hakcipta atau wakilnya dan di bawah satu waran perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah atas permohonan.

Tuan Yang di-Pertua, semua aduan yang diterima tentulah disiasat. Walaupun bilangan kakitangan penguatkuasa kementerian tidak begitu mencukupi, tetapi penguatkuasa kementerian ini kepada saya, mereka telah menjalankan tugas dengan baik, tetapi saya telah jawabkan bahawa banyak kes aduan yang telah kita terima dan telah diambil tindakan iaitu sebanyak 4,815 kes telah diambil tindakan. Ini membuktikan bahawa adalah satu usaha yang dijalankan oleh penguatkuasa kementerian ini. Kita akan cuba memohon mendapatkan penambahan bilangan anggota penguatkuasa di seluruh negara. Pada masa ini kita telah mewujudkan 34 cawangan bahagian penguatkuasa di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim telah membangkitkan perkara mengenai tafsiran tidak mencukupi terutama tafsiran 'siaran'. Saya ingin menyatakan bahawa tafsiran 'siaran' yang terdapat dalam pindaan difikirkan boleh merangkumi teknologi semasa dan teknologi masa hadapan dengan penggunaan, dengan cara wire (wireless). Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan perkara iaitu perlindungan hakcipta dan obligasi sosial.

Tuan Yang di-Pertua, perlindungan di bawah hakcipta adalah untuk menggalakkan kreativiti. Walau bagaimanapun, hak eksklusif yang diberikan ada hadnya, jika untuk penggunaan yang sejajar dengan perlakuan wajar, pengguna boleh memperolehi ilmu daripada bahan yang berhakcipta itu, tetapi sesiapa yang tidak boleh misalnya membuat salinan dengan cara yang tidak wajar untuk mencari keuntungan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah katakan bahawa pelajar-pelajar universiti yang memfotostatkan buku-buku dan lain-lainnya dan jika perlakuan ini adalah untuk kegunaan persendirian, private study, ini adalah dibenarkan. Inilah contoh satu kes.

Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim juga membangkitkan hak milik eksklusif, sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, hak eksklusif pemilik hakcipta diperuntukkan dengan jelas di bawah seksyen 13(1) Akta Hakcipta 1987.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno telah membangkitkan beberapa perkara, yang pertama, kalau saya tidak salah iaitu isu yang berkaitan dengan sama ada 'down loading' melanggar hakcipta, misalnya dalam Internet kalau kita membuat salinan, adakah melanggar hakcipta.

Tuan Yang di-Pertua, perlakuan ini dibenarkan di bawah Akta Hakcipta 1987 jika ianya selaras dengan konsep urusan yang wajar. Misalnya untuk tujuan pengajian persendirian atau penyelidikan yang tidak memberi keuntungan iaitu nonprofit research. Walau bagaimanapun, isu ini sedang dibincangkan di peringkat antarabangsa.

Dari prospek pencipta yang mana karya-karya berkenaan boleh diperolehi dari Internet oleh berjuta pengguna, walaupun setiap pengguna 'down load' satu salinan sahaja, ini bermakna pencipta tersebut telah dinafikan hasil yang sepatutnya boleh diperolehi dari penjualan karyanya itu kepada berjuta pengguna berkenaan. Jadi, kalau ianya adalah untuk tujuan pengkajian persendirian, ini boleh dikenakan.

Yang kedua, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah bagaimana memastikan harga karya multimedia murah dan diperolehi oleh orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, objektif Undang-undang Hakcipta ialah untuk menggalakkan kreativiti di kalangan pencipta termasuk pencipta multimedia. Dengan

perlindungan yang diperolehi adalah menjadi satu insentif kepada pencipta termasuk pencipta multimedia untuk menghasilkan produk dengan lebih banyak.

Jadi, dengan cara ini apabila lebih banyak produk tersebut boleh diperolehi di pasaran, dengan cara tidak langsung kuasa pasaran akan menyebabkan harga produk tersebut menurun. Ini bermakna kita boleh dapat karya atau produk multimedia dengan harganya yang murah.

Perkara yang ketiga, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu mengenai penggunaan bahagian penguatkuasa oleh pemilik hakcipta untuk tidak mengambil tindakan sivil. Ini bermakna sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Akta Hakcipta 1987 membenarkan tuan punya hakcipta untuk membuat komplain atau aduan bersabit pelanggaran hakcipta dengan asas tuan punya hakcipta membuktikan kewujudan hakcipta berkenaan melalui affidavit.

Oleh kerana Akta Hakcipta menjadikan pelanggaran hakcipta sebagai satu kesalahan jenayah, maka adalah menjadi tanggungjawab bahagian penguatkuasa yang diberi kuasa di bawah akta ini untuk mengambil tindakan ke atas mana-mana yang melakukan kesalahan.

Jadi, ini bermakna penguatkuasa kementerian ini adalah atau bolehlah mengambil tindakan dan di samping itu pencipta boleh juga mengambil tindakan sivil kepada peniaga-peniaga atau orang-orang yang melanggar kesalahan akta ini.

Jadi, ini cukup jelas, bukanlah seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah membuang masa dan wang, sesiapa yang melanggar Akta Hakcipta ini merupakan satu kesalahan jenayah. Jadi, penguatkuasa kementerian ini adalah berkuasa untuk mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja penjelasan daripada saya, saya minta maaf yang mana-mana saya tidak sempat menjawab, pegawai-pegawai kementerian ini telah mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum kita teruskan, kita jemput seorang menteri yang akan mengemukakan Usul.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri**

**bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.00 malam.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin**

**Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 11(1):

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.00 malam.

hendaklah diputuskan,

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.00 malam.

## (PINDAAN) 1997

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[**Tuan Ding Seling *mempengerusikan Jawatankuasa***].

**Fasal 1 hingga 12** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG TAFSIRAN (PINDAAN) 1997

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**5.30 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Tafsiran 1948 dan 1967 untuk mengesahkan perbuatan yang dilakukan menurut peruntukan akta-akta itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

**Tuan Ding Seling:** Sila.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini menjadi perlu ekoran keputusan Mahkamah Persekutuan pada 18hb. Disember, 1996 dalam kes *Wong Pot Heng dengan Haji Rosli bin Haji Kamaruddin dan Kerajaan Malaysia*. Dalam kes itu Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa peruntukan seksyen 20 Akta-akta Tafsiran 1948 dan 1967 iaitu Akta 388 tidak boleh digunakan untuk membuat perundangan subsidiary yang berkuatkuasa secara kebelakangan jika tidak ada peruntukan dalam akta yang di bawahnya perundangan subsidiary itu dibuat yang membenarkan kuatkuasa kebelakangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sejak takrif seksyen 20 Akta 388 itu mula berkuatkuasa iaitu 18hb. Mei, 1967 sudah begitu banyak perundangan subsidiari yang dibuat dengan kuatkuasa kebelakangan. Kebanyakan perundangan subsidiari yang berkuatkuasa secara kebelakangan ialah perintah pengecualian. Contohnya, pengecualian daripada cukai pendapatan, cukai jualan, cukai perkhidmatan, duti kastam dan duti setem - kuatkuasa kebelakangan tidak pernah diberikan bagi perkara-perkara yang melibatkan penalti kerana itu jelas ditegah dalam priviso kepada seksyen 20 itu.

Sebelum kes Wong Pot Heng seksyen 20 Akta 388 tidak pernah ditafsirkan oleh mahkamah di Malaysia. Di Singapura bagaimana pun, Mahkamah Rayuan di Singapura dalam kes Attorney-General lawan Cold Storage Singapore Private Limited 1979 MLJ/227 telah memutuskan bahawa seksyen 223 Akta Tafsiran Singapura yang sama isinya dengan seksyen 20 Akta 388 membenarkan pembuatan perundangan subsidiari yang berkuatkuasa secara kebelakangan. Keputusan Mahkamah Rayuan Singapura dalam kes Cold Storage itu telah dikemukakan kepada Mahkamah Persekutuan dalam kes Wong Pot Heng untuk menyokong hujah bahawa seksyen 20 membenarkan perundangan

subsidiari dibuat secara kebelakangan. Bagaimanapun Mahkamah Persekutuan memilih untuk tidak mengikuti keputusan dalam kes itu.

Oleh sebab Mahkamah Persekutuan ialah mahkamah tertinggi di negara ini, maka tiada rayuan selanjutnya dapat dibuat terhadap keputusan dalam kes ini. Bagaimanapun terdapat keperluan dari masa ke semasa untuk membuat perundangan subsidiary yang berkuatkuasa secara kebelakangan. Terdapat dua pilihan berikutan kes Wong Pot Heng itu iaitu:

- (a) meminda semua akta dan ordinan di negara ini untuk memasukkan kuasa membuat perundangan subsidiari yang berkuatkuasa secara kebelakangan; atau
- (b) meminda Akta 388 untuk menjadikan lebih jelas bahawa peruntukan dalam seksyen 20 akta itu sememangnya dimaksudkan oleh Parlimen untuk digunakan berkenaan dengan perundangan subsidiari yang dibuat di bawah akta atau ordinan.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah praktik untuk meminda semua akta dan ordinan yang sedang atau masih berkuatkuasa untuk memasukkan peruntukan yang menjadi perlu oleh sebab kes Wong Poh Heng ini. Oleh yang demikian, satu-satunya pilihan yang praktik ialah meminda Akta 388.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan untuk mengatasi kesan daripada kes Wong Pot Heng ialah pindaan kepada tajuk panjang Akta 388 dan pindaan kepada seksyen 20, 23 dan 25. Pindaan yang dicadangkan kepada tajuk panjang Akta 388 dimaksudkan untuk menolak tafsiran bahawa Akta 388 ini hanyalah, dengan izin, a statute concern prima facie the meaning of words used in statute so that the same words

can have uniform meaning as far as possible so that the same meaning did not be repeated in various statute with much tedium.

Walaupun memang benar akta 388 mengandungi tafsiran perkataan dan ungkapan bagi maksud sedemikian, namun akta 388 juga mengandungi begitu banyak peruntukan yang dimasukkan untuk mengelakkan peruntukan yang serupa menjadi perlu dimasukkan ke dalam setiap akta yang diperbuat oleh Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 20 ialah kemasukan perkataan-perkataan tambahan yang bermaksud bahawa kuasa yang ada dalam seksyen itu untuk memberikan kuatkuasa kebelakangan kepada suatu perundangan subsidiari boleh digunakan walaupun tiada peruntukan khusus dalam akta yang di bawahnya perundangan subsidiari itu dibuat. Pindaan kepada seksyen 23 Akta 388 pula bertujuan memastikan tidak lagi dibuat tafsiran bahawa jika sesuatu perundangan subsidiari dibuat dengan kuatkuasa kebelakangan tanpa kuasa yang nyata dalam akta yang di bawahnya perundangan itu dibuat, maka perundangan itu dikira tidak selaras dengan akta itu dan oleh itu tidak sah walaupun peruntukan yang membenarkan kuatkuasa sedemikian terdapat dalam Akta 388 itu.

Seterusnya pindaan kepada seksyen 25 Akta 388 bertujuan untuk menjelaskan bahawa jika ada kuasa di bawah Akta 388 berkenaan dengan perundangan subsidiary, maka kuasa itu adalah memadai walaupun tidak disebut bahawa perundangan subsidiary itu dibuat di bawah kuasa yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan kes Wong Pot Heng, adalah difikirkan bahawa beberapa peruntukan lain yang berkaitan dengan pentafsiran undang-undang bertulis juga wajar dipinda untuk menghapuskan kesamaran. Pindaan kepada seksyen 15 Akta 388 bertujuan untuk mewujudkan peruntukan khusus dalam undang-undang yang

menyatakan bahawa mukadimah dan tajuk panjang sesuatu akta adalah menjadi sebahagian daripada akta itu. Ini berbeza daripada nota birai yang terdapat dalam akta tetapi tidak sebenarnya merupakan sebahagian daripada undang-undang yang terkandung di dalam akta itu.

Ketika ini mukadimah dan tajuk panjang memang lazimnya ditafsirkan sebagai sebahagian daripada akta, namun adalah dikhuatiri bahawa jika tiada peruntukan yang nyata dalam Akta 388 ini, mungkin akan ditafsirkan suatu hari nanti bahawa mukadimah atau tajuk panjang atau kedua-duanya tidak menjadi sebahagian daripada akta.

Selain itu suatu seksyen baru iaitu seksyen 17A dicadangkan dimasukkan supaya mahkamah akan mentafsirkan sesuatu undang-undang dengan mengambil kira maksud undang-undang itu dibuat, baik yang tersurat mahupun yang tersirat. Pindaan juga dicadangkan kepada seksyen 27 untuk memperjelaskan bahawa perundangan subsidiari boleh mewujudkan kesalahan walaupun tidak dinyatakan secara nyata dalam akta yang di bawahnya ia dibuat. Walaupun ini belum pernah dipertikaikan, namun penjelasan ini didapati perlu memandangkan apa yang berlaku dengan pentafsiran seksyen 20.

Tuan Yang di-Pertua, selain pindaan-pindaan yang dinyatakan di atas, dua pindaan dicadangkan untuk memudahkan penggunaan cara dan bahan cara elektronik, misalnya dalam penyenggaraan daftar-daftar yang dikehendaki di bawah undang-undang. Pindaan-pindaan itu ialah pindaan kepada takrif 'writing' dalam seksyen 3, Akta 388 dan kemasukan seksyen baru 62A. Peluang juga diambil untuk membuat pindaan berbangkit kepada beberapa takrif perkataan dalam seksyen 3.

Takrif perkataan 'Lord President' dipinda menjadi 'Chief Justice' oleh sebab perubahan nama jawatan Ketua Hakim Negara dalam bahasa Inggeris yang dibuat melalui pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan yang berkuatkuasa pada 24hb. Jun

1994. Sebutan tentang 'Supreme Court' dalam takrif 'Rules Committee' juga dipinda atas sebab yang sama. Takrif 'West Malaysia' dipinda untuk memasukkan 'Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur' berikutan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1hb. Februari, 1974. Selain itu ada juga dicadangkan supaya istilah 'West Malaysia' itu sendiri dipinda menjadi 'Peninsular Malaysia' bagi mencerminkan kegunaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Telekom, Tenaga dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Tafsiran (Pindaan) 1948 dan 1967 untuk mengesahkan perbuatan yang dilakukan menurut peruntukan akta-akta itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya beri satu minit. Baik, Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong.

**5.41 ptg.**

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menjelaskan dengan begitu jelasnya mengapa kerajaan ingin mengemukakan rang undang-undang ini. Saya berpendapat penjelasan itu adalah munasabah untuk meluluskan Rang Undang-undang Tafsiran (Pindaan) 1997. Oleh itu saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Terima kasih, diminta pihak kementerian untuk menjawab.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas sokongan yang kuat yang telah diberi oleh Yang Berhormat Senator.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 12** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA (SABAH) (PINDAAN) 1997**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.45 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sabah Bab 2 dibaca kali yang kedua sekarang.

**Tuan Ding Seling:** Silakan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Institut Teknologi MARA (ITM) telah diberi kuasa untuk menganugerahkan ijazah. Antara ijazah yang boleh dianugerahkan ialah Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dan sekumpulan pertama siswazah ITM telah dianugerahi Ijazah Sarjana Muda Undang-

undang (Kepujian) itu dalam bulan Oktober 1996 untuk membolehkan siswazah ITM yang telah dianugerahi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara di Semenanjung Malaysia. Jadual kepada Akta Profesion Undang-undang 1976 telah dipinda melalui P.U.(B) 576 tahun 1996 dengan menyenaraikan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada ITM sebagai kelulusan yang diiktiraf. Siswazah ITM yang dianugerahi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) hanya boleh diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara di Sabah jika Ordinan Peguambela Sabah dipinda sewajarnya. Rang undang-undang ini bertujuan melaksanakan pindaan yang dimaksudkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Peguambela Sabah ialah undang-undang yang hanya boleh dipinda oleh Parlimen kerana perkara-perkara tentang profesion dan khususnya tentang orang-orang yang berhak menjalankan amalan di mahkamah, selain Mahkamah Syariah dan Mahkamah Anak Negeri adalah terkandung dalam senarai Persekutuan dalam Jadual IX kepada Perlembagaan Persekutuan.

Rang undang-undang yang dicadangkan ini mencadangkan pindaan kepada perenggan 4(1)(cc) dengan memasukkan sebutan tentang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) yang dianugerahkan oleh ITM. Perenggan 4(1)(cc) itu sekarang ini sudah pun mengandungi sebutan mengenai Diploma Lanjutan yang ditawarkan oleh institut itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Ding Seling:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sabah

dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali, silakan.

**5.48 ptg.**

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Rang Undang-undang Peguambela (Sabah) (Pindaan) 1997 yang bertujuan bagi membolehkan lulusan Sarjana Muda Undang-undang ITM diterima sebagai peguambela di Sabah dan saya percaya ianya juga sama dengan Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1997 yang akan dibentang sekejap lagi.

Oleh kerana ianya ada berkaitan dengan ITM, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk memberi pandangan yang saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh membawa pandangan ini kepada pihak kerajaan, khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Memandangkan ITM sekarang ini sudah dibenar menjalankan kursus-kursus yang bertaraf Sarjana Muda, Sarjana dan juga di peringkat Doktor Falsafah berdasarkan kepada taraf ITM sudah pun dinaikkan ke sebuah universiti.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian pihak kerajaan memandangkan dasar terbuka kerajaan hari ini mengizinkan begitu banyak universiti diwujudkan terutamanya oleh pihak swasta, maka saya kira amatlah wajar supaya nama ITM itu juga turut dipinda menjadi sebuah universiti. Maknanya, bukan nama ITM, ianya boleh diberi nama Universiti ITM. Saya sudah pernah mencadangkan perkara ini ataupun Universiti INTEKMA ataupun Universiti Bumiputera.

Saya membuat cadangan ini oleh kerana terlalu banyak pihak swasta sudah menubuh universiti sekarang ini, maka apabila ITM itu walaupun diberi taraf universiti tetapi tidak memakai nama universiti di hadapan institusi ini, persepsi masyarakat menganggap bahawa ITM ini masih lagi institusi peringkat kedua ataupun tidak setanding

dengan lain-lain universiti. Manakala sejak ITM ditubuh sehingga hari ini terbukti dan ternyata graduan-graduan ITM walaupun tidak sama, malah lebih baik daripada setengah-setengah universiti-universiti yang lain.

Sebagai contoh, saya pernah membangkitkan siswazah dalam bidang kejuruteraan, anak-anak Melayu daripada bidang kejuruteraan yang belajar di Universiti Malaya setiap tahun kita lihat angka kelulusannya seorang ataupun dua orang graduan dalam bidang kejuruteraan. Tetapi apabila mereka belajar di ITM, selepas sahaja mereka mendapat Advance Diploma, mereka melanjutkan pelajaran ke England, ke New Zealand atau ke Australia, mereka didapati bukan sahaja berjaya tetapi lulus dengan cemerlang - First Class Honours daripada universiti yang terkemuka. Ini.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat, Dato' Zuki berdiri hendak minta laluan nampaknya.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada sahabat saya ini berkenaan dengan persepsi ITM ini hendak tukarkan namanya kepada universiti. Kepada saya, tidak payah kita tukar begitu, biar persepsi ini dengan sendirinya bertukar apabila ITM sekarang ini kelulusannya amat baik sekali. Jadi, biarlah orang-orang di Malaysia ini dengan sendirinya menukar persepsinya apabila didapati bahawa kelulusan ITM ini dia punya kepintaran, kepandaian dan kelulusan itu lebih-lebih lagi daripada Universiti Malaya dan sebagainya. Tidak payah kita tukar persepsi. Persepsi itu akan tukar dengan sendirinya, bersetuju atau tidak?

*[Ketawa]*

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya sebut ‘persepsi’. Saya dengar Yang Berhormat Senator Dato’ Zuki sebut ‘pepsi’. *[Ketawa]* Pepsi itu air botol. Ini ‘persepsi’, tahu tak?

**Tuan Ding Seling:** Keamatan, ya.

**Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, memang ‘persepsi’. Sahaja dia hendak cuba cari jalan hendak masuk ini. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, betul, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat sahabat saya Dato’ Zuki bahawa ada juga kebenaran di mana ianya bukan soal nama. Apa ada pada nama asalkan isinya baik. Dengan izin, we cannot judge the book by the cover. Maknanya, kita tidak boleh judge sesuatu berdasarkan kepada kulit. Tetapi kalaulah isinya baik dan kita masukkan kulit juga baik, apa salahnya? Bukankah itu lebih baik dan lebih bermakna kepada perjuangan untuk meningkatkan martabat, agama, bangsa dan negara. Ini pun saya rasa Yang Berhormat Dato’ Zuki bersetuju dengan saya walaupun tidak payah dia jawab, saya tahu dia bersetuju. *[Ketawa]*

**Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, yang di dalam ini *[sambil menuding jari ke dadanya]* lebih afdal, lebih baik lagi daripada yang di luar. Biarlah yang di dalam itu terselindung sedikit supaya orang lebih tertarik.

**Tuan Ding Seling:** Silakan Datuk Haji Ibrahim.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Ini penat tak tentu fasal. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, memang saya kata tadi bahawa saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato’ Zuki bahawa memang nama itu tidak penting, asalkan kualiti yang dihasilkan oleh mana-mana universiti ataupun institut pengajian tinggi. Ada saya sebut sebagai contoh untuk makluman Yang Berhormat Dato’ Zuki, MIT di Amerika, Institut Teknologi

Bandung di Indonesia, memang mereka tidak memakai nama universiti di hadapan. Tetapi pada saya tidak ada salahnya juga kalau kerajaan memberi nama universiti kepada ITM, sebab bukan sahaja soal persepsi tetapi meletakkan ITM ini sebagai sebuah institusi yang betul-betul dipandang tinggi.

Sekarang ini ada universiti yang dianjurkan oleh syarikat-syarikat swasta dengan menggunakan nama universiti. Universiti Perguruan Sultan Idris itu kerajaan punya, mungkin nanti Universiti Sunway dan macam-macam institusi. Jadi, orang melihat seolah-olah ada dari segi inferior, ini saya rasa penting. Dan bagi membolehkan ITM kalau menggunakan nama universiti, undang-undang terpaksa dipinda di mana kita boleh melantik Chancellor, Vice-Chancellor, ada Pro-Chancellor, sekarang ini pakai Rector, walaupun boleh mengeluarkan ijazah Sarjana dan sebagainya. Dan kalau jadi universiti, peluang Yang Berhormat Dato' Zuki dilantik jadi Pro-Chancellor agak cerah sedikit. *[Ketawa]* Sekurang-kurangnya? Maknanya, kalau digunakan nama universiti, bila ianya diguna nama universiti.

Saya kira, Tuan Yang di-Pertua, masalah ini yang timbul, jadi kita terpaksa pinda undang-undang semata-mata kerana hendak menerima siswazah ITM yang lulus Sarjana Muda Undang-undang untuk menjadi peguambela terpaksa kita pinda undang-undang. Dan bagaimana dengan kursus-kursus lain nanti yang berada di peringkat profesional? Maka apakah kita terpaksa terus meminda satu undang-undang sahaja semata-mata hendak accomodate lulusan siswazah ITM? Kenapa tidak kita beri full flash, bermaknanya Universiti ITM dengan objektifnya tidak langsung diganggu-gugat, program Diploma berjalan, program Sarjana Muda ada, Sarjana dan Doktor Falsafah. Saya kira perkara ini wajar diberi pertimbangan oleh pihak kerajaan kerana ada baiknya walaupun tanpa menukar nama, ianya tidak mencacat-cela di mana-mana kerana kita mengatakan

kita tidak perlu judge sesuatu itu daripada cover, tetapi kalau isinya sudah baik dan kita letak pula kulit yang cantik, maka sudah barang tentu ianya akan lebih baik dan lebih harum. Ini yang saya kira Yang Berhormat Dato' Zuki tidak berapa nampak, saya nampak lebih dalam sedikit. Walaupun saya agak muda sedikit, tetapi agak lebih dalam sedikit. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya menyokonglah pindaan rang undang-undang ini dan saya percaya siswazah ITM yang lulus dalam bidang undang-undang ini - ini bukan baru, ITM sudah menjalankan kursus undang-undang ini bukan baru tetapi sudah lama, tetapi sebelum ini kursus luar - dia panggil LLB (external) iaitu daripada University of London. Sebelum ini ITM mengeluarkan siswazah dalam Diploma di peringkat Undang-undang dan hari ini sudah pun dinaikkan taraf dan sudah keluar siswazah dalam bidang Sarjana Muda. Saya penuh yakin siswazah ITM yang lulus dalam bidang Sarjana Muda Undang-undang ini dapat menjadi peguambela ataupun pecuamcara dalam bidang perundangan dengan boleh memberi sumbangan dari segi meningkatkan lagi mutu proses kehakiman di negara kita ini.

Sekian, saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ding Seling:** Dijemput pihak kementerian untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Dato' Nazri.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Saya ucap terima kasih.....

**Tuan Ding Seling:** Minta maaf.

**Tuan Yim Chee Chong:** Gangguan sekejap. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

**Tuan Ding Seling:** Berdiri cepat lain kali ya.

**Tuan Yim Chee Chong:** Ya. *[Ketawa]*

**Tuan Ding Seling:** Silakan.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua tidak lama lagi saya ingat akan menjadi Dato'. *[Ketawa]*

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua sahaja sudah cukup. *[Ketawa]*

**5.58 ptg.**

**Tuan Yim Chee Chong:** Saya ingin berbahas Rang Undang-undang Peguambela (Sabah) (Pindaan) 1997. Pada hari ini kita akan mengiktiraf Ijazah Undang-undang iaitu Bachelor of Laws dari ITM. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada ITM untuk melatih peguam-peguam di dalam negara kita ini.

Mengikut huraian bahawa B.A. Honours dari ITM, B.A. Honours Degree in Laws, akan diterima masuk untuk menjadi peguam di negeri Sabah tetapi saya tidak mengetahui kalau seseorang mahasiswa ataupun mahasiswi yang mendapat bukan B.A. Honours, dia dapat B.A. Laws sahaja, tidak ada Honours Degree. Kalau B.A. Laws sahaja sama ada beliau diterima masuk menjadi peguam atau tidak?

Ada orang masuk peperiksaan, kalau keputusannya baik dapat kepujian, tetapi keputusannya orang Cina cakap 'ngam-ngam' pas sahaja, tidak dapat Honours Degree, tidak dapat kepujian, maka orang itu diterima atau tidak, saya ingin mengetahui akan hal ini.

Untuk memberi nasihat kepada peguambela dan peguamcara yang akan practice di negeri Sabah dengan Ijazah B.A Honours dari ITM....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** *[B.Angun]*

**Tuan Ding Seling:** Sila dahulu.

**Tuan Yim Chee Chong:** Selalu minta laluan dari saya.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat sendiri belajar undang-undang, Yang Berhormat lulus 'ngam-ngam'kah atau kepujian? *[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam B.A Honours Laws, sebab saya menuntut dua Degree. Satu B.A Honours Laws dan satu lagi B.A Honours Politic. Orang politik yang menuntut dalam kursus politik. Jadi, dalam B.A Honours Politic saya dapat Honours Degree. Tetapi dalam undang-undang saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, saya tidak dapat Honours Degree. First year, second year ada Honours Degree, tetapi final year kerana satu-dua markah sahaja, General Degree, B.A Law, sebab....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** ‘Ngam-ngam!’

**Tuan Yim Chee Chong:** ‘Ngam-ngam’ sahaja. *[Ketawa]* B.A Laws Degree saya B.A Laws sahaja, tidak ada Honours Degree. Jadi, saya kasihan kawan-kawan yang lain macam saya dapat B.A Laws sahaja, tidak ada Honours Degree. Selain daripada itu, di Universiti Malaya, ketika saya mengambil kursus Sijil Amalan Guaman (CLP), saya dapat kepujian, kali ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sekarang ini lawyer pun sudah ramai. Di Semenanjung Malaysia pun lebih dari 6,000 orang peguam. Peguam, ada yang baik dan yang tidak baik. Saya tidak mengatakan saya seorang lawyer yang baik. Saya ingat Dato' Zuki seorang lawyer yang baik. Saya bukan kata saya lawyer yang baik. Tetapi saya mengetahui ramai lawyer, ada juga lawyer yang kena....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[B.Angun]*

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat, Dato' Zuki minta laluan.

**Tuan Yim Chee Chong:** Minta laluan kah ataupun penjelasan?

**Tuan Ding Seling:** Kerana Yang Berhormat sebut nama dia tadi itu.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Penjelasan sedikit. Yang Berhormat Tuan Yim dengan saya, dia tidak berapa tahu dari segi latihan, amali saya. Jadi, mana dia tahu yang saya ini B.Aik? *[Ketawa]*

**Tuan Ding Seling:** Silakan Tuan Yim.

**Tuan Yim Chee Chong:** Dari muka sahaja saya tahu orang ini baik. *[Ketawa]* Serupa orang Cina kata, 'seseorang itu hatinya busuk atau jahat, tengok muka sahaja sudah tahu.' Kalau hatinya jahat, jadi muka pun garang. *[Ketawa]* Dato' Zuki - kadang-kadang saya ingat 'suzuki', *[Ketawa]* orang yang beramah-tamah, selalu senyum. Inilah rahsia memanjangkan umur. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya menasihatkan lawyer yang akan practice di negeri Sabah menjaga nama baik ITM dan juga menjaga nama baik lawyer, oleh kerana ada lawyer yang melarikan wang anak guaman. Ada yang melibatkan diri dalam kes tipu. Ada lawyer yang shut off from the row by the Bar Council. Sebab itu saya nasihatkan lawyer yang akan practice ke negeri Sabah akan menjalankan tugas sebagai seorang lawyer, menegakkan keadilan masyarakat, bukan sahaja semata-mata untuk mencari wang. Wang itu memang penting, tetapi keadilan yang penting daripada wang. Ini pandangan saya, setuju atau tidak Dato' Zuki? *[Ketawa]*

Saya juga menasihatkan peguam-peguam yang akan practice di negeri Sabah supaya meliB.Atkan diri dalam Legal Act Bureau, iaitu Biro Bantuan Guaman, menolong orang-orang yang miskin, yang tidak mampu menggaji seseorang lawyer untuk bertindak bagi pihaknya. Kadang-kadang ada orang-orang yang kena tuduh itu ataupun defendant yang kena tangkap oleh pihak polis, orang itu bukan salah, bukannya melakukan kesalahan, tetapi dari luar dia melakukan kesalahan. Secara dalam, kita tahu dia bukan orang yang melakukan kesalahan. Orang yang ditangkap oleh pihak polis, orang yang

dibicara di mahkamah, kalau tidak ada peguam mungkin orang itu akan dihukum dan akan dipenjarakan. Oleh itu, sebagai tugas seorang peguam, saya harap saudara-saudara yang akan practice di negeri Sabah sebagai seorang lawyer akan menjalankan tugas menegakkan keadilan masyarakat.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Dato' Zuki pula, silakan.

**6.05 ptg.**

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bersama-sama hendak mengambil bahagian dalam rang undang-undang berkenaan, dengan izin, the Advocate Ordinance of Sabah hendak dipinda. Jadi, rang undang-undang ini ...

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila sambung.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang ini ialah berkenaan dengan - bertujuan untuk meminda perenggan 4(1)(cc) Ordinan Peguambela Sabah untuk membolehkan seorang yang telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dengan kepujian oleh Institut Teknologi MARA diterima masuk sebagai seorang peguambela di Sabah seperti juga di Semenanjung Malaysia.

Masalah yang timbul tadi, sahabat saya, Datuk Haji Ibrahim bin Ali daripada Kelantan [*Ketawa*] telah menyatakan bahawa dia hendak menukarkan persepsi orang-orang Malaysia supaya jangan berfikir bahawa ITM itu tarafnya bahawa daripada universiti. Jadi, bermaknanya mentaliti orang kita apabila sebut universiti, 'oh ini

kelulusannya tinggi.’ Apabila disebut ‘Institut Teknologi (MARA), oh rendah sedikit.’ Persepsi inilah yang hendak ditukar tadi. Jadi, kalau ini kita hendak ikut, susah kita hendak menukarkan persepsi ini. Bermakna, yang lepas, kelulusan daripada MARA (ITM), dengan kepujian sahaja baru boleh menjadi seorang peguambela dan peguamcara. Tetapi yang dapat ijazah biasa, tidak boleh diiktirafkan. Di negara-negara lain yang termasuk dalam universiti-universiti yang boleh diiktirafkan, boleh diiktirafkan. Tetapi ITM (MARA), General Degree, dengan izin, tidak boleh diiktirafkan. Hanya sekarang ini, hendak masuk Bar sahaja, Lincoln Inn, Bureau Temple, Inner Temple, Grace Inn - Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong masuk Bar lain. Dia tidak masuk ‘bar’ yang empat ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ‘bar’ tadi, maknanya universiti, bukannya ‘bar’ lain. Yang Berhormat Tuan Yim tidak faham apa yang saya cakap itu. *[Ketawa]* Jadi, kalau hendak pergi ke inns, kena ada second class Honours, baru boleh ambil Bar pada masa sekarang. Pada masa Tuan Yang di-Pertua dan saya dahulu HSC pun boleh masuk Lincoln Inn, itu masa kita dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini susah sedikit. Jadi, bermaknanya, dalam universiti-universiti lain, Ijazah Am ataupun General Degree boleh diambil. Tetapi ITM tidak boleh, mengapa? Ini soalan yang besar yang saya hendak B.Awa ke hadapan kerajaan. Mengapa pula yang kepujian sahaja baru boleh diterima, yang tidak kepujian tidak boleh diterima, mereka ini lulus undang-undang juga. Tadi sahaB.At saya hendak tukar persepsi. Kalau cara ini, susah kita hendak tukar persepsi. Sampai bila pun orang menganggapkan bahawa ITM ini darjatnya adalah rendah kalau berbanding dengan universiti-universiti lain.

Jadi, saya mencadangkan kepada kerajaan sampai masanya kita iktirafkan Ijazah Am dengan tidak kepujian supaya mereka ini dapat menjadi peguambela dan peguamcara

di Mahkamah Tinggi di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Kalau tidak, kita ubah cara mengajar, cara syllabus, dengan izin. Mengapa kita tidak boleh tukar sekarang ini, mengapa kita hendak ubah undang-undang ini supaya kita iktirafkan dahulu kepujian sahaja? Sampai masanya untuk kita mengubah caranya bahawa ITM (MARA) setaraf dengan universiti-universiti lain, barulah persepsi tidak payah diubah, seperti Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim tadi membawanya. Buat cadangan saya pun, secara....

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta laluan. Sekarang ada tanya ujian. Saya hendak test knowledge Dato' Zuki. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini bukan tempat uji-menguji. *[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Ini minta laluan. *[Ketawa]* Tadi dia berucap bagi pihak orang yang memegang General Degree, yang tidak ada Honour Degree. Jadi, saya mahu tanya kepada Dato' tadi, CLP course yang dijalankan di Universiti Malaya. Apa seB.Ab CLP course itu diadakan pada tahun 1984, under what circumstances, apa keadaan adanya CLP course di Universiti Malaya? Ini bukan senang hendak jawab. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan jawab, tetapi perkataan saya 'secara' tadi tidak habis lagi. Tetapi secara yang saya cadangkan ini dengan sendirinyalah persepsi itu akan bertukar. Sekarang ini kalau kita dapat General Degree ataupun Ijazah Am daripada universiti-universiti yang tertentu kena mengadakan CLP ataupun certificate kelayakan untuk berlatih. Jadi, ini diberi kepada setengah-setengah universiti sahaja. CLP ini diadakan untuk mereka memahami dan menyesuaikan diri dengan undang-undang sebelum mereka masuk berlatih. Kepada saya, yang lulus ITM (MARA) ini, ijazah kepujian boleh mengambil CLP. Kita sekarang bukan persoalkan CLP itu. CLP itu mana yang dapat Degree daripada universiti-universiti tertentu terpaksa kena mengambil CLP. Kalau kita ambil degree dengan Bar di

London, kita kena belajar dalam chambers, tidak payah pergi CLP. Jadi, CLP ini adalah untuk menyesuaikan mereka yang keluar daripada universiti tertentu.

Jadi, sekarang ini yang saya hendak persoalkan B.Ahawa yang mendapat Ijazah Am daripada ITM ini patut diiktirafkan selepas mereka mengambil CLP. Jadi, CLP tidak ada kaitan dengan ini, hanya CLP itu adalah satu cara untuk kita sebelum berlatih. CLP itu B.Aik, tetapi saya difahamkan CLP ini payah juga hendak lulus sekarang ini, sebab soalan-soalannya dan sebagainya amatlah tinggi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tadi.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Ya. Jadi, kalau misalannya. *[Ketawa]* Minta maaflah, Tuan Yang di-Pertua, saya kena ketawa sebab dia kata kalau Dato' Yim ambil tidak boleh lulus CLP itu. Itulah sebab ... *[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya ambil boleh dapat banyak kepujian. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan, minta maaflah kepada sahabat-sahabat saya ini, selalu suka mengacau saya sewaktu berucap.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya apa caranyalah untuk kita menimbangkan cara yang baik supaya seseorang yang lepas ITM dengan Ijazah Am dibenarkan untuk menjadi peguambela dan peguamcara. Jikalau mutunya rendah sampai masanya kita menaikkan mutu itu supaya persepsi orang-orang Malaysia akan memikirkan bahawa ITM ini setaraf dengan universiti dan tidak payahlah kita tukar ITM kepada universiti. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

**6.16 ptg.**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya pertamanya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Tuan Yim Chee Chong, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali dan juga bapa saya, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, bukan abang saya, bapa saya, tua dah. *[Ketawa]*

Saya .....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun][Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya satu pujian itu panggil saya bapa. Di Indonesia, bila tua sedikit, dia panggil bapa. Jadi, saya anggapkan dia itu sebagai seorang Indonesia memanggil saya ini 'bapa'. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sebab anak saya yang tua sekali hanya berumur 29 tahun. Jadi, kalaulah Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz ini berumur 29 tahun, saya anggapkan dia ini anak saya. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya cakap 'bapa' itu bukan dalam konteks Indonesia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hormat!

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dalam konteks, fasal dia berkawan dengan bapa saya dahulu. *[Ketawa]* Jadi, sebab itu saya anggap dia 'bapa'.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih berkenaan dengan perkara yang telah dibangkitkan, pertamanya oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali berkenaan dengan perlu dinaikkan ataupun diberikan pengiktirafan iaitu ITM dijadikan sebagai sebuah universiti.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa selain daripada segi nama yang tidak ada taraf universiti, tetapi daripada segi yang lain-lain, daripada segi ijazah yang dikeluarkan, daripada segi penerimaan, majikan terhadap ijazah ini dan daripada segi pemberian gaji kepada mereka yang mendapat ijazah dan juga daripada segi gaji yang dibayar kepada pensyarah-pensyarah, semuanya melambangkan dan menunjukkan iaitu bahawa sebenarnya ITM ini ialah sebuah universiti.

Saya setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki sebentar tadi, iaitu bahawa yang lebih penting ialah apa yang dikatakan pengiktirafan ini hendaklah dijadikan menerusi kelayakan dan prestasi ITM itu sendiri.

Kita tahu bahawa banyak universiti yang ada di luar negara yang walaupun bertaraf universiti, sebenarnya sebahagian besar daripada kelulusan mereka itu tidak diiktiraf dan diterima oleh kerajaan kita. Dan Yang Berhormat Senator sendiri menyebut berkenaan dengan Masachusetts Institute of Technology (MIT), taraf kelulusannya jauh lebih baik daripada ijazah yang dikeluarkan oleh universiti, tetapi ia masih lagi dikenali sebagai MIT. Saya kira kalau kita, saya rasa macam ITM ini kalau kita jadikan ia sebagai MARA Institute of Technology sama macam MIT juga. Jadi, dia punya status itu tinggi.

Tujaun kita sebenarnya, kita tidak memberikan ianya pengiktirafan sebagai universiti, ialah kerana kalau ianya dijadikan sebagai universiti bermakna ia tidak boleh mengendalikan lagi setengah-setengah kursus yang dijalankan sekarang yang tidak dijalankan oleh universiti. Bermakna iaitu bahawa kita hanya melihat daripada segi beberapa subjek yang memberi ijazah tetapi ITM memberi kursus dalam bidang sebagai contoh, kalau di zaman Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali semasa di ITM dahulu, dia panggil 'Hot Cat'. Hot cat ini tidak diajar di universiti-universiti, hotel catering dan banyak lagi kursus-kursus yang lain, kalau sekiranya ITM ini dijadikan

sebagai universiti, maka sudah tentulah kursus-kursus yang dijalankan selama ini tidak dapat dijalankan lagi.

Sebab itu, adalah lebih baik kalau ianya dijadikan sebagai Institut Teknologi MARA sahaja yang boleh mengeluarkan ijazah tetapi dalam masa yang sama ia juga boleh mengendalikan kursus-kursus diploma seperti hot cat, mass com. dan lain-lain lagi yang tidak dijalankan oleh universiti-universiti.

Sebab itu, kerajaan memikirkan iaitu bahawa untuk mengambil kira ramai lagi bumiputera yang mungkin tidak mendapat kelulusan dan kelayakan yang tinggi, maka ia tidak boleh masuk ke universiti, lebih baiklah mereka ini diberikan peluang untuk memasuki kursus-kursus yang sedia ada dikendalikan oleh ITM yang mungkin tidak boleh dikendalikan kalau ianya telah menjadi sebuah universiti. Oleh sebab itu, kita mengekalkan ITM ini sebagai institut sahaja dan tidak sebagai universiti.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, boleh Yang Berhormat beri laluan untuk penjelasan?

Saya bersetujulah Yang Berhormat mengatakan tadi, kalau ditukar nama universiti maka seolah-olah ITM tidak boleh lagi mengendalikan kursus diploma. Menukar ITM kepada nama universiti, tidak bererti kursus-kursus yang dijalankan oleh ITM sekarang ini tidak boleh dijalankan, tidak boleh diteruskan, kalau ditukar nama. Itu soalan pertama.

Soalan yang kedua, nampaknya Yang Berhormat tidak bersetuju dengan saya dan bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, adakah ini kerana Dato' Haji Mohd. Zuki ini bapa Yang Berhormat? *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya dalam hal ini sahaja yang bersetuju dengan dia, tetapi banyak hal lain yang saya tidak bersetuju dengan dia pun ada. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, selain daripada alasan yang saya sebut tadi, banyak alasan yang lain yang tidak perlulah saya jelaskan di sini, mengapa kita mahu meneruskan supaya ITM ini tidak dijadikan sebagai universiti tetapi hanya sebagai ITM.

Walau bagaimanapun, yang lebih penting ialah pengeluaran produk-produk daripada ITM ini diterima pakai dan diterima oleh majikan-majikan di dalam negara kita setaraf, dibayarkan gaji sama dengan mereka yang keluar sebagai pemegang ijazah di universiti-universiti lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Yim Chee Chong telah membangkitkan berkenaan masalah mengapa mereka yang mempunyai ordinary degree maknanya General Degree ini tidak boleh diterima. Sememangnya saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa undang-undang akta ini memang tidak menerima mereka yang tidak mendapat kepujian.

Ini ialah kerana Yang Berhormat itu satu piawaian, standard yang kita laksanakan iaitu hanya mereka yang mendapat kepujian sahaja yang boleh diterima untuk menjadi peguambela dan peguamcara di dalam negara kita.

Sebagai .....

**Tuan Yim Chee Chong:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Okay.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tadi Yang Berhormat menyebut tentang standard. Pada hemat saya, standard kepujian dan standard General Degree biasanya tidak banyak.

Tetapi kalau boleh, kita boleh buat pindaan undang-undang supaya General Degree holder pun dapat masuk menjadi peguam. Ini cadangan saya sahajalah. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu Ahli Yang Berhormat mengambil undang-undang di mana. Tetapi kalau ambil Bar seperti Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan dan juga bapa saya, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, saya juga mengambil undang-undang di luar negara iaitu buat Bar. Di Bar kita tidak ada General Degree, kita ada 3rd class sahaja. Jadi, kalau mereka yang tidak lulus, mereka diberikan conditional pass iaitu dia tidak pass satu subjek, dia kena ambil semula. Bermakna memang daripada segi standard yang digunakan daripada dahulu sampai sekarang ialah ia mesti mendapat kepujian.

Dan ini bukan hanya di dalam ITM sahaja, kalau kita melihat macam di Universiti Malaya, dia tidak ada general degree, yang paling rendah 3rd. Class (Honours). Jadi, sebab itu mereka yang masuk menjadi peguam semuanya 3rd. Class. Jadi, jangan dianggap iaitu bahawa mereka yang mendapat ijazah tidak ada kepujian itu di ITM, dia itu di'victimise'lah. Sebenarnya, dia tidak di'victimise'. Macam di Universiti Malaya dia tidak ada General Degree. Paling rendah 3rd. Class (Honours), maknanya kepujian. Sebab itu tidak berbangkit, seolah-olah, katalah kalau adalah General Degree di Universiti Malaya, dia boleh masuk tetapi ITM punya tidak boleh masuk. Tidak ada perkara yang seperti itu.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Saya hendak membetulkan sedikit Datuk Haji Mohamed Nazri, anak saya itu *[Ketawa]* dia sebut tadi, yang 3rd. Class jadi peguam, jadi perkataan itu kena sambung sedikit. Yang mendapat 3rd. Class (Honours)

sahaja yang sekurang-kurangnya boleh menjadi peguambela dan peguamcara. Kalau 3rd. Class sahaja nanti, nanti berasa lawyer-lawyer semua. Jadi, lawyer ini semua 3rd. Class belaka. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasihlah Yang Berhormat. Sebab saya pun ingat fasal kalau sudah menjadi lawyer, fahamlah kalau 3rd. Class itu (Honours)lah. Sebab yang ada Honours Degree dan General Degree. Itu sahaja, memang Honourlah. Jadi, saya pun dapat 3rd. Class, tetapi kalau saya sebut Honours, nanti orang kata saya hendak angkat diri saya sendiri pula.

Jadi, sebab itu, macam kita buat Bar bermakna tidak ada General Degree, yang ada conditional pass. Jadi, sebab itu mereka yang mendapat General Degree ini, kita hendak menjagakan standard, kita tidak boleh mengizinkan mereka untuk diterima sebagai peguam di dalam negara kita.

Selain daripada itu, berkenaan dengan CLP yang Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi. CLP ini adalah satu peperiksaan yang khusus untuk mereka yang mendapat degree di England dan Wales dan mereka ini kalau dapat General Degree, mereka tidak boleh mengambil peperiksaan CLP. Maksudnya iaitu bahawa katalah seseorang itu dia dapat ijazah di sebuah universiti di England ataupun Wales, kalau dia mendapat General Degree, ia tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan CLP. Hanya kalau dia dapat Honours sahaja, ia boleh mengambil peperiksaan CLP. Bermakna iaitu bahawa standard yang kita kenakan iaitu hanya kepujian sahaja yang diterima, bukan hanya dikenakan kepada ijazah yang dikeluarkan oleh ITM.

Ijazah yang dikeluarkan oleh universiti di England dan di Wales juga, kita, dengan izin, penalised, mereka yang mendapat General Degree kalau mereka tidak dapat

Honours, mereka tidak boleh mengambil peperiksaan CLP dan sekali gus tidak boleh menjadi peguam dalam negara kita.

**Tuan Yim Chee Chong:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, sila.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut sistem pendidikan di UK, seseorang yang mendapat 2nd. Class (Honours) sahaja boleh dimasuk ke dalam Inn of Court of England. Tetapi CLP pada tahun 1984 oleh kerana ramai mahasiswa dari universiti di UK ataupun di England, tidak mendapat Honours Degree. Tidak mendapat 2nd. Class (Honours), tidak dapat masuk ke dalam Inn of Court, to do the Bar final, jadi, kerajaan kita, Bar Council dan Universiti Malaya untuk menjaga orang-orang yang dapat General Degree ataupun 3rd. Class degree yang tidak dapat masuk dalam English Bar, jadi diberi satu peluang kepada mereka menuntut di Universiti Malaya yang coursanya dinamakan CLP.

Pada masa saya menuntut di MU, course CLP pada tahun 1985, masa itu General Degree semuanya diterima, tetapi sudah lebih dari sepuluh tahun, saya tidak tahu macam mana sekarang kelayakan untuk masuk sama ada General Degree terima atau tidak ataupun cuma menerima Honours Degree sahaja, General Degree tidak diterima. Tetapi, pada mulanya cuma diterima General Degree, siapa yang tidak dapat Honours Degree pulang ke tanah air, menuntut di MU. General Degree boleh masuk, menuntut CLP course. Itu sahajalah. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Betul, Tuan Yang di-Pertua. Jadi maknanya di England itu dia menerima second class honours sahaja untuk buat bar. Kalau kita ikut hujah yang dibangkit oleh Yang Berhormat, bermakna kita bukan sahaja di peringkat general degree tidak boleh masuk jadi peguam, yang buat third class pun tidak boleh, itu lagi teruk. Sebab itu kita tidak boleh ikut hujah yang dibangkit oleh Yang Berhormat tadi dan kita kena ingat iaitu bahawa tahun demi tahun kelulusan standard itu akan bertambah.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin kata dulu hendak buat bar kelulusan HSC pun boleh tetapi sekarang semua orang sudah tahu hendak buat bar pada hari ini mesti second class, bermakna bahawa standard itu akan naik.

Jadi, apa Yang Berhormat sebut betul, sepuluh tahun dahulu CLP general degree boleh tetapi takkan kita masih lagi hendak ditahap yang lama kerana yang lulus untuk mengambil peperiksaan CLP ini sudah begitu banyak dan tempatnya sedikit dan kita terpaksa memberikan kepada mereka yang mendapat kelulusan tinggi. Begitu juga perkara yang serupa berlaku di England. Dulu saya buat bar pun sama juga macam standard Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin - HSC sahaja, sekarang hendak buat bar kena second class lower, jadi bermakna iaitu standardnya bertambah tinggi.

Jadi, sebab itu kalau Yang Berhormat sebut sepuluh tahun dahulu general degree diterima untuk buat CLP sekarang sepuluh tahun kemudian tidak bolehlah sebab kita hendak jaga mutu kelulusan dan mutu peguam kita.

Saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat sebut tadi iaitu bahawa Yang Berhormat berhujah iaitu peguam ini mesti ada perasaan membela bukan untuk mencari wang sahaja - inilah mutu yang kita hendak, sebab itu mutu kita kena jaga dan kita tidak boleh terima mereka yang hanya mendapat Ijazah General Degree sahaja. Lagi pun Ijazah General Degree ini sebenarnya qualificationnya diploma dan bila diploma maka ia tidak boleh diterima untuk menjadi peguam di Sabah, Sarawak ataupun di Semenanjung sendiri.

Maka oleh itu Yang Berhormat kita tetap dengan keputusan kerajaan iaitu bahawa kita hanya menerima kepujian dan ini bukan diskriminasi terhadap ITM malah, kalau ianya hendak dianggap sebagai diskriminasi ia diskriminasi terhadap mana-mana

pemegang Ijazah General Degree datang daripada mana-mana universiti sekali pun seperti yang telah saya sebut sebentar tadi.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat, untuk menjaga standard mutu ini maka CLP sekarang ini mestilah berkelulusan kepujian bukan lagi general degree. Tadi, Yang Berhormat Yim Chee Chong ada bangkitkan, pada sayalah kepujian dengan general degree itu apa bezanya? Kalau dari segi kita hendak menentukan standard sebab mungkin ada yang dapat general degree itu border line, manakala dari segi mutu seorang peguam, semuanya bergantung kepada pengalaman.

Walaupun dia lulus kepujian sekarang ini, general degree tidak boleh masuk, kepujian dapat masuk tetapi akhirnya nanti, bottom line, dengan izin, dalam konteks profesion perundangan banyaknya bergantung kepada pengalaman dari segi seorang peguam yang berkesan, sebab itu kita lihat ada yang lulus tinggi-tinggi, cemerlang, dapat first class honours, orang tidak pergi dapatkan perkhidmatan. Dia pergi kepada peguam-peguam yang mungkin latar belakang kelulusannya rendah tetapi komitmennya dalam kes yang dibawa itu begitu baik sekali. Ini dari segi my thought of opinion, dengan izin, dari segi soal mutu, sama juga dengan bidang-bidang lain pun sebab akhirnya ia bergantung kepada pengalaman bukan asasnya.

Yang penting kepada kita, hendak beri peluang. Negara kita negara membangun, walaupun ramai peguam kita perlu banyak lagi peguam, jadi patutnya kita beri peluang kepada semua pihak yang belajar undang-undang supaya akhirnya mereka boleh buat CLP dan boleh jadi peguambela. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebenarnya Yang Berhormat ini terlalu subjektif. Kalau kita tanya kepada seorang pensyarah bagaimana dia memberikan

general degree kepada seseorang, kalau kita tanya kepada mereka ada yang mengatakan iaitu bahawa waktu dia duduk periksa orang ini dia 'fail' tetapi oleh kerana sepanjang tahun kerja-kerjanya itu baik, maka pensyarah merasakan iaitu bahawa walaupun dia 'fail' tetapi kerja-kerja dia sepanjang tahun itu baik, maka kita beri dia general degree.

Jadi, kita kena draw the line somewhere iaitu bahawa mesti ada kelulusan kepujian dan hanya mereka sahaja yang boleh diterima sebagai peguam sebab kalau kita hendak bandingkan di antara general degree dengan kepujian ini, jurang perbezaannya yang tahu hanya pemeriksa yang memeriksa peperiksaan itu.

Jadi, kita kena menaruh kepercayaan kepada badan-badan yang telah mengambil keputusan untuk memberikan ijazah ini iaitu sama ada kepujian ataupun general degree untuk menentukan keputusan itu kerana kalau tidak ia akan berpanjangan. Sebab itu bagi kita dalam kerajaan bukan kerja kita untuk melihat dan mendalami apa sebenarnya akibat budak ini mendapat general degree. Itu bukan kerja kita, kerja kita ialah untuk memastikan mereka yang diterima itu hanyalah mereka yang mendapat kepujian kerana sudah tentu, walau apa sekalipun setandard yang kita pakai, yang dapat kepujian itu, insya-Allah ia semestinya jauh lebih baik daripada mereka yang dapat general degree. Jadi, soal pengalaman enam, tujuh tahun lepas itu dia lebih baik itu agak sukar untuk kita pastikan sekarang. Apa yang akan berlaku tujuh tahun dari sekarang. Jadi, saya ingat kita tidak ada pilihan melainkan untuk menerima keputusan yang telah dibuat oleh badan-badan yang telah membuat pemeriksaan terhadap peperiksaan yang telah diambil oleh penuntut-penuntut ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat yang lain-lain itu tidak adalah. Saya ucap terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian di dalam rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

#### **Fasal-fasal 1 dan 2 -**

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan sedikit berkenaan dengan masuk sebagai seorang peguambela. Saya tidak begitu faham sebab lama saya tidak berlatih. Jadi, ini peguambela sahaja ataupun dengan peguamcara sekali, dengan izin advocate and solicitor ataupun dia masuk sebagai seorang peguambela sahaja ataupun di Sabah sahaja digunakan peguambela ini tetapi di Semenanjung Malaysia dia masuk sebagai peguambela dan peguamcara, advocate and solicitor, dengan izin.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jawapannya sama, peguambela dan peguamcara.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tidak payah kita bubuh peguambela dan peguamcara di situ. Peguambela cukup? Maksudnya dalam enakmen ini perkataan sebagai seorang peguambela di Sabah, peguamcara itu tidak payah- kita tinggalkan, boleh tinggalkan ataupun tertinggal?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Penggunaannya begitu iaitu bahawa tidak perlu disebut kedua-duanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tengok dalam bahasa Inggeris, the advocate Sabah, advocate itu peguambela dan peguamcaralah.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Pengerusi, advocate advocate, solicitor solicitor sebab di Malaysia kita gunakan dua sekali; advocate and solicitor, makna kita boleh mengamalkan di mahkamah kita boleh pergi, untuk menandatangani borang-borang pindah milik rumah dan sebagainya pun boleh, itu solicitor. Macam di London kita tahu dia ada siegy or solicitor makna solicitor lain advocate lain, macam biasanya solicitors dia jadi advocate. Kalau solicitor di London kita kena masuk periksa solicitor, tetapi di sini saya tidak faham mengapa di Sabah peguambela sahaja tidak ada acaranya, tertinggalkah ataupun kalau begitu saya mengikutlah, sengaja hendak mencari penjelasan sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Di Semenanjung macam mana?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, saya fahamlah kenapa Yang Berhormat tidak faham, sebab Yang Berhormat tidak pernah practise di Sabah tetapi di Sabah penggunaan perkataannya satu sahaja - Peguambela.

**Fasal 1 hingga 10** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PEBUAMBELA (SARAWAK) (PINDAAN) 1997**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela (Sarawak) Bab 110 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Institut Teknologi MARA (ITM) telah diberi kuasa untuk menanugerahkan Ijazah. Antara ijazah yang boleh dianugerahkan ialah Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dan sekumpulan pertama siswazah ITM telah dianugerahi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) itu dalam bulan Oktober, 1996.

Untuk membolehkan siswazah ITM yang telah dianugerahi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara di Semenanjung Malaysia, Jadual kepada Akta Profesion Undang-undang 1976 telah dipinda melalui PU(B)576/1996 dengan menyenaraikan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada ITM sebagai kelulusan yang diiktiraf. Siswazah ITM yang dianugerahi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) hanya boleh diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara di Sarawak jika Ordinan Peguambela (Sarawak) dipinda sewajarnya. Rang Undang-undang ini bertujuan melaksanakan pindaan yang dimaksudkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Peguambela (Sarawak) ialah undang-undang yang hanya boleh dipinda oleh Parlimen kerana perkara-perkara tentang profesion dan khususnya tentang orang-orang yang berhak menjalankan amalan di mahkamah selain Mahkamah Syariah dan mahkamah anak negeri adalah terkandung dalam senarai Persekutuan dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini mencadangkan pindaan kepada perenggan 4(1)(cc) dengan memasukkan sebutan tentang Ijazah Sarjana Muda Undang-

undang (Kepujian) yang dianugerahkan oleh ITM. Perenggan 4(1)(cc) itu sekarang ini sudah pun mengandungi sebutan mengenai Diploma Lanjutan yang ditawarkan oleh institut itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datuk Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela (Sarawak) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad.

**6.45 ptg.**

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1997 ini saya yakin adalah sama seperti yang dibuat di Sabah tadi, ianya cuma fotostat, perkataan 'Sabah' ditukar kepada 'Sarawak'. Jadi, kalau hendak dihujah pun hujahnya akan sama sahaja, kita ada lagi 7 rang undang-undang yang hendak dibahaskan, jadi saya dengan sukacitanya menyokong pindaan ini.

**Tuan Yim Chee Chong:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Yim hendak sokong sahaja, bukan?

*[Ketawa]* Mahu cakap juga?

**6.46 ptg.**

**Tuan Yim Chee Chong:** Dua minit sahaja ucapan saya, bukan dua jam. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi kita telah meluluskan Rang Undang-undang Peguambela (Sabah) (Pindaan) 1997. Kita menerima sesiapa yang mendapat Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dari ITM menjadi peguambela, tadi di negeri Sabah

dan sekarang ini adalah kerana kepujian yang sama, standard yang sama, kalau membolehkan mereka praktis di negeri Sabah, jadi harus kita terima mereka yang mendapat ijazah itu praktis di negeri Sarawak. Oleh kerana itu, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**6.48 ptg.**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasihlah kepada kedua-dua Senator. Cuma saya hendak tegur sedikitlah, dia peguambela. Peguambela ini kalau orang Kelantan, lain bunyinya itu. *[Ketawa]* Jadi, dia peguambela. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahu maknanya itu? Faham maknanya? *[Ketawa]* Tidak ada jawapan lagilah, ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Hai, ada juga? *[Ketawa]*

**6.49 ptg.**

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Rang Undang-undang ini saya hendak ambil bahagian bahas sedikit sahaja. Saya hendak bela sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar rang undang-undang ini serupa sahaja, seperti kata sahabat saya tadi tidak ada banyak perkara yang kita hendak bincangkan. Tetapi kalau saya hendak bincangkan berkenaan tugas dan tanggungjawab peguam amatlah banyak dalam Majlis ini, tetapi saya hendak sentuh sedikit berkenaan dengan

peguambela ini tadi. Maknanya, boleh digunakan di Sarawak jugalah, tidak payahlah kita gunakan acara itu.

Jadi, saya mencadangkan supaya kalau kita hendak selaras, kita selaraskan sekali dengan perkataan, dengan ayat 'peguambela dan peguamcara', baru seronok kita dengar. Ini macam kekok sedikit, 'advocate' sahaja. Kita di Semenanjung Malaysia kita gunakan 'advocate and solicitor' tetapi dalam rang undang-undang yang kita hendak pinda ini tidak ada, 'advocate' sahaja, mengapa? Sudah sampai masanya kita selaraskan kesemuanya, Sarawak, Sabah serupa sahaja, negeri ini adalah dalam Malaysia, jadi kita selaraskan kesemuanya.

Saya harap juga ramai peguambela dan peguamcara dapat pergi berlatih di Sarawak dan Sabah, dan begitu juga yang di Sabah dan Sarawak boleh berlatih di Semenanjung Malaysia, maknanya kita selaraskan kesemua. Kalau belum selaraskan, saya mencadangkan kerajaan patut sampai masanya untuk menyelaraskan supaya Malaysia kita adalah satu dan seperti juga negara lain. Terima kasih.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh pandangan Dato' Zuki, kali pertama saya sokong pandangannya. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**6.51 ptg.**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah jawab tadi tetapi tidak apalah.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kita kena ingat bahawa sebelumnya Semenanjung iaitu pada ketika itu Malaya, Sabah dan Sarawak dicantumkan menjadi sebuah negara merdeka Malaysia, kita telah bersetuju dengan beberapa perkara yang disebut sebagai Perkara 20. Di antara lain Perkara 20 ini ialah bahawa apa juga undang-

undang yang telah digunakan sebelumnya kita bercantum di negeri Sabah dan Sarawak, harus dihormati kalau sekiranya mereka memilih untuk menggunakan perkataan-perkataan tertentu di dalam undang-undang mereka itu, maka itu merupakan keistimewaan mereka dan ianya tidak akan menjejaskan undang-undang kita di peringkat nasional (federation).

Jadi, sebab itu kalau mereka tidak mengambil keputusan untuk menggunakan advocate dan solicitor, itu merupakan hak yang telah kita berikan kepada mereka. Sebab itu sama ada kita hendak tukar ataupun tidak tukar, itu sebenarnya merupakan penggunaan. Ada penggunaan yang digunakan di Semenanjung, tetapi tidak pernah digunakan di Sabah dan Sarawak dan ada penggunaan di Sabah dan Sarawak yang tidak digunakan di Semenanjung.

Jadi, sebab itu untuk kita selaraskan perkara ini, kita harus ambil kira Perkara 20 itu yang mana mereka berhak untuk mempertahankan apa juga institusi yang telah pun digunakan oleh mereka di Sabah dan Sarawak sebelumnya mereka bercantum dengan Semenanjung untuk menjadi Malaysia. Sebab itu, perkara ini adalah di luar daripada keupayaan kita dan ianya terletaklah kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk mereka sendiri mengambil keputusan tentang perkara ini.

Jadi, lain-lain hal saya ingat tidak ada apalah. Saya ucap terima kasih sekali lagi kepada kedua-dua lawyer tua [*Ketawa*] yang telah mengambil bahagian sebentar tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lawyer tua tidak apa, asalkan jangan lawyer buruk sahaja.  
[*Ketawa*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN SEWA (PEMANSUHAN) 1997**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**6.55 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997 dibaca kali yang kedua sekarang.

Kawalan sewa ke atas bangunan-bangunan di Semenanjung Malaysia mula diamalkan dalam tahun 1919 di negeri Kedah melalui undang-undang yang dikenali sebagai The Home Rent Enactment, Cap. 51. Seterusnya negeri-negeri lain juga mengadakan ordinan masing-masing untuk menguatkuasakan kawalan sewa. Sehingga tahun 1947 semua negeri dalam Malayan Union telah menguatkuasakan undang-undang masing-masing untuk mengawal tenancy dan sewa bangunan-bangunan untuk kediaman.

Keperluan mengawal sewa premis kediaman pada masa itu adalah kerana negeri-negeri itu menghadapi kekurangan bekalan rumah. Dalam tahun 1948 Ordinan Kawalan Sewa bagi tahun itu iaitu satu undang-undang yang seragam bagi Malayan Union telah dikuatkuasakan bagi mengganti ordinan-ordinan negeri. Dalam tahun 1949 ordinan itu telah dipinda supaya premis-premis untuk tujuan perniagaan juga dikenakan kawalan

sewa. Ordinan Kawalan Sewa 1948 telah dimansuhkan dalam tahun 1956 selepas Ordinan Kawalan Sewa 1956 diluluskan.

Kesemua ordinan negeri, Ordinan Kawalan Sewa 1948 dan Ordinan Kawalan Sewa 1956 perlu dilanjutkan penguatkuasaannya setiap tahun. Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan-kerajaan negeri pada ketika itu tidak berhasrat menguatkuasakan kawalan sewa buat selama-lamanya. Kawalan sewa adalah hanya sebagai langkah sementara untuk menghadapi kekurangan premis kediaman dan perniagaan sehingga kedudukan bekalan premis bertambah baik.

Sesungguhnya dalam tahun 1965 kerajaan telah bercadang memansuhkan kawalan sewa di seluruh negara, tetapi oleh kerana peka akan kesan sosio-ekonomi ke atas tenan dan subtenan, maka kerajaan telah bersetuju menangguhkan hasrat tersebut sehingga suatu masa yang lebih sesuai. Akta Kawalan Sewa 1966 yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 1967 tidak bertujuan untuk mengekalkan kawalan sewa selama-lamanya. Perkara ini adalah jelas kerana akta ini membolehkan pemilik mengambil balik premis mereka jika pemilik bercadang membangunkan semula premis mereka atau menggunakan bangunannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kawalan Sewa 1966 yang kini berusia 31 tahun telah ketinggalan zaman dan tidak lagi memenuhi tujuan asalnya. Akta ini, dengan izin, sudah outlived its purpose dan mewujudkan keadaan yang tidak adil di dalam masyarakat kita. Matlamat asal akta ini ialah untuk melindungi penyewa-penyewa dari dikenakan kenaikan sewa yang tidak munasabah, tetapi keadaan kini sudah banyak berubah. Sejak tahun 1948 ekonomi kita telah bertambah maju dan bekalan premis sama ada kediaman mahupun premis perniagaan tidak lagi menjadi masalah. Oleh itu, adalah wajar kawalan sewa dimansuhkan.

Sesungguhnya Akta Kawalan Sewa 1966 telah mewujudkan keadaan yang tidak adil dan tidak menyenangkan khususnya di kalangan pemilik kerana bangunan mereka telah disekat sewa kira-kira 48 tahun, manakala bangunan-bangunan yang dibina selepas 13 Januari 1948 tidak menghadapi sekatan yang sama. Ada pula tenan yang mengambil kesempatan untuk menyewakan semula bangunan-bangunan yang dikawal sewa kepada subtenan dengan kadar sewa yang tinggi untuk mengaut keuntungan.

Amalan ini merupakan satu eksploitasi yang dikenakan oleh tenan ke atas subtenan, dan sepatutnya dihentikan.

Selain daripada itu, kawalan sewa yang dikenakan ke atas premis perniagaan tidak mendatangkan kesan sosio-ekonomi yang positif, kerana walaupun pihak peniaga membayar sewa terkawal yang rendah, mereka menjual barang-barang pada harga pasaran. Walaupun ada peruntukan di dalam Akta Kawalan Sewa 1966 untuk membolehkan pemilik premis mengambil alih bangunan mereka, namun proses pengambilan balik bangunan amat rumit. Keadaan ini juga tidak adil, kerana akta ini mewujudkan suasana yang tidak menentu ke atas pemilik premis.

Selain daripada itu, kebanyakan bangunan terkawal sewa itu adalah di dalam keadaan tidak terjaga, menjadi usang dan memburukkan pandangan persekitaran bandar, telah mewujudkan kawasan sesak dan kotor, urban slums, dengan izin. Ini adalah kerana pemilik menerima sewa yang rendah sekali dan seterusnya mereka tidak mempunyai insentif serta keupayaan untuk memelihara dan memulihkan bangunan mereka. Tenan-tenan pula tidak bersedia untuk memelihara bangunan-bangunan itu kerana bangunan-bangunan itu bukan kepunyaan mereka. Juga bangunan-bangunan itu mempunyai risiko kebakaran yang tinggi, dan boleh menjadi perangkap maut kepada penghuninya. Dari aspek keselamatan warisan pembangunan, akta ini nampaknya seolah-olah melindungi bangunan berkenaan dari dimusnahkan. Akan tetapi, kerana tidak ada penjagaan ke atas bangunan itu, maka banyak dari bangunan-bangunan tersebut terbiar di makan masa.

Tuan Yang di-Pertua, di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan, berdasarkan maklumat kerajaan-kerajaan negeri ada sebanyak 32,852 buah bangunan yang tertakluk di bawah Akta Kawalan Sewa. Jumlah keluarga yang menghuni bangunan itu dianggarkan sebanyak 38,419 buah keluarga. Kerajaan sedar bahawa dengan

pemansuhan Akta Kawalan Sewa 1966 ada pemilik-pemilik yang mungkin mengambil balik premis mereka dan ini mungkin menyukarkan sebahagian daripada tenan dan subtenan yang menduduki premis terkawal sewa untuk mencari premis alternatif. Oleh itu, kerajaan bercadang memberi masa yang cukup untuk penyewa premis berusaha mendapat kediaman alternatif selepas akta dimansuhkan.

Bagi tujuan ini, satu tempoh peralihan mulai 1 September 1997 sehingga 1 Disember 1999 akan dilaksanakan. Dengan langkah ini, akan wujudlah keadaan yang adil dan saksama kepada pihak-pihak yang terlibat, iaitu pemilik premis, tenan dan subtenan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yakin pemansuhan Akta Kawalan Sewa 1966 ini tidak akan menjejaskan bangunan-bangunan yang dikawal sewa dari diroboh secara besar-besaran. Bangunan-bangunan ini dalam satu-satu kawasan pihak berkuasa tempatan adalah dikawal dari dirobohkan sewenang-wenangnya oleh Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 yang telah dipinda untuk menambahkan denda dari RM50,000 ke RM100,000 ke atas pemilik bangunan yang merobohkan bangunan tanpa kelulusan pihak berkuasa perancang tempatan.

Selain daripada itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah juga menyiapkan satu draf undang-undang khusus bagi pemeliharaan dan pemugaran bangunan-bangunan lama. Rang undang-undang berkenaan akan dibentangkan di Dewan ini sebaik sahaja ia diluluskan oleh kerajaan. Kerajaan yakin dengan adanya tempoh peralihan, pemansuhan kawalan sewa akan dapat dilaksanakan dengan kesan sosial yang minimum ke atas tenan dan subtenan berkenaan khusus mereka yang perlu mengosongkan premis mereka di akhir tempoh peralihan. Ramai tenan yang sudah bersedia dan berupaya untuk mendapat tempat kediaman alternatif. Di samping itu,

kerajaan dan pihak swasta kini giat membina rumah-rumah kos rendah dan sederhana yang mencukupi untuk rakyat. Pihak berkuasa akan memberi pertimbangan istimewa kepada tenan-tenan ini untuk memiliki atau menyewa rumah-rumah baru itu.

Cadangan-cadangan ini di dalam Rang Undang-undang Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997 telah dipersetujui oleh semua kerajaan negeri dalam Majlis Mesyuarat Negara Bagi Kerajaan-kerajaan Tempatan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kawalan sewa juga pernah dikenakan di negeri Sabah dan Sarawak, tetapi telah dimansuhkan pada tahun 1984 bagi negeri Sabah dan tahun 1985 bagi negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Kawalan Sewa 1966 dan bagi mengadakan peruntukan peralihan, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**7.12 mlm.**

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Sebentar tadi Timbalan Menteri kita telah menerangkan sebab-sebab kita ingin meluluskan rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini adalah untuk memansuhkan Akta Kawalan Sewa 1966. Mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, Akta Kawalan Sewa 1966 adalah satu akta yang tidak adil dan sekat sewa kepada pihak pemilik. Ini bermakna Akta Kawalan Sewa 1966 itu adalah memihak kepada pihak penyewa. Sekarang ini berdasarkan kepada

keadilan, kita ingin memihak kepada pihak owner, pemilik, iaitu kita ingin meluluskan rang undang-undang Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kawalan Sewa 1966 itu adalah mengendalikan pre-war building, iaitu rumah-rumah ataupun bangunan sebelum Perang Dunia Kedua. Oleh kerana masa sudah lama, sudah berpuluh-puluh tahun lamanya bangunan itu didirikan, jadi rumah-rumah itu sekarang kebanyakan didapati merbahaya untuk diduduki, kawasannya kotor seperti Timbalan Menteri kita menyebutnya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya pemansuhan ke atas Akta Kawalan Sewa 1966 ini adalah satu masalah sosial yang kita akan hadapi. Mengikut keterangan Timbalan Menteri tadi sebanyak 38,600 buah rumah yang terlibat. Mengikut perangkaan sebanyak 171,787 orang penghuni terlibat. Ini adalah satu bilangan penghuni yang besar. Jadi, kerajaan kita harus menjaga mereka 171,000 orang, macam mana, ke mana mereka akan pergi. Macam mana mereka mendapatkan rumah? Macam mana mereka dapat menyewa rumah? Sekarang ini sewa rumah adalah sangat mahal. Pada hemat saya, penyewa-penyewa rumah pre-war building itu adalah orang yang miskin. Kalau sekarang ini kerajaan hendak memansuhkan Akta Kawalan Sewa 1966, bermakna dalam tempoh 27 bulan, mereka harus mengosongkan premis mereka yang disewa itu. Mereka telah sewa bangunan itu berpuluh-puluh tahun lamanya. Ada yang dari ayahnya, ada yang dari datuknya dan saudaranya.

Saya setuju tentang pandangan ‘Timbalan Yang di-Pertua’, undang-undang itu yang mengatakan tidak adil, sekat sewa. Ini memang betul, sebab pre-war building sewanya murah. Di Seremban, sebuah kedai, lebih kurang RM200 ataupun RM300 sahaja the whole building, first floor and the ground floor.

**Dr. Yeow Seng Huat:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada minta laluan.

**Dr. Yeow Seng Huat:** Bukan ‘Timbalan Yang di-Pertua’, tetapi Timbalan Menteri, minta penjelasan.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tadi, siapa?

**Dr. Yeow Seng Huat:** Tadi Yang Berhormat cakap ‘Timbalan Yang di-Pertua.’ Sebenarnya tidak, tetapi ini dikatakan oleh Timbalan Menteri.

**Tuan Yim Chee Chong:** Timbalan Menteri. Terima kasih. Kerana sudah cakap banyak, kadang-kadang pun keliru sedikit. Waktu pagi kita segar, sekarang sudah petang jam 7.00 lebih kadang-kadang ada keliru sedikit. *[Ketawa]* Terima kasih Doktor.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Mengantuk!

**Tuan Yim Chee Chong:** Oh, saya mengatuk, tidak. Kalau mengantuk takkan saya berucap. *[Ketawa]*

**Tuan Sairin bin Karno:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada minta laluan lagi.

**Tuan Yim Chee Chong:** Ada lagi.

**Tuan Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik bila Yang Berhormat beritahu mengantuk, barangkali letih, sebab sekarang sudah 7.00 lebih. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk melanjutkan persidangan kita pada hari Isnin dan Selasa seandainya ini tidak selesai hari ini.

**Tuan Yim Chee Chong:** Kalau hari ini kita boleh selesai, tetapi kita sampai pukul 8.00 sahaja, takkan selesai pada hari ini. Pada hemat saya, esok mungkin kita boleh selesai. Kalau kita boleh selesai pada hari esok, takkan kita lanjutkan pada hari Isnin. Kalau kita lanjutkan pada hari Isnin, kerajaan akan kena bayar banyak elaun untuk

hari Jumaat, Sabtu, Ahad dan Isnin, kita hendak bayar sewa kepada semua Ahli Yang Berhormat. Ini tanggungan negara. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Tuan Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Dewan Rakyat bersidang lebih daripada empat hari, jadi, barangkali kita juga akan fikirkan untuk dua hari. Fasal itulah saya tanya Yang Berhormat tadi!

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan Rakyat adalah berlainan dengan Dewan Negara. Oleh kerana Dewan Rakyat banyak parti Pembangkang, ada Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, ada Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh dan seterusnya. Kita di sini tiada apa, semua ‘kakhinang’ orang Hokkien kata. *[Ketawa]* ‘Kakhinang’! Kita semua sendiri punya orang, kita senang sahaja, sungguh pun dari satu parti yang sama ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kakhinang itu apa?

**Tuan Yim Chee Chong:** Ini bahasa Hokkien, ini Ahli Parlimen di Dewan Rakyat dari Yan, dia pandai bahasa Hokkien, dia tidak ada dalam Dewan ini, jadi saya terjemahkan ‘kakhinang’ adalah bermakna ‘sendiri punya orang’. Kita semua dari Barisan Nasional.

**Seorang Ahli:** Penyokong-penyokong!

**Tuan Yim Chee Chong:** Penyokong-penyokong siapa? Kita bukan penyokong Barisan Nasional, kita adalah orang Barisan Nasional. Penyokong mungkin orang lain. *[Ketawa]* Ketawa-ketawa tidak mengantuklah! *[Ketawa]* Tetapi saya laparlah, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Saya belum makan tengah harilah. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Eloklah, cepat habiskan.

**Tuan Yim Chee Chong:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cepatkanlah!

**Tuan Yim Chee Chong:** Ya, cepatkan. Bolehlah, Tuan Yang di-Pertua, dengan secepat mungkin! *[Ketawa]* Cepat-cepat sahaja, kalau bercakap satu, dua jam tidak apalah kan? Sebab ramai orang yang hendak balik ke kampung, hendak jumpa isteri atau anak-anak, *[Ketawa]* jadi, saya pendekkanlah ucapan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana seramai 171,787 orang penghuni dalam prewar building itu, jadi, ini adalah ramai orang, jadi, kerajaan harus mencari jalan untuk mengatasi masalah ini, macam mana kita hendak mengatasi masalah orang-orang ini. Sekarang saya menyeru kepada kementerian ataupun kerajaan-kerajaan negeri untuk mendaftarkan nama penghuni-penghuni ataupun penduduk-penduduk dalam prewar building itu. Mendaftarkan nama mereka, kalau sekiranya ada rumah murah, keutamaan adalah diberi kepada mereka yang terlibat.

Saya juga menyeru kepada kerajaan negeri supaya memberi tanah kepada pihak pemaju yang berniat menolong orang miskin mendirikan rumah-rumah murah kepada orang yang terlibat dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira kerana mengikut Rancangan Malaysia Ketujuh, sebanyak 47,000 rumah kos rendah dan 10,000 lebih rumah kos sederhana akan dibina di Pulau Pinang. Orang-orang yang ramai sekali yang terlibat adalah orang di Pulau Pinang.

Jadi, saya harap Rancangan Malaysia Ketujuh akan dapat membina rumah-rumah itu untuk orang yang menghadapi masalah pada dua tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut rang undang-undang ini, dalam tempoh dua tahun empat bulan akan mengadakan satu tribunal untuk menyelesaikan segala pertikaian antara

pihak pemilik dan pihak penyewa. Saya harap tribunal itu, orang-orang yang dilantik itu adalah orang yang adil dan saksama. Jangan lantik orang yang dalam tribunal itu orang yang mempunyai fikiran 'makan suap', rasuah. Sekarang ini kita menentang dan dasar kerajaan kita menentang rasuah, jadi, kita harus melantik orang yang bijaksana, yang adil dan saksama untuk menjadi chairman tribunal ataupun ahli-ahli jawatankuasa tribunal.

Oleh kerana keputusan tribunal itu adalah final, tidak ada peluang untuk 'appeal' ke Mahkamah Tinggi. Ini adalah sangat mustahak melantik orang yang adil dan saksama macam Tan Sri Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ah! Terima kasihlah, di mana pula tahu? *[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Akta Kawalan Sewa 1966, saya ada pengalaman tentang akta ini. Pada tahun 1989, ada seorang pemilik, rumah di Lenggeng, Mantin, Negeri Sembilan adalah prewar building, rumah itu disewa kepada seorang penyewa dan rumah itu runtuh dan dianggap sebagai bangunan yang merbahaya. Orang itu enggan keluar, sungguh pun ownernya minta dia keluar hendak mendirikan rumah baharu, tetapi dia enggan keluar, jadi, pemilik itu mencari seorang lawyer mengambil tindakan undang-undang di tribunal di Seremban.

Mengikut Akta Kawalan Sewa 1966, mengikut akta ini kalau seseorang penyewa keluar dari bangunan itu, pihak pemilik harus memberi ganti rugi tidak lebih dari empat tahun sewa dan tidak kurang dari dua tahun sewa. Dan building plan itu disetujui oleh local authority dan mempunyai wang, keterangan ataupun FT di dalam bank untuk mendirikan rumah. Orang itu telah cukup semua ada, tetapi di dalam perbicaraan tribunal, permohonannya di tolak. Sesudah ditolak, peguamnya pun tidak meng'appeal' kepada High Court. Jadi, kes ini sudah selesai satu tahun.

Kemudian dia cari seorang lawyer mengambil tindakan di mahkamah Majistret Seremban. Dalam statement of claim dia kata, 'pemilik hendak tinggal di rumah itu' sebab itu hendak ambil balik rumah. Ini adalah salah di sisi undang-undang. Mengikut The Rent Controll Act 1966, dia hendak mendirikan rumah itu ada building plan approved daripada local authority dan FT ada yang sufficient FT untuk mendirikan rumah, maka boleh diberi approved. Tetapi land tribunal Seremban tidak approved. Jadi, dia ambil tindakan di Magistrate Court Seremban. Dua tahun tidak selesai. Kemudian lawyer itu dia tidak ambil kes itu. Dia discharge himself. Dia cari saya minta saya tolong. Okay, saya tolong. Berapa lama, sudah lima tahun belum selesai, Tuan Yang di-Pertua, kes itu, hendak mendirikan rumah yang baru, tidak selesai - macam mana? Bukan kita lawyer pun tidak mahu kerja, kita failkan semua dokumen, sebelum perbicaraan, mahkamah kata: "Fail ini sudah hilang!" "Saman itu tidak ada." Macam mana hendak bicara?

Jadi, minta peguam beri statement of claim, saman yang baru. Beri lagi, tetapkan lhb. untuk perbicaraan. Sebelum perbicaraan, Majistret itu transfer. Sesudah ada Majistret yang baru sudah sampai, jadi, sudah proceed the hearing di mahkamah. Sampai submission of the peguam. Majistret yang mendengar kes ini pun transfer ke lain tempat. Majistret yang baru, dia kata: "Saya tidak tahu baca tulisan Majistret yang lalu, I cannot read the handwriting." Jadi, ditetapkan satu haribulan untuk perbicaraan.

Sebab itu, sudah enam, tujuh tahun, pihak pemilik hendak mendirikan rumah yang merbahaya itu, tidak dapat. Sekarang kes ini masih di Mahkamah Majistret Seremban. Menang atau kalah belum tahu lagi setakat ini. Jadi, ini adalah membuktikan mengikut undang-undang ini, kalau land tribunal buat silap, pihak pemilik hendak mendirikan

rumah yang lama, hendak melupuskan rumah yang lama mendirikan yang baru, susah sangat.

Jadi, sebab itu, saya pun sokong rang undang-undang ini supaya pihak pemilik dapat melupuskan rumah yang lama, yang merbahaya, yang kotor dan mendirikan rumah-rumah yang bersih, yang baru dan selamat untuk didiami.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sahabat-sahabat saya yang lain ingin berucap, maka saya pun, Tuan Yang di-Pertua pun hadkan masa saya berucap, sebab saya berucap selalu berjam-jam lamanya. Kali ini, saya ingat 20 minit sahajalah. Itulah sahaja perbahasan saya tentang rang undang-undang ini dan saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Tan Swee Hueng.

**7.25 mlm.**

**Tuan Tan Swee Hueng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya bangun untuk membahaskan dan menyokong Rang Undang-undang Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan khasnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana mengambil usaha dan inisiatif untuk memansuhkan Akta Kawalan Sewa ini.

Pemansuhan akta ini adalah tepat. Kalau tidak salah saya, matlamat asal akta ini adalah bertujuan untuk melindungi penyewa-penyewa dari dikenakan kenaikan sewa yang tidak munasabah.

Walau bagaimanapun, keadaan kini sudah banyak berubah di mana ekonomi kita telah berkembang pesat dan maju dan bekalan-bekalan premis dan kediaman atau perniagaan tidak lagi menjadi masalah yang besar bagi masa sekarang.

Akta ini telah menimbulkan keadaan yang tidak adil dan tidak menyenangkan khususnya di kalangan pemilik kerana bangunan mereka telah disekat sewa lebih daripada 48 tahun, manakala bangunan-bangunan yang dibina selepas Januari 1948 tidak menghadapi sekatan yang sama. Ada juga tenan-tenan yang menyewa semula bangunan-bangunan yang dikawal sewa kepada subtenan dengan kadar sewa yang tinggi untuk mencari keuntungan. Saya rasa ini tidak adil. Selain daripada itu, kebanyakan bangunan terkawal sewa itu adalah di dalam keadaan buruk dan akan menjadi 'urban slum dan eyesore'.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh sedikit masalah tempoh peralihan. Dua tahun dan tujuh bulan dan tarikh berkuatkuasa akta ini pada 1 Januari 2000. Ini akan jadi satu isu yang penting dan saya harap kerajaan terutamanya kerajaan negeri mengambil tindakan untuk mempunyai satu rancangan perumahan yang baik untuk menangani masalah perumahan terutamanya kepada mereka yang terlibat dalam pemansuhan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam, kerajaan telah menetapkan untuk membina sebanyak 573,000 unit rumah. Dari jumlah itu, sektor awam telah disasarkan untuk membina sebanyak 174,000 unit dan sektor swasta membina 399,000 unit rumah. Daripada jumlah 174,000 unit, sektor awam telah membinakan 102,000 unit atau 58.9% daripada sasaran, manakala daripada jumlah 399,000 unit yang diagihkan untuk sektor swasta, sektor swasta telah berjaya membina 553,000 atau 138.7%.

Walaupun kita telah berjaya mencapai prestasi yang baik dalam Rancangan Malaysia Keenam dengan membina sebanyak 656,000 unit rumah dari sasaran, pencapaian oleh sektor awam tidak begitu memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan isu ini untuk mengingatkan kerajaan terutamanya kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat di dalam pembinaan rumah hendaklah sentiasa peka dan sensitif dengan kehendak-kehendak dan permintaan-permintaan rakyat. Dari Rancangan Malaysia Keenam pencapaian sektor awam yang kurang memuaskan hendaklah dijadikan satu pertanda atau isyarat kepada kerajaan untuk mengambil

langkah-langkah yang lebih positif untuk menangani masalah perumahan terutamanya kepada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, dari masa sekarang hingga ke tarikh penguatkuasaan pemansuhan akta ini, kita masih mempunyai masa dua tahun lebih. Sekiranya kerajaan mempunyai rancangan membina perumahan yang baik, dua tahun lebih akan mencukupi untuk membina rumah yang dikehendaki bagi menampung keperluan yang terlibat dalam akta ini. Dengan ini saya ingin mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya kerajaan termasuk kerajaan negeri yang terlibat bekerjasama dengan pihak swasta supaya dapat membina lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana bagi menampung permintaan golongan rendah dan sederhana. Saya harap kerajaan negeri khususnya syarikat kemajuan negeri janganlah bina rumah mewah yang berharga tinggi. Mereka patut membina rumah kos rendah dan sederhana untuk relokasi mereka yang terlibat di bawah akta ini.

Saya hendak tanya adakah kementerian yang terlibat membuat peruntukan untuk membina lebih rumah untuk mengatasi masalah-masalah ini dan adakah mereka mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini sebelum tahun 2000?

Dengan itu saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pihak menteri diminta menjawab.

**Dr. Yeow Seng Huat:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya? Hendak bercakap lagi?

**Dr. Yeow Seng Huat:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya ambil bahagian dalam perbahasan ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh lagi, Yang Berhormat. Boleh. Fasal tadi tidak bangun, sebab itu saya minta menteri menjawab.

**Dr. Yeow Seng Huat:** Lambat sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf.

**7.34 mlm.**

**Dr. Yeow Seng Huat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kami tidak boleh nafikan bahawa akta ini memang tepat masanya. Seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi it is about the old act has outly distype, dengan izin and it is time to change.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kawalan Sewa 1966 ternyata disalahgunakan oleh penyewa. Akta ini penghalang bagi tuan rumah bagi maksud pembangunan sama ada dimajukan sendiri atau berkongsi. Banyak perkara yang rumit pernah berbangkit di antara penyewa dan tuan rumah. Demikian juga ia menyusahkan tribunal sewa yang mendengar kes-kes berkaitan akta ini. Mahu tidak mahu akta ini memihak kepada penyewa. Banyak fasal dalam Rang Undang-undang Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997 telah mengambil kira berkaitan dengan penyewa dan walau bagaimanapun, akta pemansuhan ini telah mengambil kira fakta seperti perumahan alternatif bagi penyewa dan memberi masa kepada penyewa untuk menyesuaikan diri sendiri, pembayaran sewa pada kadar pasaran serta tempoh peralihannya. Semua ini diambil kira di dalam akta ini. Ini adalah satu akta yang sangat adil.

Selaras dengan pemansuhan Akta Kawalan Sewa 1966 di bawah Fasal 10 satu Tribunal Penyahkawalan ditubuhkan untuk menghakimi pertikaian dengan sewa yang kena dibayar dan terhutang kepada tuan rumah. Maka, penyewa dan tuan rumah masih berpeluang membawa pertikaian mereka, jika ada, kepada satu tribunal untuk mendengarnya. Pertikaian mungkin akan berlaku jika membabitkan penyewa kecil atau penyewa bersama. Ini kerana penyewa premis sering berlaku di antara penyewa utama dengan penyewa kecil dan bukan di antara penyewa kecil dengan tuan punya rumah.

Tambahan pula di bawah seksyen 8 tiada seorang pun tuan rumah berhak mendapat kembali milik kosong premis bagi apa-apa sebab lain semasa tempoh peralihan itu diberi penyewa. Ini bererti penyewa boleh menduduki premis tersebut dalam tempoh pemilihan tanpa sebarang gangguan. Justeru itu, penyewa telah diberikan tempoh yang mencukupi untuk pindah rumah ke tempat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan formula bagi amaun sewa yang kena dibayar secara bulanan oleh penyewa kepada tuan rumah, saya kira adil dan berpatutan. Amaun yang kena dibayar itu mengambil kira kawalan peringkat yang begitu prihatin terhadap penyewa dan tuan rumah. Kebetulan pengiraan amaun sewa yang kena dibayar itu lebih menguntungkan pihak penyewa dan bukan pihak tuan rumah.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Tuan Tan Soon Lee.

**7.38 mlm.**

**Tuan Tan Soon Lee:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk berbahas juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Tan Soon Lee:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk membahaskan Akta Kawalan Sewa 1966. Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemansuhan Akta Kawalan Sewa 1966, memang tidak dapat dielakkan bahawa negara ingin maju, akta-akta yang ketinggalan zaman haruslah dimansuhkan ataupun dipinda supaya lebih berkesan serta lebih adil dan saksama. Saya ingin mencadangkan bahawa selepas akta tersebut dimansuhkan, pihak kerajaan akan mengambil langkah yang sewajarnya supaya

memastikan tidak ada pihak yang merasakan tertindas ataupun tercicir daripada faedah pemansuhan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, penyewa-penyewa yang terlibat dengan pemansuhan akta tersebut mestilah diberi peluang untuk memiliki rumah sendiri. Justeru itu Kerajaan Pusat ataupun kerajaan negeri bertanggungjawab untuk mencari jalan bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka ini. Maka, dengan itu salah satu langkah yang berkesan ialah mendirikan lebih banyak perumahan awam atau rumah murah dan rumah-rumah kedai murah dilancarkan.

Baru-baru ini ada pihak yang mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula harga rumah murah iaitu dinaikkan daripada RM25,000 kepada RM35,000. Ini memang tidak dapat dielakkan memandangkan taraf hidup sekarang semakin tinggi dan pendapatan rakyat juga turut dipertingkatkan. Yang menjadi tanggungjawab kepada pihak kerajaan ialah setelah harga dinaikkan. Pihak berkenaan mestilah memastikan rumah murah yang dibina senilai dengan harga tersebut.

Dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri akan menjawab.

**7.41 mlm.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya tidak banyak hendak menjawab. Hanya hendak memberi penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong, Tuan Tan Swee Heung, Dr. Yeow Seng Huat dan juga Tuan Tan Soon Lee. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan tentang rang undang-

undang ini dan memberi sokongan padu dalam ucapan-ucapan semua Ahli Yang Berhormat.

Saya hendak memberi penjelasan mengenai tindakan yang akan diambil oleh setiap kerajaan negeri yang berkaitan dengan isu-isu pemansuhan ini. Sebenarnya kebanyakan penyewa adalah di negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sudah memberi tindakan untuk mengadakan lebih banyak lagi rumah kos rendah dan sederhana termasuk rumah-rumah kedai murah untuk dimiliki oleh pihak penyewa yang ada berkaitan dengan pemansuhan akta ini dan kita harap dengan kerjasama pihak Kerajaan Persekutuan dan juga pihak negeri, langkah-langkah untuk menambahkan bilangan rumah kos rendah dan juga sederhana di kawasan-kawasan yang terbabit itu, kita boleh menyelesaikan masalah di mana penyewa-penyewa itu tidak akan menghadapi kesulitan untuk mencari kediaman alternatif apabila tiba 1hb. Januari, 2000 nanti.

Mengenai cadangan daripada Tuan Yim Chee Chong tentang Tribunal Penyahkawalan yang akan berfungsi. Sebenarnya memang ada tribunal yang sudah sedia ada - banyak di negeri-negeri berkenaan dan kita akan menambah lagi bilangan tribunal ini supaya masalah-masalah antara pemilik rumah terkawal itu dan juga sipenyewa boleh diselesaikan dalam masa yang secepat mungkin. Kita juga tidak hendak adakan satu suasana seperti yang disebutkan oleh Tuan Yim Chee Chong tadi, hendak tunggu lima atau tujuh tahun baru boleh selesaikan satu kes.

**Tuan Yim Chee Chong:** Belum diselesaikan.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Belum lagi diselesaikan. Kita akan menubuhkan lagi lebih banyak tribunal untuk menyelesaikan masalah apabila ia berlaku.

Akhir sekali, tentang formula-formula bagi kenaikan sewa itu, kita memang tumpukan kepada formula itu kerana formula itu sudah disetujukan kepada semua

kerajaan negeri. Itulah formula yang dianggap sebagai sesuai dan munasabah dan formula itu akan diikuti seperti yang ditetapkan dalam akta ini. Kita haraplah dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian perkara ini tidak akan menjadi masalah yang rumit dan juga tidak akan digunakan oleh pihak pembangkang untuk dijadikan satu isu politik di masa akan datang. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 12** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN BERSAMA (PEGAWAI HAL-EHWAL ISLAM) 1997**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**7.48 mlm.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang

bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu perkhidmatan bagi Pegawai Hal-Ehwal Islam untuk kegunaan bersama Persekutuan dan Negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu perkhidmatan bagi Pegawai Hal-Ehwal Islam untuk kegunaan bersama Persekutuan dan Negeri-negeri. Pada masa ini Pegawai-pegawai Hal-Ehwal Islam sama ada tergolong dalam skim perkhidmatan Persekutuan atau Negeri. Pegawai-pegawai dalam skim perkhidmatan Persekutuan dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, manakala pegawai-pegawai dalam perkhidmatan negeri dilantik oleh sama ada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri atau Persekutuan, mengikut bidang kuasa suruhanjaya berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Pegawai-pegawai Hal-Ehwal Islam memberi perkhidmatan yang penting di negara ini dalam menentukan perkembangan dan pembangunan hal-ehwal Islam berada di tahap yang cemerlang, maka satu usaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan tersebut perlulah dilaksanakan. Oleh itu, demi meningkatkan peluang kerjaya Pegawai-pegawai Hal-Ehwal Islam tersebut, negeri-negeri Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Selangor telah sama-sama bersetuju dengan Kerajaan Persekutuan untuk menubuhkan satu perkhidmatan bagi Pegawai Hal-Ehwal Islam untuk kegunaan bersama Persekutuan dan negeri-negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pewujudan perkhidmatan bersama ini mempunyai kelebihan dan kebaikan dalam mempertingkatkan kecekapan dan meninggikan imej pengurusan dan pentadbiran hal-ehwal Islam. Dengan adanya perkhidmatan bersama ini, mobiliti pegawai-pegawai akan menjadi lebih baik kerana pegawai-pegawai tersebut boleh memegang jawatan-jawatan sama ada di Persekutuan atau negeri. Peluang kemajuan kerjaya untuk pegawai-pegawai berkenaan akan menjadi lebih baik dan ini boleh

mengurangkan kadar perletakan jawatan pegawai-pegawai berkenaan. Latihan-latihan pegawai-pegawai berkenaan akan dapat disepadukan dan dirancang dengan lebih tersusun mengikut konsep pembangunan kerjaya yang tersusun.

Di samping itu, lebih banyak peluang dibuka kepada pegawai-pegawai berkenaan untuk meningkatkan pengkhususan dan kepakaran mereka dalam bidang masing-masing. Dengan memprojekkan bidang kerjaya mereka sebagai satu disiplin pekerjaan tersendiri yang mempunyai ciri-ciri profesionalismenya, pegawai-pegawai berkenaan boleh benar-benar merasai dan menyedari sumbangan penting mereka ke arah pencapaian matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju tanpa mengetepikan pembangunan kerohanian.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini dibuat menurut kuasa Perkara 133(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa;

*“ (1) Perkhidmatan bersama untuk kegunaan bersama Persekutuan atau beberapa buah negeri boleh ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atas permintaan negeri-negeri berkenaan....”*

Rang undang-undang ini mengenai 8 Fasal seperti berikut

Fasal 1 memperuntukkan bagi tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian. Di peringkat ini, akta yang dicadangkan ini hanya terpakai bagi negeri-negeri yang tersebut dalam Fasal 1(2) iaitu negeri-negeri yang telah sama-sama bersetuju dan meminta perkhidmatan bersama ini ditubuhkan. Walau bagaimanapun, pemakaian akta ini boleh diperluaskan kepada mana-mana negeri lain melalui perintah Yang di-Pertuan Agong yang disiarkan dalam *Warta* jika terdapat permintaan bagi maksud itu daripada mana-mana negeri tertentu.

Fasal 2 bertujuan mentakrifkan istilah-istilah yang tertentu yang digunakan dalam rang undang-undang ini.

Fasal 3 bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan perkhidmatan bersama tersebut yang dikenali sebagai Perkhidmatan Bersama bagi Pegawai Hal-Ehwal Islam. Perkhidmatan bersama ini akan meliputi semua pegawai sedia ada, selain daripada Mufti yang diambil kerja di bawah Skim Perkhidmatan Pegawai Hal-Ehwal Islam yang telah memilih untuk memasuki perkhidmatan bersama tersebut dan semua pegawai yang dilantik ke dalam perkhidmatan bersama selepas akta yang dicadangkan ini mula berkuatkuasa.

Fasal 4 memperuntukkan mengenai perlantikan pegawai dan sebagainya selaras dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan. Kuasa untuk melantik, mengesahkan, menaikkan pangkat, menukarkan dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas pegawai-pegawai hendaklah terletak kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

Fasal 5 memperkatakan penempatan dan pertukaran pegawai-pegawai dalam perkhidmatan bersama. Selaras dengan konsep perkhidmatan bersama ini, seorang pegawai boleh ditempatkan di pejabat Persekutuan atau negeri atau ditukarkan dari satu negeri ke satu negeri lain atau dari negeri ke Persekutuan dan sebaliknya.

Fasal 6 memperkatakan tentang saraan pegawai-pegawai. Saraan seseorang pegawai hendaklah dibayar oleh Persekutuan atau negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang di pejabatnya pegawai itu ditempatkan atau ditukarkan.

Fasal 7 bertujuan membolehkan Pegawai Hal-Ehwal Islam dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan atau dalam perkhidmatan awam sesuatu negeri memilih untuk memasuki perkhidmatan bersama tersebut.

Fasal 8 bertujuan memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan peruntukan akta yang dicadangkan ini dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini tidak sedikit pun bertujuan menyentuh kuasa pentadbiran dan perundangan kerajaan-kerajaan negeri yang mempunyai bidang kuasa ke atas perkara-perkara yang berhubungan dengan hal-ehwal Islam. Jika diperhatikan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam rang undang-undang, hanya menyentuh mengenai perkara-perkara perkhidmatan termasuk perlantikan, pengesahan dalam jawatan, kenaikan pangkat dan pertukaran pegawai-pegawai. Penempatan pegawai-pegawai daripada Perkhidmatan Awam Am Persekutuan untuk menjawat jawatan-jawatan di negeri memang telah sedia berjalan pada masa ini di beberapa jabatan kerajaan negeri.

Akta yang dicadangkan ini tidak lebih daripada bertujuan memperluaskan konsep tersebut kepada Pegawai-pegawai Hal-Ehwal Islam untuk meninggikan imej pengurusan Islam bagi maksud menggambarkan kesyumulan dan keagungan Islam selaras dengan dasar kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju tanpa mengetepikan pembangunan kerohanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu perkhidmatan bagi Pegawai Hal-Ehwal Islam untuk kegunaan bersama Persekutuan dan Negeri-negeri, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya

dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, masa ada 5 minit sahaja lagi.

**7.55 mlm.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan kerana membuat satu langkah yang berani mengemukakan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bersama (Pegawai Hal-Ehwal Islam) 1997.

Dalam keadaan negara yang membangun begitu pesat, kita juga mahukan kedudukan terutama sekali dari segi perkhidmatan Pegawai-pegawai Hal-Ehwal Islam ini ditingkatkan tarafnya, ditingkatkan tahapnya dengan kualiti dan juga kuantiti yang berpatutan sejajar dengan apa yang berlaku di negara kita ini sekarang.

Kita dapati di dalam media-media baru-baru ini terlalu banyak kes yang berkaitan dari segi kesalahannya, menyentuh hukum-hakam agama kita. Di Johor misalnya kita dapati banyak sangat kes yang bersangkutan-paut dengan hal-ehwal Islam tetapi tidak dapat diselesaikan dengan cepat, dengan secara berkesan kerana kurangnya kakitangan, baik dari segi hakim mahupun dari segi pendakwa sehinggakan kes-kes ini berlarutan dan ianya menghimpit dan mendesak dari segi mental saudara-saudara Islam kita.

Baru-baru ini dalam majalah *Massa*, saya dapati bukan sahaja perkara isteri didera oleh suami, tetapi kes-kes isteri dera suami, yang ini pun satu gejala baru. Dalam keadaan ekonomi yang membangun di mana isteri-isteri pun banyak yang bekerja, dari segi kebebasan ekonomi, mencari punca pendapatan yang meningkat dan sebagainya, kita dapati, saya hendak baca ini:

*“Pada 7 Disember 1993: Perbuatan isteri mendera suami menjadi suatu fenomena baru di kalangan masyarakat Islam di Lembah Klang berikutan*

*banyak kes yang dilaporkan. Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI) mengesan perbuatan tersebut dilakukan oleh isteri dalam lingkungan umur 30-an”.*

Jadi, ini merupakan fenomena baru dan kita di Dewan ini sepatutnyalah memberanikan diri, menampilkan idea menerusi rang undang-undang ini memperkuat lagi dari segi.....

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, isteri mana boleh mendera suami?

Itu sahaja. *[Ketawa]*

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Saya tidak tahulah secara detail, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini hendak beritahu dari segi laporan yang dibuat di dalam surat-surat khabar. Jenis penderaan pun banyak, sampai pelbagai cerita, di Kota Bharu ada yang kena potong *[Ketawa]* dan pelbagai lagi. Jadi, saya tidak mahu secara detail begitu rupa, tetapi ini merupakan satu fenomena baru yang memerlukan rang undang-undang semacam ini supaya negeri-negeri, saya tidak tahu berapa buah negeri sekarang ini yang bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Malaysia dari segi menyamaratakan pegawai-pegawai ini. Saya mintalah pihak kerajaan supaya mempertingkatkan lagi lobinya kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya mereka bersetuju untuk hendak mengambil bahagian bersama-sama memperkemaskan lagi perkhidmatan Pegawai Hal-Ehwal Islam.

Dengan tertubuhnya Universiti Islam Antarabangsa, Tuan Yang di-Pertua, semakin ramailah tenaga yang mahir dari segi perundangan Islam, dari segi bidang-bidang ekonomi yang berkaitan dengan Islam dan sebagainya tetapi ianya tidak dicerminkan oleh struktur perkhidmatan di peringkat negeri ataupun di peringkat Persekutuan.

Saya hendak mengucapkan tahniah kepada kerajaan kita, Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana mewujudkan pakar-pakar di dalam Kabinet seperti bapa Menteri kita pada hari ini dan juga disokong oleh Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Abdullah [*Tepuk*] yang selalu datang ke Dewan kita, menceritakan bagaimana pendedahan kita terhadap hukum-hakam Islam supaya negara kita ini mencerminkan ciri-ciri keislamannya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal ini saya sukalah hendak mengesyorkan kepada pihak kerajaan, kalau sekiranya di peringkat daerah kita mempunyai seorang pegawai daerah dan dibantu pula oleh penolong-penolong pegawai daerah I, II, III dan IV. Kita hanya mempunyai seorang Kadi, taraf Kadi ini yang menjalankan secara pentadbiran Islam di peringkat daerah itu jauh berbeza tingkat pangkatnya dari segi struktur pentadbiran sekarang dengan ADO yang ada di kawasan daerah.

Saya hendak cadangkan Kadi kita di peringkat daerah seolah-olah sama tarafnya, dia bawah sedikit sahaja daripada DO, sama tarafnya dengan ADO-ADO di peringkat daerah. Dan begitu juga di peringkat negeri, saya pernah bekerja di peringkat negeri, saya dapati Mufti misalnya ada negeri, saya difahamkan Perlis telah pun melantik Mufti sebagai ahli Exco kerajaan negeri kerana kita memerlukan bukannya Pegawai-pegawai Hal-Ehwal Islam hendak menangkap kes-kes khalwat sahaja, tetapi lebih daripada itu, memberikan input dari segi falsafah agama suci kita dan dapat dicerminkan dalam dasar, dicerminkan dalam tindakan (plan of action) yang kita hendak buat di peringkat negeri, di peringkat daerah mencerminkan ciri-ciri Islam yang sepenuhnya, barulah ianya mendapat penghormatan bukan sahaja penduduk-penduduk di negara kita bahkan di peringkat antarabangsa.

Inilah sepatutnya yang dapat kita lakukan menerusi Rang Undang-undang Perkhidmatan Bersama (Pegawai Hal-Ehwal Islam) 1997 ini dan sekiranya pihak kerajaan pusat dapat meyakinkan kerajaan-kerajaan negeri supaya bekerjasama, terutama mereka yang belum sign lagi, saya difahamkan ada yang sudah tandatangan dan ada yang belum, kita hendak tahulah. Negeri-negeri mana yang belum menandatangani lagi kita minta perundingan, kerjasama yang baik, yang erat demi kepentingan agama suci kita, kepentingan pentadbiran dan pengurusan negara, negeri dan daerah. Ini yang penting saya rasa.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat di depan ini sudah tunjuk kepada jam sahaja, nampak gayanya sudah cukup pukul 8.00 malam, ya.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat di depan ini ada menunjuk kepada saya bahawa jam sudah cukup pukul 8.00 malam.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Saya berpandu kepada Tuan Yang di-Pertua sahaja, mengikut perintah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat kita berhenti setakat ini, jam sudah pukul 8.00 malam dan kita akan sambung besok, insya-Allah, jam 2.30 petang.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.**